



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2006



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vii
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2006	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	3
Rumusan Dan Syor Audit	36
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan	37
BAHAGIAN IV : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI	
Pendahuluan	40
Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	40
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	59
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	71
Program Penampilan Audit	79
Program Anak Angkat	85
BAHAGIAN V : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM	
Pendahuluan	89
Pengauditan Penyata Kewangan	89

PERKARA	MUKA SURAT
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	90
Persijilan Penyata Kewangan	91
Pembentangan Penyata Kewangan	92
Prestasi Kewangan	93
BAHAGIAN VI : PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI	
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	96
BAHAGIAN VII : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	114
Kumpulan Melaka Berhad	115
BAHAGIAN VIII: KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005 DAN PERKARA YANG BELUM SELESAI	
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005	129
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	131
BAHAGIAN IX : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI	132
BAHAGIAN X : KEDUDUKAN KEMAJUAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	133
PENUTUP	135
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	136
II Lembaran Imbangan	137
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	138
IV Penyata Akaun Memorandum	139
V Nota Kepada Penyata Kewangan	140

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata kewangan serta pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi mematuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2006 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2006 melalui 2 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2006, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di Jabatan.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkecuali telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkecuali terhadap isu yang telah dibangkitkan. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2006 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya.

4. Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

4.1 Program Anak Angkat. Pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan program anak angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah jabatan yang bersifat *fault finder* – hanya mencari kesalahan kepada sifat *developmental*. Melalui program Jabatan/Agensi Negeri telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir **Mei 2007**, Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing/laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam laporan ini.

4.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

4.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

5. Laporan ini disediakan dalam 10 Bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006
- Bahagian II** : Analisa Kewangan Kerajaan Negeri
- Bahagian III** : Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- Bahagian IV** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian V** : Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Dan Majlis Agama Islam
- Bahagian VI** : Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Negeri
- Bahagian VII** : Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agensi Negeri
- Bahagian VIII** : Kedudukan Masa Kini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Dan Perkara Belum Selesai
- Bahagian IX** : Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri
- Bahagian X** : Kedudukan Kemajuan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

6. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

7. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.

- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

13 Julai 2007

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2006

1. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2006 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah di selenggara dengan lengkap dan kemas kini. Penyata tersebut telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kerajaan Negeri perlu berusaha mempertingkatkan kedudukan kewangan dengan mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi dan berhemat semasa melakukan perbelanjaan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2006 adalah bertambah baik berbanding tahun 2005. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami peningkatan RM5.48 juta atau 2.7% kepada RM208.21 juta pada tahun 2006 berbanding RM202.73 juta pada tahun 2005. Hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM255.43 juta meningkat sejumlah RM4.53 juta atau 1.8% berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM250.90 juta. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah meningkat sejumlah RM12.29 juta atau 5.1% menjadi RM255.24 juta pada tahun 2006 berbanding RM242.95 juta pada tahun 2005. Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk menambah hasil dan berbelanja secara berhemat untuk memperbaiki Akaun Hasil Disatukan agar lebih kukuh.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada tahun 2006 sebanyak 131 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 11 Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya sebanyak 123 projek atau 94% daripada 131 projek yang telah diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM83.95 juta atau 89% daripada RM94.12 juta yang diperuntukkan untuk tahun 2006 telah dibelanjakan oleh 11 Jabatan berkenaan.

BAHAGIAN IV - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

4. Beberapa langkah proaktif yang diambil oleh Pejabat telah meningkatkan tahap pematuhan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, pemantauan berterusan masih diperlukan terhadap beberapa aspek seperti kawalan cek tidak laku, tunggakan hasil yang semakin meningkat, cek batal dan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan

5. Pada tahun 2006, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 2 buah Jabatan Negeri iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah dan Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Pada keseluruhannya pengurusan kewangan di 2 Jabatan/Pejabat adalah memuaskan. Kelemahan yang dibangkitkan seperti ketidakpatuhan terhadap penyelenggaraan rekod kewangan tertentu dan kegagalan menjalankan pemeriksaan oleh Ketua Jabatan merupakan perkara yang boleh diambil tindakan pembetulan segera.

5.1 Program Penampilan Audit atau *Audit Presence* mula dilaksanakan pada tahun 2003. Program ini merupakan pemeriksaan Audit terhadap Jabatan Kerajaan Negeri (Jabatan) yang tidak terpilih untuk pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Prestasi dan Program Anak Angkat. Pemeriksaan Penampilan Audit menunjukkan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan di Jabatan dan Pejabat yang dilawati adalah memuaskan dan teguran Audit telah diambil tindakan dan perhatian untuk tujuan penambahbaikan.

5.2 Pelaksanaan Program Anak Angkat adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan awam. Mengikut penilaian dan analisis Audit, Program ini telah dapat memberikan manfaat kepada Jabatan di mana mutu pengurusan kewangan bertambah baik dengan adanya teguran dan panduan daripada Jabatan Audit Negara. Secara tidak langsung Jabatan Audit Negara dapat membantu Kerajaan Negeri dalam mengawal pengurusan kewangan Jabatan Negeri.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

6. Kesemua 15 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 manakala 7 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 untuk diaudit sehingga 30 Jun 2007. Pada tahun 2006 Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan 14 Sijil Audit bagi penyata kewangan tahun berakhir 31 Disember 2005 dan satu Sijil Audit bagi tahun berakhir 31 Disember 2004. Daripada 15 Sijil Audit tersebut, hanya satu Sijil Berteguran telah dikeluarkan manakala 14 adalah Sijil Tanpa Teguran. Bagi pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri pula, hanya 4 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 telah disahkan tetapi masih belum dibentangkan.

BAHAGIAN VI - PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

7. Pengurusan kewangan Perbadanan masih perlu dipertingkatkan khususnya kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan pinjaman dan aset. Penyelenggaraan rekod perakaunan perlu dikemaskinikan selaras dengan peraturan kewangan. Selain itu, tindakan mempertingkatkan sistem penyeliaan, pemantauan dan susulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan satu sistem kawalan dalaman yang berkesan.

BAHAGIAN VII - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN NEGERI/AGENSI NEGERI

8. Secara keseluruhannya Syarikat telah melaksanakan pengurusannya dengan memuaskan. Komitmen Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan semua anggota Syarikat mewujudkan satu rangkaian sistem pengurusan yang cekap dan memastikan objektif penubuhan Syarikat tercapai. Bagaimanapun, Syarikat hendaklah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan dengan mengambil inisiatif untuk mengatasinya agar dapat meningkatkan kecekapan pengurusan.

BAHAGIAN IX - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

9. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2005 telah dibentangkan pada 16 Oktober 2006.

BAHAGIAN X - KEDUDUKAN KEMAJUAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

10. Pada tahun 2006, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka hanya bersidang sebanyak 3 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004 dan 2005. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 belum dibincangkan lagi.

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2006**

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri Melaka telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 kepada Jabatan Audit Negara pada 30 April 2007. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2006 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2006. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam Dalam Negeri dan Luar Negeri.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2006. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan/Agensi Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran V**.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

3. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2006, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat kewangan yang berkaitan.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

3.1.1 Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 Akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Pada tahun 2006 Kumpulan Wang Disatukan Negeri mengalami peningkatan sejumlah RM5.48 juta atau 2.7% kepada RM208.21 juta berbanding RM202.73 juta pada tahun 2005. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Pada Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Butiran	2005	2006	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	20.43	20.61	0.18	0.9
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.17	0.17	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(36.73)	159.08	122.35	333.1
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(78.13)</i>	<i>(77.83)</i>	<i>0.30</i>	<i>0.4</i>
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>41.40</i>	<i>236.91</i>	<i>195.51</i>	<i>472.2</i>
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	194.57	7.26	(187.31)	(96.3)
	iii) Deposit	24.29	21.09	(3.20)	(13.2)
Jumlah		202.73	208.21	5.48	2.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Berdasarkan jadual di atas, Kumpulan Wang Amanah Awam mengalami penurunan yang amat ketara iaitu RM187.31 juta atau 96.3% disebabkan penstrukturan semula Akaun Amanah Awam Kerajaan telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan selaras dengan kehendak seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957. Ini menyebabkan berlaku peningkatan RM195.51 juta atau 472.2% bagi Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Nota 5(b) Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Melaka tahun berakhir 31 Disember 2006 menerangkan perkara ini seperti di **Lampiran V** laporan ini.

3.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Butiran	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	16.46	9.66	12.48	20.43	20.61
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.94	0.94	13.04	0.17	0.17
3.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:					
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	49.58	22.52	1.06	(36.73)	159.08
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(16.01)</i>	<i>(45.74)</i>	<i>(39.11)</i>	<i>(78.13)</i>	<i>(77.83)</i>
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>65.59</i>	<i>68.26</i>	<i>40.17</i>	<i>41.40</i>	<i>236.91</i>
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	178.47	197.01	174.07	194.57	7.26
	iii) Deposit	16.58	18.98	21.11	24.29	21.09
Jumlah		262.03	249.10	221.76	202.73	208.21

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.2 WANG TUNAI

3.2.1 Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan pada 31 Disember. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan baki Simpanan Tetap. Wang tunai dalam perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam Buku Tunai pada 31 Disember. Manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit.

3.2.2 Analisis perbandingan kedudukan wang tunai pada tahun 2006 dan tahun 2005 menunjukkan peningkatan sejumlah RM9 juta atau 21.2% menjadi RM51.42 juta berbanding RM42.42 juta pada tahun 2005. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Wang Tunai	2005	2006	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Di Bank 31 Disember	41.34	47.65	6.31	15.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1.07	3.76	2.69	251.4
3.	Panjar Wang Runcit	0.01	0.01	0.00	0.0
Jumlah		42.42	51.42	9.00	21.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka


3.2.3 Walaupun terdapat peningkatan baki wang tunai pada tahun 2006 berbanding tahun 2005, namun baki wang tunai tersebut tidak setanding dengan baki wang tunai pada tahun 2002 dan 2003. Pengurangan ini berlaku disebabkan baki wang tunai dibank berkurangan dengan ketara. Baki Wang Tunai pada tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

Jadual 4
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Wang Tunai	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Di Bank 31 Disember	148.64	106.07	65.24	41.34	47.65
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	11.71	2.04	6.84	1.07	3.76
3.	Panjar Wang Runcit	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Jumlah		160.36	108.12	72.09	42.42	51.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 1
Kedudukan Wang Tunai Pada Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.3 PELABURAN

3.3.1 Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2006, pelaburan saham Kerajaan Negeri dalam Lembaran Imbangan berjumlah RM156.79 juta berbanding RM160.31 juta pada tahun 2005. Terdapat pengurangan sejumlah RM3.52 juta atau 2.2% disebabkan oleh penjualan pegangan saham amanah yang dimiliki oleh Tabung Amanah Melaka.

3.3.2 Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri pada tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Pelaburan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Amanah Zoo Melaka	0.50	0.50	0.00	0.0
2.	Tabung Masjid Negeri	0.51	0.51	0.00	0.0
3.	Tabung Amanah Melaka	159.30	155.78	(3.52)	(2.2)
Jumlah		160.31	156.79	(3.52)	(2.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.3.3 Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Tabung Amanah Zoo Melaka	1.00	0.50	0.50	0.50	0.50
2.	Tabung Masjid Negeri	0.51	0.51	0.51	0.51	0.51
3.	Tabung Amanah Melaka	99.65	140.47	148.67	159.30	155.78
4.	Kumpulan Wang Khas	0.52	0.09	0.00	0.00	0.00
Jumlah		101.68	141.57	149.68	160.31	156.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

3.4.1 Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2006 dengan *surplus* berjumlah RM0.18 juta. Jumlah *surplus* ini menurun sebanyak RM7.77 juta atau 97.7% berbanding RM7.95 juta pada tahun 2005. Pada keseluruhannya Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM0.18 juta menjadi RM20.61 juta atau 0.9% pada tahun 2006 berbanding RM20.43 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan terimaan hasil sebanyak RM4.53 juta atau 1.8% menjadi RM255.43 juta pada tahun 2006 berbanding RM250.90 juta pada tahun 2005.

a) Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2006 kutipan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM255.43 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.53 juta atau 1.8% berbanding RM250.90 juta pada tahun 2005. Perbandingan kutipan hasil tahun 2006 dan tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Kutipan Hasil Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Kategori Hasil	Pungutan Hasil		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005	2006	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Hasil Cukai	50.25	67.13	16.88	33.6
2.	Hasil Bukan Cukai	111.65	103.79	(7.86)	(7.0)
3.	Terimaan Bukan Hasil	89.00	84.51	(4.49)	(5.0)
Jumlah		250.90	255.43	4.53	1.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- i) Semakan Audit menunjukkan 5 penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2006 adalah daripada Terimaan Daripada Agensi Kerajaan, Perolehan Dari Jualan Barang-barang, Cukai Tanah, Perkhidmatan Dan Bayaran dan Pulangan Balik Perbelanjaan. Kelima-lima butiran tersebut telah menyumbang sejumlah RM232.2 juta atau 90.9% daripada keseluruhan hasil berjumlah RM255.43 juta. Analisis bagi 5 butiran penyumbang utama hasil bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan	25.05	19.56	62.45	62.45	75.15
2.	Perolehan Dari Jualan Barang-barang	33.64	52.79	82.59	82.10	74.60
3.	Cukai Tanah	42.95	46.75	45.68	48.26	62.96
4.	Perkhidmatan Dan Bayaran	4.88	5.36	8.66	12.16	10.13
5.	Pulangan Balik Perbelanjaan	30.17	21.08	23.25	26.55	9.36
Jumlah		136.69	145.54	222.63	231.52	232.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- ii) Hasil semakan Audit menunjukkan 5 butiran hasil mengalami peningkatan antara 36.0% hingga 1,155.6%. Butiran hasil yang mengalami peningkatan yang ketara pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Peningkatan Hasil Ketara Pada Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)			
1.	Cukai Tanah Semasa	38.63	54.86	16.23	42.0	Peningkatan disebabkan kenaikan kadar Cukai Tanah
2.	Royalti Yang Lain	0.18	2.26	2.08	1,155.6	Royalti Air kerana penswastaan Bekalan Air
3.	Dividen Keuntungan Tabung Amanah Melaka	0.00	3.45	3.45	-	Dividen kali ke-2 atas kadar 4% daripada jumlah caruman.
4.	Pemberian Penyelenggaraan Penguasa Tempatan	6.80	9.25	2.45	36.0	Peningkatan kadar pemberian kepada MBMB
5.	Pemberian Dan Caruman Pelbagai	0.00	8.70	8.70	-	Imbuh balik daripada Persekutuan kerana perbelanjaan Akaun Amanah Pendidikan dan Kebajikan Negeri
Jumlah		45.61	78.52	32.91		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- iii) Sebanyak 3 butiran hasil yang lain menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Butiran penurunan hasil yang ketara adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Penurunan Hasil Ketara Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		(Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)			
1.	Bayaran Balik Pinjaman Agensi	26.48	8.83	(17.65)	(66.7)	Bayaran balik hutang Agensi tidak mengikut jadual
2.	Jualan Rumah Awam Kos Rendah	40.40	29.01	(11.39)	(28.2)	Penurunan jualan selaras stok rumah belum terjual
3.	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	3.63	0.51	(3.12)	(85.9)	Penjenisan kod hasil tidak tepat dan diperbetulkan dalam tahun 2006
Jumlah		70.51	38.35	(32.16)	(45.60)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2006 ialah RM296.68 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM10.43 juta dan menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2006 berjumlah RM307.11 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus ini telah meningkat sejumlah RM7.54 juta atau 2.5% menjadi RM307.11 juta pada tahun 2006 berbanding RM299.57 juta pada tahun 2005. Daripada jumlah RM307.11 juta ini, sejumlah RM255.24 juta atau 83.1% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM12.29 juta daripada RM242.95 juta pada tahun 2005 menjadi RM255.24 juta pada tahun 2006. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 dan 2006 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2005	2006	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	48.68	48.94	0.26	0.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	63.57	81.30	17.73	27.9
3.	Aset	5.12	6.69	1.57	30.7
4.	Pemberian Dan Bayaran Tetap	124.48	116.62	(7.86)	(6.3)
5.	Pelbagai Perbelanjaan	1.09	1.68	0.59	54.1
Jumlah		242.95	255.24	12.29	5.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- i) Hasil semakan Audit menunjukkan 3 butiran perbelanjaan menunjukkan peningkatan ketara antara 27.9% hingga 54.1%. Perbelanjaan bagi butiran Perkhidmatan Dan Bekalan mencatat peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM17.73 juta menjadi RM81.30 juta pada tahun 2006 berbanding RM63.57 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Peningkatan Perbelanjaan Ketara Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Butiran Perbelanjaan	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan	63.57	81.30	17.73	27.9	Peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli
2.	Aset	5.12	6.69	1.57	30.7	Peningkatan perbelanjaan aset
3.	Pelbagai Perbelanjaan	1.09	1.68	0.59	54.1	Bayaran lain-lain perbelanjaan
Jumlah		69.78	89.67	19.89	28.52	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- ii) Analisis selanjutnya mendapati 1 butiran perbelanjaan yang lain menunjukkan penurunan 6.3%. Analisis penurunan perbelanjaan ketara tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Penurunan Perbelanjaan Ketara Tahun 2006 Berbanding 2005

Bil.	Butiran Perbelanjaan	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(Penurunan)		Punca Penurunan
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	124.48	116.62	(7.86)	(6.3)	Pengurangan peruntukan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap
	Jumlah	124.48	116.62	(7.86)	(6.3)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka


- iii) Analisis trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 14** dan **Carta 2**.

Jadual 14
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Perbelanjaan Mengurus	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Emolumen	41.76	42.63	45.96	48.68	48.94
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	29.40	30.56	35.59	63.57	81.30
3.	Aset	3.28	10.57	6.33	5.12	6.69
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	124.85	100.39	174.81	124.48	116.62
5.	Pelbagai Perbelanjaan	0.54	0.53	0.75	1.09	1.68
	Jumlah	199.83	184.68	263.44	242.95	255.24

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 2
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Pada Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

3.5.1 Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Pada akhir tahun 2006 baki Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM0.17 juta iaitu kekal seperti akhir tahun 2005. Ini adalah disebabkan semua terimaan pinjaman tahun 2006 berjumlah RM33.55 juta telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Analisis perbandingan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2005 Dan 2006

Pinjaman	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
			(RM Juta)	(%)
Baki 1 Januari	13.04	0.17	(12.87)	(98.7)
Terimaan	93.15	33.55	(59.60)	(64.0)
Bayaran	106.02	33.55	(72.47)	(68.3)
Baki Pada 31 Disember	0.17	0.17	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.5.2 Kedudukan baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
**Baki Hutang Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan
Mengikut Kategori Pada Tahun 2005 Dan 2006**

Bil.	Pinjaman	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	749.01	770.28	21.27	2.8
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	36.84	39.84	3.00	8.1
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	109.27	105.09	(4.18)	(3.8)
4.	Pelbagai	135.21	139.64	4.43	3.3
Jumlah		1,030.33	1,054.85	24.52	2.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.5.3 Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman baru berjumlah RM33.55 juta pada tahun 2006. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Pinjaman Yang Diterima Oleh Kerajaan Negeri Pada Tahun 2006

Bil.	Pinjaman	Jumlah (RM Juta)	Bil. Projek Terlibat
1.	Bekalan Air	26.02	3
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	3.00	1
3.	Pinjaman Pelbagai	4.53	1
Jumlah		33.55	5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.5.4 Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
**Kedudukan Baki Pinjaman Kerajaan Negeri
Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2002 Hingga 2006**

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	446.89	622.52	718.63	749.01	770.28
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	42.18	39.69	39.84	36.84	39.84
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	65.36	94.83	97.35	109.27	105.09
4.	Pelbagai	52.10	91.72	122.37	135.21	139.64
Jumlah		606.53	848.76	978.19	1,030.33	1,054.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.5.5 Pada akhir tahun 2006 bayaran balik pinjaman berjumlah RM10.98 juta telah dibuat bagi 64 pinjaman, manakala tiada bayaran balik dibuat terhadap 52 pinjaman yang lain.

3.5.6 Menurut Perkara 111 (2) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri hanya boleh membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri boleh membuat pinjaman daripada bank atau institusi kewangan lain bagi tempoh tidak lebih daripada 5 tahun hanya setelah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan. Seterusnya menurut Perkara 111 (3) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri tidak boleh memberi jaminan kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Pengurusan sesebuah Agensi Negeri adalah tertakluk kepada kuasa dan sekatan yang termaktub dalam Enakmen penubuhannya. Menurut Enakmen penubuhan 2 buah Agensi iaitu Yayasan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, kedua-dua Agensi ini berkuasa untuk meminjam dan menjamin atau mengadakan cagaran sama ada dengan cara gadaian

dengan kelulusan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman Agensi Negeri mendapati perkara berikut:

- a) Hanya 3 daripada 16 Agensi telah mendapat pinjaman daripada Institusi Kewangan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka. Kelulusan Kerajaan Persekutuan telah diperoleh bagi pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berjumlah RM31.50 juta bertujuan membiayai pembelian kawasan perindustrian. Bagaimanapun pinjaman oleh Yayasan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri tidak mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan. Tempoh pinjaman yang diambil juga adalah melebihi 5 tahun. Selain itu didapati Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan bagi jaminan cagaran aset ke atas pinjaman tersebut. Pinjaman yang berjumlah RM33.45 juta telah diambil bagi tujuan membiayai projek yang sedang dijalankan dan pembinaan bangunan Menara PERTAM. Maklumat terperinci mengenai pinjaman tersebut adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Pinjaman dan Jaminan Oleh Agensi Negeri
Tidak Mendapat Kelulusan Kerajaan Persekutuan

Nama Agensi	Pemberi Pinjaman	Tarikh Perjanjian Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Tempoh Pinjaman (Tahun)	Jenis Jaminan	Tarikh Kelulusan Kerajaan Negeri
Yayasan Melaka	RHB	26.12.2006	15.00	7	Cagaran Aset	27.8.2006
PERTAM	Bank Rakyat	28.1.2000	18.45	17	Cagaran Aset	19.5.1999
Jumlah			33.45			

Sumber: Rekod Agensi Negeri Melaka

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 bertajuk Arahan Bagi Meningkatkan Kualiti Perancangan Dan Kawalan Ke Atas Pengurusan Syarikat-syarikat Kerajaan, Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun perlu mengawal semua syarikat dengan rapi teliti terutamanya yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Perkara yang perlu di bentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah Badan Berkanun antaranya adalah semua pinjaman yang diperoleh oleh Badan Berkanun dan semua jenis pinjaman yang diberi kepada syarikat subsidiari dan bersekutu serta pinjaman yang *substantial* oleh syarikat subsidiari sama ada dijamin oleh Badan Berkanun atau tidak. Nilai *substantial* perlu ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

- b) Enam buah anak syarikat milik Yayasan Melaka telah membuat 7 pinjaman daripada pelbagai Institusi Kewangan dengan pelbagai jenis jaminan berjumlah RM97.24 juta. Sebanyak 4 daripada 7 pinjaman tersebut telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah Yayasan Melaka tetapi tidak mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan. Manakala 3 hanya mendapat kelulusan Lembaga Pengarah anak syarikat tersebut yang mana turut diwakili oleh Yayasan Melaka. Memandangkan 2 daripada 3 pinjaman tersebut diberi Jaminan Agensi maka kelulusan Kerajaan Negeri perlu diperolehi. Kesemua pinjaman tersebut kecuali pinjaman oleh Kolej Yayasan Melaka adalah bagi tempoh melebihi 5 tahun. Tujuan pinjaman yang diambil adalah bagi membiayai projek penanaman dan perusahaan ladang kelapa sawit, pembelian dan pengubahsuaian bangunan perniagaan, projek ternakan lembu daging dan kemudahan bank. Maklumat terperinci mengenai pinjaman tersebut adalah seperti di **Jadual 20** dan **Jadual 21**.

Jadual 20
Pinjaman Dan Jaminan Oleh Anak Syarikat Yayasan Melaka
Tanpa Kelulusan Kerajaan Persekutuan

Nama Anak Syarikat	Pemberi Pinjaman	Tarikh Perjanjian Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Tempoh Pinjaman (Tahun)	Jenis Jaminan	Tarikh Kelulusan Kerajaan Negeri	Tarikh Kelulusan Lembaga Pengarah
Incosetia Sdn. Bhd.	Bank Pertanian Malaysia	5.3.2003	28.50	9	Jaminan Kerajaan Negeri, Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	30.4.2003	29.4.2003
Samel Plantation Sdn. Bhd.	Bank Pertanian Malaysia	2.6.2006	25.00	12	Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	8.9.2005	21.7.2006
Melaka Mall Sdn. Bhd.	RHB Bank	9.5.2006	24.75	12	Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	18.1.2006	8.8.2005
Melaka Mall Sdn. Bhd.	RHB Bank	*	7.50	12	Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	21.3.2007	8.3.2007
Jumlah			85.75				

Sumber: Rekod Agensi Negeri Melaka

Nota : * - Sedang dalam proses memuktamadkan dan menandatangani perjanjian

Jadual 21
Pinjaman Dan Jaminan Oleh Anak Syarikat Yayasan Melaka Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah Yayasan Melaka Dan Kerajaan Negeri

Nama Anak Syarikat	Pemberi Pinjaman	Tarikh Perjanjian Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM juta)	Tempoh Pinjaman (Tahun)	Jenis Jaminan	Tarikh Kelulusan Lembaga Pengarah
Kolej Yayasan Melaka	Bank Islam Malaysia Bhd.	22.3.2006	0.59	3	Simpanan Tetap dan Jaminan Individu	10.5.2006
Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd.	Bank Pertanian Malaysia	16.1.2007	1.50	10	Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	3.10.2006
Melaka Beef Sdn. Bhd.	Bank Pertanian Malaysia	19.1.2007	1.90	7	Jaminan Agensi dan Cagaran Aset	21.6.2006
Jumlah			11.49			

Sumber: Rekod Agensi Negeri Melaka

3.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat cara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, undang-undang atau perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit.

3.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan Kumpulan Wang Pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2006 berjumlah RM159.08 juta berbanding pada akhir tahun 2005 berbaki RM36.73 juta iaitu peningkatan sejumlah RM122.35 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan semua akaun amanah yang menerima sebahagian besar sumbangan daripada Kerajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 telah dipinda kepada Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan serta terimaan bayaran balik pinjaman dari Agensi Kerajaan. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

- i) Pada akhir tahun 2006, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM77.83 juta. Bagaimanapun defisit ini menurun sejumlah RM0.30 juta berbanding defisit berjumlah RM78.13 juta pada tahun 2005. Penurunan defisit ini adalah disebabkan penerimaan dari sumber Langsung dan Pinjaman berjumlah RM84.15 juta. Pada akhir tahun 2006 pembayaran Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM83.85 juta. Jumlah ini terdiri daripada sumber Langsung dan Pinjaman masing-masing berjumlah RM62.33 juta dan RM21.52 juta. Pada keseluruhannya perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan menurun sejumlah RM58.96 juta atau 41.3% menjadi RM83.85 juta pada tahun 2006 berbanding RM142.81 juta pada tahun 2005. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	
Baki Pada 1 Januari	(39.10)	(78.13)	38.03
Terimaan	103.78	84.15	(19.63)
Perbelanjaan	142.81	83.85	(58.96)
Surplus/(defisit)	(39.03)	0.30	(38.73)
Baki Pada 31 Disember	(78.13)	(77.83)	(0.30)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- ii) Analisis terhadap perbelanjaan sebenar berbanding dengan peruntukan pembangunan bagi tahun 2006 menunjukkan 3 daripada 12 vot perbelanjaan menunjukkan peningkatan, sebanyak 8 mengalami penurunan perbelanjaan manakala satu vot pembangunan tiada perubahan perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan berbanding dengan peruntukannya bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan Berbanding
Peruntukan Tahun 2005 Dan 2006

Vot	Jabatan	Peruntukan		Perbelanjaan		Peningkatan/ (Penurunan) Perbelanjaan	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
P10	Jabatan Kerja Raya	13.50	12.70	13.48	11.00	(2.48)	(18.4)
P11	Jabatan Pengairan Dan Saliran Melaka	10.16	6.30	7.95	5.97	(1.98)	(24.9)
P12	Jabatan Pertanian Negeri Melaka	2.84	2.90	2.71	1.88	(0.83)	(30.6)
P13	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.73	1.73	1.41	1.62	0.21	14.9
P15	Jabatan Ketua Menteri (Perumahan)	4.90	0.11	3.53	0.02	(3.51)	(99.7)
P16	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	27.36	15.12	27.14	12.59	(14.55)	(53.6)
P17	Jabatan Pembangunan Negeri	7.10	11.60	7.07	10.97	3.90	55.2
P18	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	109.02	24.48	68.38	21.50	(46.88)	(68.6)
P19	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	1.90	1.90	1.90	1.88	(0.02)	1.1
P20	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	1.60	1.60	1.60	1.56	(0.04)	(2.5)
P21	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	1.15	1.15	1.15	1.15	0.00	0.0
P22	Jabatan Agama Islam Melaka	6.50	14.53	6.49	13.71	7.22	111.2
Jumlah		187.76	94.12	142.81	83.85	(58.96)	(41.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- iii) Analisis Audit menunjukkan 2 vot pembangunan yang melibatkan 2 jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan ketara antara 55.2% hingga 111.2% pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Dua jabatan yang terlibat ialah Jabatan Pembangunan Negeri bagi Projek-projek Khas Ketua Menteri, Projek Perkhidmatan Masyarakat dan Projek Keagamaan masing-masing berjumlah RM2.43 juta, RM0.57 juta dan RM7.97 juta. Peningkatan ini disebabkan meningkatnya peruntukan bagi Projek-projek Khas Ketua Menteri. Sebuah lagi Jabatan yang mengalami peningkatan yang ketara ialah Jabatan Agama Islam Melaka yang telah melaksanakan 6 buah projek berjumlah RM13.71 juta. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan pelaksanaan projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Selandar dan Projek Sekolah Menengah Agama Bukit Merchat masing-masing berjumlah RM3.63 juta, RM7.36 juta dan RM1.99 juta adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara
Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Vot	Jabatan	Peruntukan		Perbelanjaan		Peningkatan Perbelanjaan	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
P17	Jabatan Pembangunan Negeri	7.10	11.60	7.07	10.97	3.90	55.2
P22	Jabatan Agama Islam Melaka	6.50	14.53	6.49	13.71	7.22	111.2
Jumlah		13.60	26.13	13.56	24.68	11.12	82.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

iv) Dua vot pembangunan yang melibatkan Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) dan Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, telah mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu antara 53.6% hingga 68.6% pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peruntukan yang diluluskan bagi kedua-dua vot tersebut menurun sejumlah RM96.79 juta atau 70.9% kepada RM39.59 juta pada tahun 2006 berbanding RM136.38 juta pada tahun 2005. Butir-butir adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara
Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Vot	Jabatan	Peruntukan		Perbelanjaan		(Penurunan) Perbelanjaan	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
P16	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	27.36	15.11	27.14	12.59	(14.55)	(53.6)
P18	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	109.02	24.48	68.38	21.50	(46.88)	(68.6)
Jumlah		136.38	39.59	95.52	34.09	(61.43)	(64.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

b) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka, Pelbagai Kumpulan wang dan Akaun Amanah Kerajaan.

i) Pada akhir tahun 2006, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM195.52 juta atau 472.4% kepada RM236.91 juta berbanding RM41.39 juta pada tahun 2005. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	2.25	1.34	(0.91)	(40.4)
2.	Akaun Perniagaan	0.17	0.23	0.06	35.3
3.	Akaun Pinjaman	14.13	20.58	6.45	45.6
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	11.02	11.02	0.0	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan wang	13.82	13.50	(0.32)	(2.3)
6.	Akaun Amanah Kerajaan	0.0	190.24	190.24	100.0
Baki Pada 31 Disember		41.39	236.91	195.52	472.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

ii) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan Negeri

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan ditubuhkan mulai Januari 1989 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 tetapi telah dipindahkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 mulai tahun 2006. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengurus dan mentadbir aktiviti-aktiviti pembangunan hutan negeri selaras dengan Seksyen 58 Akta Perhutanan Negara 1984. Terimaan Kumpulan Wang ini antaranya ialah sumbangan Kerajaan Negeri yang diperuntukkan secara tahunan dan ses pembangunan hutan. Mengikut Penyata Kewangan, baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2006 berjumlah RM0.12 juta berbanding RM0.07 juta pada akhir tahun 2005. Peningkatan sejumlah RM0.04 juta disebabkan terimaan peruntukan sumbangan daripada Kerajaan Negeri.

iii) Kumpulan Wang Luar Jangka

Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka contohnya bencana alam. Baki akaun ini pada tahun 2006 berjumlah RM11.02 juta yang mana ianya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun 2005 kerana kumpulan wang ini berbentuk kumpulan wang pusingan. Analisis Audit juga mendapati pada tahun 2006 tiada bayaran yang telah dibuat dari akaun ini memandangkan tiada keperluan berbelanja di luar jangkaan.

iv) Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri


Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 dan terimaan Kumpulan Wang adalah daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan semua jalan negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM4.02 juta telah meningkat sejumlah RM1.70 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM2.32 juta. Pada tahun 2006, pemberian jalan raya berjumlah RM26.16 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 27**. Kedudukan baki akaun dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti di **Carta 3**.

Jadual 27
Kedudukan Akaun Kumpulan Wang Amanah
Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Bagi Tahun 2005 Dan 2006

Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	
Baki 1 Januari	6.17	2.32	(3.85)
Terimaan	26.08	31.80	5.72
Bayaran	26.94	30.10	3.16
Baki Pada 31 Disember	2.32	4.02	1.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 3
Kedudukan Baki Akaun Berbanding Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan
Pada Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

v) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barangan dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2006, jumlah Akaun Kena Bayar telah menurun sejumlah RM0.16 juta menjadi RM10.49 juta berbanding RM10.65 juta pada tahun 2005. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran bagi projek pembangunan, bayaran gaji bagi pegawai yang baru dilantik pada penghujung tahun 2006, bayaran utiliti dan elaun lebih masa.

Sebanyak 20 Jabatan terlibat pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar. Tiga Jabatan menunjukkan jumlah tertinggi iaitu Jabatan Kerja Raya berjumlah RM3.05 juta atau 29% diikuti oleh Jabatan Agama Islam Melaka berjumlah RM2.9 juta atau 27.6% dan Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM2.09 juta atau 19.9% daripada jumlah keseluruhan Akaun Kena Bayar yang berjumlah RM10.49 juta.

3.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri. Mengikut Penyata Kewangan, baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2006 berjumlah RM7.26 juta berbanding RM194.57 juta pada akhir tahun 2005. Pengurangan sejumlah RM187.31 juta disebabkan semua akaun amanah yang menerima sebahagian besar sumbangan dari Kerajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 telah dipinda kepada Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Semakan Audit juga mendapati semua Penyata Penerimaan Dan Pembayaran dikemukakan untuk diaudit.

a) Akaun Amanah Am Negeri Melaka

Akaun Amanah Am Negeri Melaka telah ditubuhkan pada Januari 2004 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 dengan tujuan menerima sumbangan bagi sesuatu maksud yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Terimaan Kumpulan Wang adalah daripada sumbangan agensi Kerajaan Negeri, anak syarikat Kerajaan Negeri, pihak swasta dan orang perseorangan. Pada tahun 2006 penerimaan akaun ini berjumlah RM28.60 juta antaranya disebabkan Kerajaan Negeri telah menerima Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan kerana penubuhan Akaun Amanah Pendidikan

dan Kebajikan berjumlah RM20 juta pada bulan Februari 2006 telah diakaunkan ke akaun ini sebelum ianya diagihkan ke akaun Amanah yang berkenaan. Manakala pembayaran pula berjumlah RM29.59 juta meninggalkan baki pada akhir tahun 2006 berjumlah RM3,911 berbanding tahun 2005 berjumlah RM0.99 juta.

b) Akaun Amanah Zoo Melaka

Akaun Amanah Zoo Negeri Melaka telah ditubuhkan pada September 1988 di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 dengan tujuan menerima segala wang bayaran masuk serta lain-lain bayaran yang menggunakan wang tersebut untuk kerja-kerja pembangunan dan penyenggaraan Zoo. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM3.58 juta telah meningkat sejumlah RM1.35 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM2.23 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan meningkatnya hasil jualan tiket dan sewaan.

c) Akaun Amanah Infrastruktur

Akaun Amanah Infrastruktur telah ditubuhkan pada Januari 1997 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tujuan menubuhkan akaun ini untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan, menaik taraf balai raya, jalan raya, surau, dewan orang ramai dan lain-lain bangunan yang dipersetujui. Terimaan Kumpulan Wang adalah dari sumbangan Agensi Kerajaan Negeri, pemaju-pemaju yang melaksanakan projek pembangunan, kontraktor yang mendapat kontrak Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri, orang awam dan sektor korporat yang berminat. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM0.94 juta telah berkurangan sejumlah RM1.36 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM2.30 juta. Pengurangan ini adalah disebabkan perbelanjaan bagi membina 2 buah jambatan di Brisu, Alor Gajah, Melaka.

d) Tabung Amanah Kebajikan Nelayan

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada November 1997 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tujuan penubuhannya adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada nelayan-nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Melaka yang terlibat secara langsung dan kerja-kerja penambakan laut di pantai Negeri Melaka. Terimaan Kumpulan Wang adalah daripada sumbangan Agensi Kerajaan Negeri, pemaju-pemaju yang melaksanakan projek pembangunan, kontraktor yang mendapat kontrak Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri, orang awam dan

sektor korporat yang berminat. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM0.28 juta telah meningkat sejumlah RM0.20 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM0.08 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan daripada projek Pembinaan Kediaman Resort Berkonsepkan Kepulauan di Tanjung Keling, Melaka.

e) Akaun Amanah Dana Ternakan

Akaun Amanah Dana Ternakan telah ditubuhkan pada September 1988 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tujuan menubuhkan akaun ini untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan menerima segala wang dalam bentuk geran yang disalurkan dari sumber kerajaan serta apa-apa hasil yang diperolehi dari jualan produk tenusu dan lain-lain terimaan. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM0.32 juta telah meningkat sejumlah RM0.05 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM0.27 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan meningkatnya hasil jualan produk tenusu.

3.6.3 Akaun Wang Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik saja selesai maksudnya. Senarai baki deposit hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan Disember setiap tahun.

- a)** Pada akhir tahun 2006 Kerajaan Negeri memegang 35 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 17 Jabatan berjumlah RM21.09 juta. Baki Akaun Wang Deposit telah berkurangan sejumlah RM3.20 juta pada akhir tahun 2006 berbanding RM24.29 juta pada tahun 2005. Pengurangan yang ketara adalah disebabkan oleh pemulangan deposit wang jaminan pelaksanaan bagi projek-projek yang telah siap yang melibatkan Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan. Kedudukan Akaun Wang Deposit bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 28**.


Jadual 28
Kedudukan Baki Akaun Wang Deposit
Pada Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Deposit	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	5.58	5.96	0.38	6.8
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	12.80	9.87	(2.93)	(22.9)
3.	Lain-lain Deposit	5.91	5.26	(0.65)	(11.0)
Baki Pada 31 Disember		24.29	21.09	(3.20)	(13.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- b) Trend baki Akaun Wang Deposit pada tahun 2002 hingga 2006 menunjukkan penurunan dan peningkatan deposit sesuatu tahun bergantung kepada kedudukan penerimaan dan pembayaran wang deposit bagi tahun berkenaan adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Trend Baki Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

3.7.1 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang telah berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan lain-lain amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran pinjaman dan lain-lain bayaran amanah. Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2006 berjumlah RM416.89 juta terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan modal. Sejumlah RM378.94 juta telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta amanah dan deposit. Pada akhir tahun 2006, baki wang tunai meningkat sejumlah RM9 juta atau 21.2% kepada RM51.42 juta berbanding RM42.42 juta pada tahun 2005.

3.7.2 Pada tahun 2006 aliran masuk terimaan Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM55.86 juta atau 11.8% menjadi RM416.89 juta berbanding RM472.75 juta pada tahun 2005. Aliran masuk yang tertinggi adalah daripada terimaan hasil iaitu sejumlah RM255.42 juta disebabkan oleh peningkatan kutipan hasil. Butiran aliran masuk terimaan Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Aliran Masuk Terimaan Kerajaan Negeri
Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Terimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	50.25	67.13	16.88	33.6
2.	Hasil Bukan Cukai	111.65	103.79	(7.88)	(7.1)
3.	Terimaan Bukan Hasil	89.00	84.51	(4.49)	(5.0)
4.	Pinjaman Dalam Negeri	93.16	35.97	(57.19)	(61.4)
5.	Modal	11.75	54.15	42.40	360.8
6.	Lain-lain Terimaan	116.94	71.34	(45.60)	(39.0)
Jumlah		472.75	416.89	(55.86)	(11.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.7.3 Aliran keluar bayaran pada tahun 2006 juga menurun sejumlah RM123.47 juta atau 24.6% menjadi RM378.94 juta berbanding RM502.41 juta pada tahun 2005. Aliran keluar tertinggi adalah perbelanjaan mengurus berjumlah RM255.24 juta atau 67.4% daripada keseluruhan aliran keluar bayaran berjumlah RM378.94 juta berbanding RM242.95 juta

pada tahun 2005. Butiran aliran keluar wang bayaran Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Aliran Keluar Bayaran Kerajaan Negeri
Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Pembayaran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Mengurus	242.95	255.24	12.29	5.1
2.	Pembangunan	142.81	83.85	(58.96)	(41.3)
3.	Modal	10.63	3.52	(7.11)	(66.9)
4.	Pinjaman	106.02	36.33	(69.69)	(65.7)
Jumlah		502.41	378.94	(123.47)	(24.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Penyata Akaun Memorandum Aset. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri manakala Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, tunggakan hasil, pelaburan dan lain-lain pelaburan Kerajaan Negeri.

3.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Agensi Negeri dan Badan Lain dengan Kerajaan Negeri. Pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan sumber Persekutuan. Semakan Audit mendapati baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2006 menurun sejumlah RM3.26 juta atau 0.4% menjadi RM840.83 juta berbanding RM844.09 juta pada tahun 2005. Baki ini merupakan baki pinjaman oleh 5 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Badan Lain. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik pinjaman berjumlah RM28.56 juta oleh 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 4 Badan Berkanun Negeri. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Baki Pinjaman Badan Berkanun Negeri Dan Badan Lain
Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri			
Yayasan Melaka	5.00	2.46	1.83
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	11.77	11.10	9.86
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	70.79	50.61	41.94
Kolej Teknologi Islam Melaka	37.02	33.53	35.57
Perbadanan Air Melaka	880.03	736.70	745.03
Pihak Berkuasa Tempatan			
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	11.40	4.41	2.00
Majlis Perbandaran Alor Gajah	3.05	1.47	1.02
Majlis Perbandaran Jasin	3.99	3.11	2.88
Badan Lain			
Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.20	0.20	0.20
Institut Pengurusan Melaka	0.50	0.50	0.50
Jumlah	1,023.75	844.09	840.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- a) Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2006 berjumlah RM66.75 juta. Sebahagian besar tunggakan ini merupakan tunggakan 4 pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berjumlah RM32.26 juta, 14 pinjaman oleh Perbadanan Air Melaka berjumlah RM18.88 juta dan 3 pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka berjumlah RM7.86 juta, 10 pinjaman oleh Kolej Teknologi Islam Melaka berjumlah RM6.18 juta dan 3 pinjaman oleh 3 Agensi berjumlah RM1.57 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Kedudukan Tunggalan Bayaran Balik Pinjaman Agensi
Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	0	9.22	40.30	42.08	32.26
2.	Perbadanan Air Melaka	6.48	2.89	8.23	1.73	18.88
3.	Yayasan Melaka	0	0	1.35	0	0
4.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	0	1.53	1.06	0.88	0.52
5.	Majlis Perbandaran Jasin	0	0	0	0	0.95
6.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	0	0.34	0.23	0	0
7.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	0	1.30	2.02	7.24	7.86
8.	Kolej Teknologi Islam Melaka	0	4.29	2.87	3.92	6.18
9.	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0	0	0	0.05	0.10
10.	Majlis Agama Islam Melaka	0.50	0.50	0	0	0
Jumlah		6.98	20.07	56.06	55.90	66.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- b) Perbadanan Air Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah menjelaskan bayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM7.25 juta dan RM14.43 juta. Tiga agensi iaitu Yayasan Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka dan Kolej Teknologi Islam Melaka telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM3.04 juta manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan pula telah membayar sejumlah RM3.84 juta. Bagaimanapun bayaran balik pinjaman RM13.36 juta daripada sejumlah RM14.43 juta oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka adalah secara kontra dengan pelbagai projek infrastruktur antaranya ialah Projek Infrastruktur MITC, Projek Membina Kemudahan Sukan dan Projek Pemasangan Penyaman Udara Melaka Sentral.

3.8.2 Pelaburan

Pada akhir tahun 2006, jumlah saham yang dinyatakan di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM25.99 juta. Pelaburan ini terdiri daripada saham tersiar harga yang diurus oleh 3 Pengurus Dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM9.19 juta dan pelaburan saham tidak tersiar harga di bawah Perbadanan Ketua Menteri berjumlah RM16.80 juta. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2006 kedudukan pelaburan saham di penyata ini meningkat sejumlah RM0.25 juta atau 1.0% menjadi RM25.99 juta berbanding

tahun 2005 berjumlah RM25.74 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan mengambil kira keuntungan terkumpul saham tersiar harga yang diurus oleh 3 Pengurus Dana.

3.8.3 Tunggakan Hasil

- a) Pada tahun 2006, tunggakan hasil bagi 7 pemungut hasil berjumlah RM71.11 juta iaitu meningkat sejumlah RM10.75 juta atau 10.8% berbanding RM60.36 juta pada tahun 2005. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut merupakan tunggakan hasil Pejabat Tanah berjumlah RM69.90 juta atau 98.3% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan kurang agresif bagi memungut tunggakan hasil serta kesan dari kenaikan kadar cukai pada tahun 2006. Kedudukan tunggakan hasil bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	59.23	69.90	10.67	18.0
2.	Lain-lain Hasil	1.13	1.21	0.08	7.1
Jumlah		60.36	71.11	10.75	17.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka


- b) Pada keseluruhannya jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM10.67 juta atau 18% kepada RM69.90 juta berbanding RM59.23 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun Kerajaan Negeri telah berusaha dan melaksanakan penguatkuasaan seperti mengeluarkan notis 6A, mengemas kini data yang tidak seragam iaitu Data Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer dengan Sistem Maklumat Hasil Tanah serta memasang papan tanda bilangan rampasan tanah di tempat awam namun kesannya masih kurang memberangsangkan. Kedudukan tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 34** dan **Carta 5**.

Jadual 34
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah	42.28	48.36	46.94	59.23	69.90
2.	Lain-lain Hasil	1.21	0.71	1.04	1.13	1.21
Jumlah		43.49	49.07	47.98	60.36	71.11

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 5
Tunggakan Hasil Pada Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

3.8.4 Hutang Awam

- a) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2006, baki hutang Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM24.52 juta atau 3% menjadi RM1.05 bilion berbanding RM1.03 bilion pada akhir tahun 2005. Baki berjumlah RM1.05 bilion tersebut adalah merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Projek Pelbagai. Peningkatan baki pinjaman adalah disebabkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM33.55 juta berbanding bayaran balik yang hanya berjumlah RM10.98 juta. Bayaran balik pinjaman ini adalah termasuk faedah yang dibayar berjumlah RM1.95 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2006 dan tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Baki Hutang Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan
Pada Tahun 2005 Dan 2006

Pinjaman	Baki Hutang	
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Hutang Dalam Negeri		
Rancangan Bekalan Air	725.39	746.66
Perumahan Awam Kos Rendah	109.27	105.09
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	36.84	39.84
Pelbagai	135.22	139.65
Jumlah	1,006.72	1,031.24
Hutang Luar Negeri		
Rancangan Bekalan Air	23.62	23.62
Jumlah	23.62	23.62
Jumlah Besar	1,030.34	1,054.86

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka


- b)** Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM36.20 juta bagi maksud bayaran hutang Kerajaan. Bagaimanapun Kerajaan Negeri hanya membayar sejumlah RM10.98 juta atau 30.3% daripada peruntukan berjumlah RM36.20 juta. Sehingga akhir tahun 2006 baki hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM1.05 bilion.
- c)** Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2006 berjumlah RM52.07 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan hutang dalam negeri berjumlah RM50.45 juta dan tunggakan hutang luar negeri berjumlah RM1.62 juta. Tunggakan hutang Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM3.54 juta atau 7.3% berbanding RM48.53 juta pada tahun 2005.
- d)** Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 36** dan **Carta 6**.

Jadual 36
Kedudukan Baki Hutang Kerajaan Negeri Pada Tahun 2002 Hingga 2006

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
1.	Pinjaman Dalam Negeri					
	i. Rancangan Bekalan Air	419.13	595.33	693.48	725.39	746.66
	ii. Perumahan Awam Kos Rendah	65.36	94.83	97.35	109.27	105.09
	iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	42.18	39.69	39.84	36.84	39.84
	iv. Pelbagai	52.10	91.72	122.37	135.22	139.65
	Jumlah Hutang Dalam Negeri	578.77	821.57	953.04	1,006.72	1,031.24
2.	Pinjaman Luar Negeri					
	i. Projek Pemulihan Dan Peningkatan Bekalan Air (ADB)	27.77	27.18	25.15	23.62	23.62
	Jumlah Hutang Luar Negeri	27.77	27.18	25.15	23.62	23.62
	Baki Hutang Pada 31 Disember	606.54	848.75	978.19	1,030.34	1,054.86

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 6
Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2002 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat walaupun Kerajaan Negeri hanya memperolehi lebihan berjumlah RM0.18 juta pada tahun 2006 kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya masih stabil kerana surplus terkumpul berjumlah RM20.61 juta pada tahun 2006. Namun Kerajaan Negeri perlu meneruskan perbelanjaan berhemat serta berusaha memungut tunggakan hasil berjumlah RM71.11 juta.

BAHAGIAN III
RANCANGAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. KEMAJUAN PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

5.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Melaka. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Melaka mencapai status negeri maju pada tahun 2010.

5.2 Bagi menjayakan RMKe-9 sejumlah RM796.68 juta yang mana merupakan siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 11 jabatan. Pada tahun 2006 jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM94.12 juta. Dua daripada 11 jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM24.48 juta atau 26% dan Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) berjumlah RM15.12 juta atau 16.1%.

5.2.1 Pada tahun 2006 sebanyak 131 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 Jabatan/Agensi. Semakan Audit menunjukkan Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) mempunyai 20 projek yang keseluruhannya bernilai RM15.12 juta. Pada keseluruhannya sebanyak 123 projek atau 94% daripada 131 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM83.85 juta atau 89% daripada RM94.12 juta telah dibelanjakan oleh 11 Jabatan setakat Disember 2006. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Status Pelaksanaan Projek RMKe-9 Pada Tahun 2006

Bil.	Status Projek	Bilangan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	67	8	51.1
2.	Projek Dahului Jadual	0	0	0.0
3.	Projek Mengikut Jadual	49	9	37.4
4.	Projek Lewat Dari Jadual	7	4	0.1
5.	Projek Belum Mula	8	2	6.1
Jumlah		131		

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri

5.2.2 Secara keseluruhan, Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan sebanyak 89.1% pada tahun 2006. Satu jabatan telah membelanjakan keseluruhan peruntukannya, 9 Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% manakala 1 Jabatan iaitu Jabatan Ketua Menteri (Perumahan) membelanjakan hanya RM16,582 atau 14.6% daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM113,000. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9
Sehingga 31 Disember 2006

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMKe-9 Tahun 2006 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2006 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	12.70	10.99	86.5
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	6.30	5.97	95.0
3.	Jabatan Pertanian Melaka	2.90	1.88	64.8
4.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.73	1.62	93.6
5.	Jabatan Ketua Menteri (Perumahan)	0.11	0.02	14.7
	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	15.12	12.59	83.3
6.	Jabatan Pembangunan Negeri	11.60	10.97	94.6
7.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	24.48	21.50	87.8
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	1.90	1.88	98.9
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	1.60	1.56	97.5
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	1.15	1.15	100.0
11.	Jabatan Agama Islam Melaka	14.53	13.71	94.4
Jumlah		94.12	83.85	89.1

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri

5.2.3 Sebanyak 123 daripada keseluruhan 131 projek yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 67 projek telah disiapkan sepenuhnya, 49 projek dilaksanakan mengikut jadual. Manakala 8 projek masih belum dimulakan lagi. Projek tersebut masih belum dimulakan kerana masih dalam peringkat kerja-kerja

perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9 Setakat 31 Disember 2006

Bil.	Maksud Pembangunan	Belum Mula	Ikut Jadual	Lanjutan Masa	Siap Sebenar	Jumlah
1.	Jabatan Kerja Raya	4	4	-	7	15
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	-	-	2	15	17
3.	Jabatan Pertanian Melaka	-	10	-	1	11
4.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	-	14	-	-	14
5.	Jabatan Ketua Menteri (Perumahan)	-	1	-	-	1
	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	-	1	2	17	20
6.	Jabatan Pembangunan Negeri	-	3	-	-	3
7.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	4	2	1	7	14
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	-	13	-	-	13
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	-	1	-	9	10
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	-	-	-	7	7
11.	Jabatan Agama Islam Melaka	-	-	2	4	6
Jumlah		8	49	7	67	131

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri

5.3 RUMUSAN

Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek RMKe-9 adalah memuaskan. Prestasi perbelanjaan telah mencapai 89.1% berbanding peruntukan. Manakala projek yang dilaksanakan adalah sebanyak 123 projek atau 93.9% daripada 131 projek yang dirancang pada tahun 2006.

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Selain mengesahkan Penyata Kewangan, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan Penampilan Audit. Program Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk Penampilan Audit dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan mendapati ada antaranya mempunyai berbagai masalah dan kelemahan pengurusan kewangan. Jabatan ini perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

7.1 Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan segala bayaran dan terimaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan Negeri bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Mulai tahun 2003 Perbendaharaan Negeri Melaka menggunakan sistem perakaunan berkomputer iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini diguna pakai ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Kewangan dan mengurangkan kelemahan dalam pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

7.2 Struktur organisasi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka dan dibahagikan kepada 3 aktiviti utama iaitu Pengurusan Kewangan, Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Perakaunan. Antara Aktiviti Pengurusan Kewangan ialah mengawal dan menyelia supaya peraturan kewangan dipatuhi oleh Jabatan Negeri serta bertanggungjawab dalam penyediaan bajet Kerajaan Negeri. Beberapa Seksyen dan Unit telah diwujudkan di bawah Aktiviti ini seperti Seksyen Belanjawan/Pinjaman, Seksyen Perolehan, Seksyen Analisis Pemantauan Pelaburan dan Seksyen Hasil. Manakala di bawah Khidmat Pengurusan pula terdiri daripada Seksyen Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Pengurusan Dan Pemantauan Audit serta Unit Komputer. Aktiviti Pengurusan Perakaunan pula bertanggungjawab terhadap operasi dan perakaunan bagi semua urusan kewangan Kerajaan Negeri termasuk menyimpan dan menyelenggarakan akaun hasil dan perbelanjaan serta menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Di bawah Aktiviti ini diwujudkan Unit Perkhidmatan Dan Operasi serta Akaun.

7.3 Sejumlah 62 daripada keseluruhan 67 perjawatan yang diluluskan bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah diisi. Hanya 5 jawatan tetap belum diisi. Seksyen Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia telah menyediakan carta organisasi dengan menunjukkan secara lengkap struktur dan perjawatannya. Selain itu, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan telah diberi latihan sewajarnya. Sepanjang tahun 2006, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sebagaimana yang ditetapkan.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan dan amanah.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di Unit Hasil, Unit Belanjawan, Unit Pinjaman, Unit Akaun, Unit Komputer, Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia di Pejabat Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri. Rekod dan dokumen utama yang disemak ialah bajet, waran

peruntukan, baucar bayaran, penyata pemungut, jurnal, penyata penyesuaian bank, buku tunai, lejar, rekod pinjaman dan pelaburan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapat ulasan dan penjelasan lanjut.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 KAWALAN BAJET

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Melaka dan Seksyen 15 Akta Prosedur Kewangan 1957, bajet hendaklah disediakan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan pengurusan kewangan Negeri. Sejak tahun 2003, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Bajet Ubahsuai bagi mempertingkatkan pengurusan program Kerajaan selaras dengan konsep *Let Managers Manage*. Bagi memudahkan pengurusan kawalan bajet tahunan, Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan arahan penyediaan bajet tahun 2006 melalui Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bilangan 1 Tahun 2004.

10.1.1 Kedudukan Bajet

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Pusat dalam merancang perbelanjaan dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan bagi merangsang pertumbuhan serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap ekonomi negara. Belanjawan berimbang atau sekurang-kurangnya mengurangkan defisit adalah pendekatan yang disarankan kepada Pegawai Pengawal bagi menguruskan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Mengikut bajet tahun 2006 Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM297.55 juta iaitu terdiri daripada hasil cukai sejumlah RM82.42 juta, hasil bukan cukai RM104.07 juta dan terimaan bukan hasil RM111.06 juta. Perbelanjaan mengurus tahun 2006 dianggarkan berjumlah RM296.68 juta. Anggaran ini merangkumi perbelanjaan emolumen sejumlah RM48.17 juta, Perkhidmatan Dan Bekalan sejumlah RM78.69 juta, Aset sejumlah RM6.42 juta, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap sejumlah RM157.89 juta dan Perbelanjaan Lain sejumlah RM5.51 juta. Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 berjumlah RM88.32 juta. Sumber perbelanjaan pembangunan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM44.59 juta dan peruntukan pinjaman dan lain-lain daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM43.73 juta.

10.1.2 Pembentangan Bajet

Bajet tahun 2006 yang disediakan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada Disember 2005. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Ketua Menteri pada 1 Januari 2006 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Semakan Audit pada akhir Disember 2006, mendapati hanya satu peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM10.43 juta dan satu peruntukan tambahan bagi perbelanjaan pembangunan berjumlah RM5.79 juta telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 17 Oktober 2006.

Pada pendapat Audit, penyediaan bajet Kerajaan Negeri tahun 2006 telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri.

10.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM255.43 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.53 juta atau 1.8% berbanding hasil pada tahun 2005 yang berjumlah RM250.90 juta. Kutipan hasil pada tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Kutipan Hasil Pada Tahun 2006 Berbanding 2005

Hasil	2005	2006	Peningkatan/ (Penurunan)	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	50.25	67.13	16.88	33.6
Hasil Bukan Cukai	111.65	103.79	(7.86)	(7.0)
Terimaan Bukan Hasil	89.00	84.51	(4.49)	(5.0)
Jumlah	250.90	255.43	4.53	1.8

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

Peningkatan hasil Kerajaan Negeri adalah disebabkan kenaikan kadar cukai tanah pada tahun 2006, imbuhan balik daripada Persekutuan atas caruman dalam Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan Kebajikan Negeri, pembayaran dividen oleh Tabung Amanah Melaka dan peningkatan jumlah Pemberian Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

10.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan

Perbendaharaan Negeri adalah bertanggungjawab memeriksa Akaun Tunai Bulanan yang telah dikemukakan oleh setiap Pemungut Hasil. Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan bahawa Pemungut Hasil atau Pegawai Perakaunan hendaklah mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa semua kutipan hasil dapat diakaunkan dengan segera dan tepat pada masanya. Pada tahun 2006 Perbendaharaan Negeri telah menyelenggarakan dan merekodkan penerimaan Akaun Tunai Bulanan yang dikemukakan oleh 49 Pemungut Hasil. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2006 keseluruhan Pemungut Hasil mengemukakan Akaun Tunai Bulanan menepati masa yang telah ditetapkan. Ini adalah disebabkan tindakan pemantauan secara langsung dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPEKS oleh Pejabat Perbendaharaan bagi memastikan Akaun Tunai Bulanan dikemukakan menepati masa yang ditetapkan.

10.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan

Arahan Perbendaharaan 79(c), menghendaki setiap Pejabat yang memungut hasil mengemukakan Penyata Pemungut kepada Perbendaharaan Negeri secepat mungkin. Semakan Audit mendapati pada keseluruhannya kawalan dalaman terhadap pemprosesan Penyata Pemungut adalah baik. Adalah didapati penyata pemungut telah dikutip terus dari bank oleh Perbendaharaan Negeri bagi mengatasi masalah kelewatan mengemukakan penyata pemungut oleh Jabatan serta mengelakkan kelewatan perakaunan di Buku Tunai. Resit Perbendaharaan juga telah dikeluarkan bagi semua terimaan yang telah dibankkan.

10.2.3 Penyata Penyesuaian Hasil

Arahan Perbendaharaan 143(b), menghendaki Pegawai Pengawal menyesuaikan dan mengesahkan rekod hasil Jabatannya dengan Laporan Terperinci Hasil yang dicetak di pejabat masing-masing. Penyata Penyesuaian perlu disediakan bagi mengesan sebarang perbezaan di antara Laporan Terperinci Hasil dengan rekod perakaunan Perbendaharaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil untuk menyelaraskannya. Penyata Penyesuaian tersebut perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Terperinci Hasil dicetak oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Semakan Audit terhadap daftar penghantaran Penyata penyesuaian Hasil menunjukkan semua PTJ telah mengemukakan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan bagi tahun 2006.

10.2.4 Cek Tidak Laku

Cek Tidak Laku adalah merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kesilapan pihak pembayar seperti akaun bank tidak mempunyai baki tunai yang mencukupi, cek tidak ditandatangani dan juga berlaku kesilapan lain pada cek berkenaan. Semakan Audit terhadap fail Cek Tidak Laku yang diselenggarakan mendapati surat menyurat berserta cek asal berjumlah RM0.22 juta yang telah ditolak oleh bank pada tahun 2003 masih berada dalam simpanan pejabat. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM0.21 juta dikenal pasti sebagai sumbangan orang awam kepada Tabung Kebajikan Negeri Melaka semasa majlis pelancaran kutipan sumbangan Tabung tersebut. Adalah difahamkan maklumat penyumbang tiada dalam simpanan pejabat menyebabkan cek-cek tersebut tidak dapat dikembalikan kepada pembayar untuk mendapatkan cek gantian. Tindakan yang sewajarnya selaras dengan peraturan perlu diambil dan bagi menyelaraskan cek tidak laku memandangkan ianya melibatkan perakaunan.

10.2.5 Tunggakan Hasil

Akaun Belum Terima merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berasaskan kepada bil, invois dan sebagainya. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986, semua Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Pada tahun 2006, tunggakan hasil bagi 7 pemungut adalah berjumlah RM71.11 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM10.75 juta berbanding RM60.36 juta pada tahun 2005. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada jumlah tunggakan tersebut merupakan tunggakan hasil Pejabat Tanah berjumlah RM69.90 juta. Bagi menangani masalah tunggakan cukai tanah yang terus meningkat pihak berkuasa Pejabat Daerah Dan Tanah terus mengekalkan langkah-langkah berikut:

- a) Pejabat Tanah juga telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di mana Notis Tuntutan Hasil Terhutang (Notis 6A) dikeluarkan dan mengeluarkan notis pentadbiran untuk memberi peringatan kepada pemilik tanah supaya menjelaskan bayaran cukai tanah.
- b) Mengenal pasti dan mengasingkan akaun yang mana hak milik tanah telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri serta cukai tanah yang dikenakan 2 kali sebagai usaha untuk melaksanakan hapus kira tunggakan hasil.

- c) Mempergiatkan usaha yang sedia ada seperti mengadakan pembayaran secara kad kredit dan meluluskan bayaran tunggakan yang melebihi RM1,000 secara ansuran kepada syarikat atau individu.
- d) Pembukaan kaunter sementara di pusat membeli belah bagi kemudahan penghutang cukai membuat bayaran.
- e) Mengemas kini data yang tidak seragam iaitu Data Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer dengan Data Sistem Maklumat Hasil Tanah.

Pada tahun 2006, Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan tunggakan hasil yang ketara sejumlah RM10.67 juta atau 52.1% iaitu daripada RM59.23 juta pada tahun 2005 kepada RM69.90 juta pada tahun 2006. Jumlah tunggakan hasil ini adalah termasuk tunggakan hasil tahun 2005 dan tahun sebelumnya. Walaupun pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti mengeluarkan surat peringatan, Notis 6A, menyediakan cabutan bertuah serta memasang papan tanda bilangan rampasan tanah di tempat awam namun kurangnya kesedaran pembayar cukai menyebabkan tunggakan berkenaannya terus meningkat pada tahun 2006. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Tunggakan Hasil Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Jenis Hasil	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	59.23	69.90	10.67	18.0
2.	Lain-lain Hasil	1.13	1.21	0.08	7.1
Jumlah		60.36	71.11	10.75	17.8

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

10.2.6 Penyata Penyesuaian Bank - Akaun Terimaan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan dokumen sokongan yang lengkap dan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan terhadap penyata penyesuaian bank menunjukkan 3 urus niaga debit bank tiada dalam buku tunai berjumlah RM5.07 juta pada

bulan Disember 2006 masih belum diselesaikan sehingga April 2007 kerana ketiadaan dokumen sokongan.

Pada pendapat Audit, secara amnya kawalan hasil semakin bertambah baik. Kelemahan sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terdahulu tidak lagi berulang.

10.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2006, sejumlah RM255.24 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM83.85 juta telah dibelanjakan untuk projek pembangunan.

10.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Bayaran Tetap serta pelbagai Perbelanjaan. Sejumlah RM307.11 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2006. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM255.24 juta atau 83.1% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Emolumen	50.59	48.95	96.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	86.29	81.30	94.2
3.	Pemilikan Harta Modal	7.02	6.69	95.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	161.49	116.62	72.2
5.	Pelbagai Perbelanjaan	1.72	1.68	98.3
Jumlah		307.11	255.24	83.1

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

a) Pindah Peruntukan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Seksyen 15(4) Akta Prosedur Kewangan 1957, pindah peruntukan boleh dibuat di bawah pelbagai butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah yang diperuntukkan. Pada tahun 2006, sebanyak 148 Waran Pindah Peruntukan berjumlah RM24.81 juta telah diluluskan. Selain itu, semakan Audit mendapati pindah peruntukan bagi 18 butiran untuk 9 Jabatan berjumlah RM0.57 juta adalah tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM11.05 juta adalah

mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar berjumlah RM10.17 juta. Perbendaharaan Negeri perlu mendapatkan penjelasan daripada Jabatan berkenaan.

10.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2006 berjumlah RM83.85 juta atau 89.1% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM94.12 juta. Semakan Audit mendapati kawalan peruntukan perbelanjaan pembangunan mendapati perkara berikut:

a) Peruntukan Kurang 50% Dibelanjakan

Sebanyak 7 butiran perbelanjaan pembangunan berjumlah RM1.89 juta telah dibelanjakan kurang 50% daripada peruntukan diluluskan yang berjumlah RM4.41 juta. Perbelanjaan yang paling kurang dibelanjakan adalah berjumlah RM16,582 atau 14.7% daripada RM113,000 peruntukan diluluskan bagi projek Pelbagai.

10.3.3 Kawalan Pembayaran

a) Penyata Penyesuaian Bank - Akaun Bayaran

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank bayaran dengan dokumen sokongan yang lengkap. Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank bayaran setakat 31 Disember 2006 mendapati perkara seperti berikut:

i) Bayaran Di Penyata Bank Tidak Terdapat Dalam Buku Tunai

Bayaran atau transaksi debit yang terdapat di penyata bank tetapi tiada dalam Buku Tunai sehingga 31 Disember 2006 berjumlah RM5.61 juta. Jumlah ini adalah terdiri daripada transaksi debit bagi tahun 2003 berjumlah RM5.49 juta dan RM0.11 juta bagi tahun 2004 hingga 2006. Keseluruhan transaksi debit ini hendaklah dikenal pasti agar tindakan sewajarnya boleh dibuat.

ii) Cek/Bayaran Yang Belum Ditunaikan/Disesuaikan

Senarai Cek Luput Yang Belum Ditunaikan sehingga 31 Disember 2006 adalah berjumlah RM2.28 juta. Jumlah ini adalah terdiri daripada senarai 107 cek yang luput

tarikh antara tahun 2001 hingga 2006. Tindakan bagi mengenal pasti dan mengeluarkan cek-cek luput tarikh daripada senarai tersebut hendaklah dibuat dengan mengambil kira cek-cek luput tarikh berkenaan ke dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.

b) Pengesahan Perbelanjaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Terperinci Perbelanjaan yang dicetak oleh PTJ. Sijil pengesahan dan penyata penyesuaian perlu disedia dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Terperinci Perbelanjaan dicetak oleh PTJ pada setiap akhir bulan. Semakan Audit terhadap Daftar Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus Tahun 2006 yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri mendapati semua 26 PTJ mengemukakan penyata penyesuaian mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini adalah kerana adanya pemantauan oleh Perbendaharaan Negeri dan juga Pegawai Pengawal.

c) Kawalan Cek

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah mematuhi arahan tersebut. Selain itu, sebuah daftar telah disediakan untuk merekodkan cek yang belum dan telah digunakan. Adalah didapati daftar tersebut telah diselenggarakan dengan kemas kini. Cek yang telah ditandatangani tetapi belum di pos telah disimpan dengan baik dan selamat.

d) Kawalan Cek Batal

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima disebabkan oleh kesilapan tertentu seperti ejaan nama, nombor kad pengenalan dan catatan jumlah cek. Selain itu, cek batal juga berlaku sekiranya cek tidak ditunaikan selepas tamat tempoh lakunya. Sesuatu cek terbatal hendaklah diselaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal apabila ia telah luput tarikh lakunya atau cek ganti perlu dikeluarkan atas kesilapan pada cek asal. Bagi tujuan tersebut Perbendaharaan Negeri telah menyelenggarakan satu daftar untuk merekodkan cek batal. Pada akhir tahun 2006, baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal adalah

berjumlah RM0.17 juta. Semakan Audit terhadap penyelenggaraan cek terbatal mendapati perkara seperti berikut:

- i) Pada tahun 2006, sebanyak 862 cek terbatal bernilai RM9.83 juta telah dikreditkan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan daripada bilangan cek tersebut sebanyak 529 cek terbatal bernilai RM9.39 juta telah diganti.
- ii) Mengikut Penyata Penyesuaian Bank – Akaun Bayaran sehingga Disember 2006, sebanyak 107 cek tamat tempoh berjumlah RM2.28 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 belum diakaunkan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.

e) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Peraturan kewangan membenarkan Perbendaharaan Negeri membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri menyediakan daftar khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Pada tahun 2006, Perbendaharaan Negeri menerima 2,535 baucar bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) yang berjumlah RM6.77 juta. Walaupun pembayaran yang dibuat mematuhi peraturan, namun ianya telah meningkat sejumlah RM6 juta berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM0.77 juta bagi 382 baucar bayaran. Bayaran yang dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) antaranya adalah disebabkan bil lewat diterima daripada pembekal, baki peruntukan tidak mencukupi dan borang tuntutan tidak dihantar pada tarikh yang sepatutnya. Adalah didapati alasan yang diberikan adalah tidak memuaskan kerana pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dapat dielakkan atau dikurangkan sekiranya pihak Jabatan mengawal perbelanjaannya dan mengambil tindakan susulan terhadap bil yang lewat diterima serta mengemukakan borang tuntutan perjalanan tidak lewat dari 10 hari bulan dalam bulan berikutnya seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 100(a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006 iaitu pindaan ke atas Arahan Perbendaharaan 103 di mana Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya pengurusan perbelanjaan adalah memuaskan. Kelemahan masih berlaku seperti mana yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu. Perbendaharaan Negeri hendaklah mengambil langkah yang wajar dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan.

10.4 PENGURUSAN PINJAMAN

10.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa Undang-undang Negeri. Undang-undang Negeri pula tidak boleh membenarkan sesebuah Negeri meminjam kecuali daripada Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman di Pejabat Perbendaharaan Negeri menunjukkan perkara berikut:

- a) Pada akhir Disember 2006 baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.05 bilion. Jumlah ini terdiri daripada baki Hutang Awam Dalam Negeri berjumlah RM1.03 bilion dan baki Hutang Awam Luar Negeri berjumlah RM23.62 juta.
- b) Jumlah tersebut merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Projek Pelbagai. Butir-butir pinjaman adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Baki Pinjaman Kerajaan Negeri
Kepada Kerajaan Persekutuan Pada 31 Disember 2006

Pinjaman	Baki Hutang	
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Hutang Dalam Negeri		
Rancangan Bekalan Air	725.39	746.66
Perumahan Awam Kos Rendah	109.27	105.09
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	36.84	39.84
Pelbagai	135.22	139.65
Jumlah Hutang Dalam Negeri	1,006.72	1,031.24
Hutang Luar Negeri		
Rancangan Bekalan Air	23.62	23.62
Jumlah Hutang Luar Negeri	23.62	23.62
Baki Pinjaman	1,030.34	1,054.86

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

- c) Jumlah pinjaman yang diterima pada tahun 2006 ialah sebanyak RM33.55 juta. Pinjaman yang diperoleh telah digunakan bagi maksud Rancangan Bekalan Air, Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Projek Pelbagai. Pinjaman yang diperoleh

telah digunakan untuk maksud Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang diluluskan dalam Jadual Ketiga Seksyen 10(1)(b) Akta Prosedur Kewangan Tahun 1957. **Bagaimanapun, sehingga Mac 2007 sejumlah RM10.82 juta pinjaman bagi tujuan projek bekalan air yang sepatutnya disalurkan kepada Perbadanan Air Melaka masih belum dikeluarkan kepada agensi tersebut.**

- d) Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM36.20 juta bagi maksud bayaran Hutang Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Negeri hanya menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM10.98 juta atau 30.3% daripada peruntukan. Bayaran balik ini adalah bagi bayaran balik Hutang Awam Dalam Negeri sahaja manakala Hutang Awam Luar Negeri bayaran balik tahunan tidak dijelaskan menyebabkan tertunggak sejumlah RM1.62 juta.
- e) Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2006 berjumlah RM52.07 juta. Jumlah ini terdiri daripada Tunggakan Hutang Dalam Negeri berjumlah RM50.45 juta dan Tunggakan Hutang Luar Negeri berjumlah RM1.62 juta. Tunggakan hutang Kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak RM3.54 juta atau 7.3% iaitu daripada RM48.53 juta pada tahun 2005 berbanding RM52.07 juta pada tahun 2006. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang tidak memuaskan menyebabkan bayaran balik hutang tidak dapat dibuat sepenuhnya dan menyebabkan tunggakan bayaran balik hutang terus meningkat.
- f) Semakan Audit mendapati semua rekod pinjaman telah diselenggarakan dengan baik dan sempurna. Rekod berkaitan jadual bayaran balik, fail pinjaman dan Penyata Penyesuaian telah disediakan dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

10.4.2 Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membantu Agensi yang memerlukan bantuan kewangan dalam usaha meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan penduduk di Negeri ini. Semakan Audit terhadap pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi menunjukkan perkara berikut:

- a) Baki pinjaman boleh tuntutan berkurangan sebanyak RM3.26 juta atau 0.4% pada akhir tahun 2006 berjumlah RM840.83 juta berbanding RM844.09 juta pada tahun 2005. Baki 4 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Badan lain seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Baki Pinjaman Badan Berkanun Dan Badan Lain
Pada 31 Disember 2006

Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri			
Yayasan Melaka	5.00	2.46	1.83
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	11.76	11.10	9.86
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	70.79	50.61	41.94
Kolej Teknologi Islam Melaka	37.03	33.53	35.57
Perbadanan Air Melaka	880.03	736.70	745.03
Pihak Berkuasa Tempatan			
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	11.40	4.42	2.00
Majlis Perbandaran Alor Gajah	2.80	1.47	1.02
Majlis Perbandaran Jasin	3.74	3.11	2.88
Badan Lain			
Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.20	0.20	0.20
Institut Pengurusan Melaka	0.50	0.50	0.50
Jumlah	1,023.25	844.09	840.83

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

- b) Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2006 berjumlah RM66.75 juta. Sebahagian besar tunggakan ini merupakan tunggakan 4 pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berjumlah RM32.26 juta, 14 pinjaman oleh Perbadanan Air Melaka berjumlah RM18.88 juta dan 3 pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka berjumlah RM7.86 juta, 10 pinjaman oleh Kolej Teknologi Islam Melaka berjumlah RM6.18 juta dan 3 pinjaman oleh 3 Agensi berjumlah RM1.58 juta.
- c) Perbadanan Air Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah menjelaskan bayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM7.25 juta dan RM14.43 juta. Bagaimanapun, 3 agensi iaitu Yayasan Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka dan Kolej Teknologi Islam Melaka telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM3.04 juta manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan pula berjumlah RM3.84 juta. Semakan Audit mendapati, Pejabat Kewangan Negeri telah menerima bayaran balik tunggakan pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sejumlah RM13.36 juta secara kontra. **Semakan Audit mendapati tindakan perakaunan belum diambil bagi bayaran balik pinjaman secara kontra yang telah dilaksanakan mulai tahun 2002 melibatkan bayaran balik kontra berjumlah RM33.63 juta.**

- d) Semakan Audit mendapati semua rekod pinjaman telah diselenggarakan dengan baik dan sempurna.

10.5 PENGURUSAN PELABURAN

Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2006, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM182.78 juta. Pelaburan ini terdiri daripada saham berjumlah RM156.79 juta dan pelaburan dalam Akaun Memorandum berjumlah RM25.99 juta. Pada keseluruhannya pelaburan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM3.34 juta atau 1.8% daripada RM186.12 juta pada tahun 2005 kepada RM182.78 juta pada akhir tahun 2006. Butir-butir pelaburan adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Pelaburan Kerajaan Negeri Pada 31 Disember 2006

Bil.	Pelaburan	Pelaburan Pada 31.12.2005 (RM Juta)	Pelaburan Pada 31.12.2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham - Penyata Pelaburan	160.38	156.79	(3.59)	(2.2)
2.	Saham - Akaun Memorandum	16.80	16.80	0.00	0.0
3.	Pengurus Dana- Akaun Memorandum	8.94	9.19	0.25	2.8
Jumlah		186.12	182.78	(3.34)	(1.8)

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

10.5.1 Unit Analisis Pemantauan Pelaburan

Pada tahun 2002, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Analisis Pemantauan Pelaburan. Unit ini bertanggungjawab merancang serta membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan mengenai pelaburan dan mengawal serta menyelenggarakan rekod perakaunan pelaburan Kerajaan Negeri. Selain itu unit ini bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Pelaburan Kerajaan Negeri. Unit ini diketuai oleh Pegawai Pelaburan Negeri Gred W48 dan 3 pegawai lain di bawahnya iaitu seorang Penolong Akauntan Gred W27 dan 2 orang Pembantu Tadbir Gred W17.

10.5.2 Saham

Pada tahun 2006, pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM173.59 juta berbanding RM177.11 juta pada tahun 2005. Saham sejumlah RM156.79 juta ditunjukkan di Lembaran Imbangan dan RM16.80 juta ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum pada tahun 2006. Saham di Lembaran Imbangan antaranya terdiri daripada pelaburan saham oleh Tabung Amanah Melaka berjumlah RM155.78 juta. Di Penyata Akaun Memorandum, sejumlah RM16.80 juta adalah pelaburan saham syarikat melalui Perbadanan Ketua Menteri. Rekod berkaitan saham dan penerimaan dividen telah diselenggara dengan memuaskan. Daftar Pelaburan Saham adalah dikemas kini dan teratur. Sijil saham disimpan dengan selamat berserta penyata saham dari *Malaysian Central Depository System*.

10.5.3 Pengurus Dana

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri juga membuat pelaburan saham tersiar harga berjumlah RM14.19 juta yang diuruskan oleh pengurus dana yang dilantik. Sejumlah RM9.19 juta daripada pelaburan tersebut adalah atas nama Perbadanan Ketua Menteri manakala bakinya sejumlah RM5 juta atas nama Tabung Amanah Melaka. Sehingga akhir Disember 2006, sejumlah RM0.25 juta pendapatan telah diterima daripada pelaburan tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah baik. Rekod dan daftar berkaitan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

10.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah Negeri ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mendapat peruntukan daripada Kerajaan dan dikendalikan mengikut tatacara yang ditetapkan. Akaun Amanah pula diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Sumber kewangan bagi Akaun Amanah ini adalah daripada sumbangan wang awam dan Badan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Tatacara pengurusan Akaun ini adalah mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Deposit pula merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan Akaun Wang Deposit adalah dinyatakan mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri Melaka dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun

Wang Deposit. Penyata tahunan bagi akaun ini perlu dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan Negeri pada setiap tahun.

10.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini bercorak Kumpulan Wang Pusingan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Perbendaharaan Negeri menyelenggarakan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada 39 Akaun Penyelesaian, 2 Akaun Perniagaan, 24 Akaun Pinjaman, 1 Kumpulan Wang Luar Jangka, 6 Pelbagai Kumpulan Wang dan 22 Akaun Amanah Kerajaan. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2006 adalah berjumlah RM236.91 juta. Semakan Audit terhadap Akaun Amanah Kerajaan yang diselenggarakan oleh Pejabat Kewangan Negeri menunjukkan perkara berikut:

a) Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan

Sejumlah RM2.64 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan dengan tujuan memberi kemudahan pinjaman kepada kakitangan awam membeli kenderaan. Pejabat Kewangan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman kenderaan serta menyelenggarakan Daftar Pinjaman Kenderaan untuk merekodkan pendahuluan yang telah diluluskan. Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap bayaran balik pinjaman dan penyimpanan rekod. Setakat 31 Disember 2006, baki yang boleh dituntut berjumlah RM0.41 juta. Semakan Audit terhadap lejar pinjaman kenderaan mendapati 135 peminjam mempunyai baki hutang berjumlah RM1.33 juta berbeza sejumlah RM0.92 juta berbanding baki boleh tuntutan. Perbezaan ini terutamanya disebabkan bayaran faedah pinjaman yang belum diselaraskan ke Akaun Hasil Disatukan dan kesilapan mengambil kira baki lejar individu. Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan penyata penyesuaian bagi menyokong perbezaan tersebut.

b) Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer

Sejumlah RM0.66 juta telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer. Setakat 31 Disember 2006, baki yang boleh dituntut berjumlah RM52,691. Semakan Audit terhadap fail dan rekod pinjaman mendapati secara amnya pemberian pinjaman adalah teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Seramai 24 orang peminjam telah diluluskan pinjaman mereka tahun 2006,

Perbendaharaan Negeri telah melaksanakan sepenuhnya Sistem Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) bagi pinjaman komputer. Semakan Audit terhadap Penyata Pinjaman Komputer yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri mendapati bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dibuat dengan segera dan dikemaskinikan di Penyata Akaun Lejar Perseorangan. Sehubungan itu, Daftar Permohonan Pinjaman Komputer yang diselenggarakan oleh Pejabat Kewangan Negeri adalah teratur serta menepati format seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.

c) Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai

Sejumlah RM0.61 juta telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai bagi memudahkan pegawai awam membuat perbelanjaan aktiviti rasmi. Pendahuluan Pelbagai ini perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut surat kelulusan. Pendahuluan Pelbagai yang diluluskan bagi tahun 2006 kepada 17 pegawai berjumlah RM0.94 juta. Baki Pendahuluan Pelbagai yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2006 berjumlah RM0.55 juta. Jumlah ini merupakan Pendahuluan Pelbagai yang diluluskan bagi tempoh 2002 hingga 2006 yang melibatkan 13 orang pegawai. Antara tindakan yang dibuat oleh pegawai berkenaan bagi menyelesaikan pendahuluan ini adalah dengan memohon kebenaran pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 54 dan arahan potongan gaji juga dikeluarkan terutamanya pendahuluan pelbagai bagi tahun 2002 hingga 2005. Bagi kes yang lain juga terdapat pegawai yang masih belum mengemukakan tuntutan.

10.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan mengikut Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2006, Kumpulan Wang Amanah Awam ini berbaki RM7.26 juta. Berikut adalah antara Akaun Amanah Awam yang diselenggarakan oleh Pejabat Kewangan Negeri.

a) Akaun Amanah Pengurusan SPEKS

Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menerima dan mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain sumbangan bagi menjalankan aktiviti berkaitan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan

daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM0.99 juta dan perbelanjaan pula adalah berjumlah RM0.54 juta. Baki akaun amanah ini pada 31 Disember 2006 adalah berjumlah RM0.45 juta. Penyelenggaraan akaun ini telah dibuat dengan teratur dan kemas kini serta penyesuaian di antara rekod Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri telah dibuat setiap bulan.

10.6.3 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian. Pengurusan Akaun Wang Deposit adalah dinyatakan mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Baki Akaun Wang Deposit pada 31 Disember 2006 adalah berjumlah RM21.09 juta.

Pada pendapat Audit, amnya pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah adalah memuaskan.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri adalah baik. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara terdahulu seperti Cek Tidak Laku dan tunggakan hasil. Kelemahan kawalan perbelanjaan seperti pembayaran di bawah AP58(a) perlu diperbaiki. Perbendaharaan Negeri perlu meningkatkan usaha lagi bagi menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual serta mengutip tunggakan yang diberi kepada Agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, Perbendaharaan Negeri perlu menjalankan pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa serta mengambil tindakan yang lebih tegas bagi memastikan Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri mematuhi undang-undang dan prosedur kewangan yang telah ditetapkan.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH

12. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah memilih Pejabat Tanah untuk diaudit pengurusan kewangannya. Pejabat yang dimaksudkan ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah (Pejabat Tanah). Pejabat Tanah berperanan untuk melaksanakan pembangunan sosioekonomi selaras dengan dasar kerajaan dan menguruskan aktiviti pentadbiran tanah bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi Pejabat Tanah untuk tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit
Bagi Tahun 2006

Pejabat	Perbelanjaan (RM Juta)	Hasil (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	6.03	31.97	0.52
Jumlah	6.03	31.97	0.52

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN


Skop pengauditan melibatkan pemeriksaan terhadap dokumen dan rekod kewangan bagi tahun 2006 di Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah. Rekod utama yang diperiksa adalah terdiri daripada dokumen hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 KAWALAN PENGURUSAN

15.1.1 Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik perlu diwujudkan untuk membolehkan pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Kakitangan perlu dibekalkan dengan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu ditubuhkan untuk memantau perjalanan pengurusan kewangan Jabatan. Pejabat Tanah telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan kedudukan hierarki, fungsi dan aktivitinya seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Carta Organisasi Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah



Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah

Pembahagian tugas ada disediakan mengikut seksyen/unit yang diwujudkan dalam struktur organisasi tersebut dengan tujuan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran harian. **Jadual 47** menunjukkan kedudukan pematuan terhadap kawalan pengurusan Jabatan.

Jadual 47
Pematuhan Terhadap Kawalan Pengurusan

Pejabat	Peraturan Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	x	x	/	x	/	x

Nota : / : Mematuhi ; Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat*
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini*
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota*
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini*
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan*
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.*

15.1.2 Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan dapat mengetahui tugas dan tanggungjawabnya dengan jelas. Pejabat Tanah masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk rujukan setiap kakitangan. Manakala semakan Audit mendapati Fail Meja telah disediakan untuk rujukan kakitangan di Pejabat Tanah, bagaimanapun kandungan dokumen berkenaan tidak lengkap dan kemas kini. Antaranya beberapa dokumen iaitu senarai tugas harian dan peraturan pentadbiran. Maklum balas yang diterima menunjukkan usaha sedang dibuat untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja dan mengemas kini kandungan Fail Meja tersebut. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Tanah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Pejabat Tanah tidak mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004. Pejabat Tanah telah mengadakan mesyuarat berkenaan sebanyak 2 kali pada tahun 2006.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi dengan menyediakan Manual Prosedur Kerja serta mengemas kini Fail Meja kakitangan. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun perlu diadakan seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.

15.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam pengurusan hasil antaranya bagi memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakunkan dengan tepat dan dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil yang dikutip

oleh Pejabat Tanah terdiri daripada cukai tanah, premium tanah, ansuran sewa rumah awam, permit bahan batuan dan hasil tanah yang lain. Jumlah hasil yang dipungut pada tahun 2006 oleh Pejabat Tanah ialah RM31.97 juta.

15.2.1 Pemeriksaan Wang Tunai/Cek Kutipan Hasil

Arahan Perbendaharaan 85, menetapkan wang awam yang diterima dan belum dibankkan tidak boleh digunakan bagi sebarang tujuan oleh pegawai sama ada mendahulukan, meminjamkan atau menukarkan wang awam yang diterima. Semakan Audit terhadap kutipan harian mendapati jumlah wang tunai/cek adalah bersamaan dengan kutipan dalam Penyata Penjenisan Hasil Harian dan Senarai Penerimaan Harian.

15.2.2 Keselamatan Peti Besi

Arahan Perbendaharaan 127, menetapkan Ketua Pejabat yang ada peti besi dalam jagaannya hendaklah menentukan peti besi dicantumkan dengan kukuh pada rangka bina bangunan. Semakan Audit mendapati peti besi Pejabat Tanah adalah dicantum pada rangka bina bangunan. Dua anak kunci untuk peti besi juga telah disimpan oleh dua orang pegawai kanan mengikut peraturan yang ditetapkan.

15.2.3 Penyerahan Wang Kutipan Kepada Pegawai Penyelia

Semakan Audit terhadap penyerahan wang kutipan mendapati jumlah wang yang diserahkan kepada Pegawai Penyelia adalah sama seperti yang dicetak pada salinan resit dan Senarai Penerimaan Harian. Selain itu, didapati Daftar Penyerahan telah disediakan bagi mencatatkan setiap penyerahan wang tunai yang dimasukkan dalam peti wang.

15.2.4 Kemasukan Wang Kutipan Hasil Ke bank

Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah telah mematuhi peraturan dalam menguruskan kemasukan wang kutipan. Semua kutipan harian telah dimasukkan ke bank dengan segera. Jumlah kutipan adalah sama dengan jumlah yang dibankkan. Penyata pemungut adalah berdasarkan kepada Penyata Penjenisan Hasil Harian dan telah disediakan dengan kemas kini. Bagaimanapun semakan Audit mendapati Penyata Pemungut tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab dan sebahagian kecil kemasukan wang kutipan tidak disertakan dengan resit Bendahari Negeri. Arahan Perbendaharaan 137(a) dan (b) menetapkan peraturan mengenai keselamatan wang tunai dalam perjalanan antara pejabat kerajaan dan bank atau Perbendaharaan, atau antara pejabat dan tempat membayar atau memungut di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah pernah

memohon perkhidmatan polis untuk mengiringi pegawai membawa wang kutipan ke bank, bagaimanapun perkhidmatan tidak digunakan kerana faktor lokasi. Semakan Audit mendapati kutipan harian pada 31 Mei 2006 agak tinggi iaitu RM3.05 juta berbanding kutipan bulanan pada Mei 2006 iaitu berjumlah RM9.24 juta. Memandangkan amaun yang tinggi Pejabat Tanah disarankan agar menggunakan perkhidmatan polis atau syarikat keselamatan swasta yang diluluskan bagi menjaga keselamatan wang awam dan pegawai yang ditugaskan untuk memasukkan wang ke bank.

15.2.5 Pemeriksaan Terhadap Cek Tidak Laku

Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Bilangan 1 Tahun 1994 menetapkan kaedah dan tatacara mengakaunkan cek tidak laku yang diterima oleh Jabatan. Semakan Audit mendapati di antara sebab-sebab penerimaan cek tidak laku adalah seperti tiada tandatangan, pindaan pada cek dan tarikh cek tertunda. Jabatan Audit Negara berpendapat perkara ini boleh dielakkan sekiranya juruwang lebih berhati-hati semasa menerima cek dari pembayar. Bagaimanapun Pejabat Tanah telah bertindak untuk menghubungi pemilik cek tidak laku dengan segera bagi mendapatkan penggantian cek baru. Dengan demikian tiada cek tidak laku yang belum mendapat bayaran ganti melebihi setahun.

15.2.6 Kutipan Dengan Cek

Arahan Perbendaharaan 76, menetapkan semua cek hendaklah dibayar kepada Jabatan yang berkenaan atau Bendahari Negeri mengikut mana yang berkenaan serta dipalang Tak Boleh Niaga. Semakan Audit mendapati cek yang diterima oleh Pejabat Tanah adalah dipalang dan dibuat atas nama Pentadbir Tanah.

15.2.7 Daftar Mel

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Daftar Mel hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi merekodkan kiriman wang, dokumen dan barangan berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Arahan Perbendaharaan tersebut juga menetapkan peraturan serta tatacara mengenai penyenggaraan Daftar Mel. Semakan Audit mendapati Daftar Mel diselenggarakan oleh juruwang yang menyediakan resit, ruangan tarikh pada Daftar Mel dicatatkan tarikh rekod bukannya tarikh diterima, tandatangan ringkas tidak diturunkan oleh pegawai membuka dan merekodkan daftar, resit tidak dikeluarkan pada hari yang sama, sampul surat tidak dibuka di hadapan seorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan dan tiada semakan di lakukan terhadap daftar

dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia. Kawalan kutipan perlu dilaksanakan memandangkan bilangan mel yang diterima agak tinggi terutamanya pada bulan Mei.

15.2.8 Penerimaan Kutipan (Pungutan Luar)

Mengikut Arahan Perbendaharaan 70(a), resit mestilah ditandatangani dengan berkarbon oleh pegawai yang menerima wang tetapi mestilah ditulis oleh pegawai yang lain kecuali seseorang pegawai yang membuat pungutan luar seperti Arahan Perbendaharaan 70(a)(iii). Semakan Audit mendapati resit ditandatangani dan ditulis oleh pegawai yang sama yang ditugaskan membuat kutipan luar dan semua salinan resit telah dimasukkan dalam sistem pungutan berkomputer sebaik sahaja pegawai balik semula ke pejabat.

15.2.9 Pemeriksaan Terhadap Pengurusan Kira-Kira Tunai Bulanan

Arahan Perbendaharaan 72 dan 80(b), menetapkan Buku Tunai perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta diperiksa setiap hari bagi memastikan setiap kutipan telah diperakaunkan. Semakan Audit mendapati Buku Tunai telah dikemas kini dan segala kutipan telah diperakaun dan dimasukkan ke bank dengan segera. Bagaimanapun Akaun Tunai Bulanan lewat diserahkan kepada Perbendaharaan Negeri antara 5 hingga 39 hari. Selain itu mendapati borang Kew. 68 tidak disediakan oleh Unit Pendaftaran manakala bagi Unit Hasil borang berkenaan telah disediakan tapi tidak lengkap dan kemas kini.

15.2.10 Keselamatan Pejabat

Bagi memastikan keselamatan wang kutipan, Pejabat Tanah telah menyediakan sekatan yang mencukupi dan memuaskan bagi menghalang orang ramai dari memasuki kaunter kutipan hasil. Di samping itu Pejabat Tanah juga telah menyediakan alat pemadam api bagi mencegah kebakaran. Bagaimanapun tiada khidmat pegawai keselamatan digunakan bagi mengawasi pengurusan kutipan wang.

15.2.11 Notis Kepada Orang Awam

Mengikut Arahan Perbendaharaan 61, Pegawai Pengawal atau pemungut wang awam hendaklah menentukan supaya orang awam diberitahu dengan sepenuhnya bahawa mereka hendaklah meminta resit bagi semua wang yang dibayar sebelum meninggalkan kaunter. Untuk tujuan itu, Pegawai Pengawal perlu menyediakan satu notis pemberitahuan yang dipamerkan di tempat yang mudah dilihat seperti di kaunter pembayaran. Semakan Audit mendapati notis pemberitahuan telah disediakan oleh Pejabat Tanah.

15.2.12 Keterangan Secara Berjadual

Pada umumnya kawalan hasil perlu dipertingkatkan dengan memastikan rekod dan dokumen kewangan diselenggarakan dengan baik dan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Buku resit hendaklah disimpan dengan selamat dan resit dikeluarkan mengikut nombor siri, kutipan harian dibankkan dengan segera dan Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki oleh Jabatan bagi memastikan peraturan mengenai kawalan hasil dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan pematuhan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Pematuhan Terhadap Kawalan Hasil

Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	/	/	/	/	/	/	x	TB

Nota : / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan*
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit*
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang*
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam*
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera*
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga*
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini*
- h. Kebenaran Khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri*
- i. semua aktiviti pungutan hasil*

Pada pendapat Audit, pengurusan pungutan hasil adalah baik dan boleh dipertingkatkan lagi dengan memberi perhatian kepada aspek kawalan terimaan serta mematuhi peraturan kewangan.

15.3 KAWALAN PERBELANJAAN

15.3.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati masih ada peraturan kewangan terhadap kawalan perbelanjaan yang tidak dipatuhi. Ketidak patuhan yang berlaku adalah berpunca daripada kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Maklumat lanjut berkaitan dengan pematuhan terhadap aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Pematuhan Terhadap Kawalan Perbelanjaan

Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	/	/	x	/	/	/	/

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab*
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia*
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini*
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap*
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan*
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan*

15.3.2 Di antara kelemahan kawalan perbelanjaan di Pejabat Tanah adalah seperti berikut:

- a)** Laporan Harian Buku Vot telah disediakan dan difailkan sebagaimana yang dikehendaki tetapi tiada bukti semakan dan pengesahan telah dilakukan.
- b)** Penyata Penyesuaian Perbelanjaan untuk 8 objek am yang dicetak oleh Pejabat Tanah menunjukkan perbezaan antara baki rekod Perbendaharaan Negeri dengan baki rekod Pejabat Tanah.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Jabatan adalah baik dan boleh dipertingkatkan dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan, mewujudkan kawalan dalaman yang berkesan dan penyeliaan serta pemantauan yang berterusan.

15.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/ DEPOSIT

15.4.1 Pengurusan Deposit

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan Akaun Deposit di bawah jagaannya. Adalah didapati Pejabat Tanah telah menyelenggarakan Tabung Bantuan Bencana dan Akaun Deposit bagi tujuan yang ditetapkan.

a) Tabung Bantuan Bencana

Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka dikendalikan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri kepada mangsa bencana dan diuruskan oleh Pejabat Tanah

di mana amaun yang dihadkan pada satu-satu masa tidak boleh melebihi RM20,000. Sejumlah RM44,900 telah dibayar kepada mangsa bencana pada tahun 2005 dan RM28,050 sehingga 31 Julai 2006. Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah ada menyelenggarakan Buku Tunai bagi merekodkan terimaan dan perbelanjaan Tabung. Bagaimanapun nombor rujukan baucar bayaran tidak dicatatkan dalam Buku Tunai dan Buku Tunai tidak diimbangkan pada setiap akhir bulan. Penyata Penyesuaian Bulanan juga tidak disediakan dan Buku Tunai tidak diperiksa dan ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab. Buku stok cek yang diterima daripada bank didapati tidak disemak dan disahkan penerimaannya. Selain itu 6 baucar bagi tahun 2005 dan 2 baucar bagi tahun 2006 tidak disertakan Borang Aku Terima dan satu baucar tidak ditandatangani oleh penerima bantuan.

b) Akaun Deposit

Pejabat Tanah menyelenggarakan 17 akaun deposit berjumlah RM0.67 juta sehingga Julai 2006. Semakan Audit mendapati Akaun Kawalan Utama untuk 15 akaun deposit rumah awam tidak diimbangkan pada setiap bulan serta tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan juga mendapati Penyata Penyesuaian Bulanan akaun deposit rumah awam untuk tahun 2005 masih belum disediakan.

15.4.2 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit di Pejabat Tanah mendapati Buku Daftar Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah diselenggarakan. Bagaimanapun ianya tidak lengkap dan dokumen pembelian kenderaan tidak disimpan dalam fail peribadi pegawai yang membuat pinjaman. Semakan juga mendapati ada kenderaan yang dibeli hanya dilindungi oleh polisi insurans pihak ketiga dan bukannya polisi insurans komprehensif. Semakan Audit terhadap Daftar Pembiayaan Komputer mendapati daftar berkenaan tidak lengkap dan butiran pembiayaan komputer bagi 8 pegawai masih belum didaftarkan dalam buku daftar sebagaimana dikehendaki.

Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah/Deposit adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Pihak pengurusan perlu memastikan segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dipatuhi. Pemantauan yang berterusan boleh membantu mengatasi kelemahan pengurusan dari semasa ke semasa.

15.5 PENGURUSAN ASET

15.5.1 Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Rekod berhubung dengannya perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Kedudukan pematuhan terhadap pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Pematuhan Terhadap Pengurusan Aset

Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	x	x	x	x	x	/	x	/	/

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori*
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan Hak Milik Kerajaan*
- d. Verifikasi Stok dijalankan*
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis*
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan*
- g. Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan*
- i. Pelupusan aset disegerakan*

15.5.2 Semakan Audit mendapati Daftar Harta Modal (Kew. 312) tidak lengkap dan kemas kini. Sebanyak 31 daripada 56 harta modal dan kebanyakan inventori masih belum dimasukkan dalam Daftar Harta Modal dan Inventori SPEKS. Tiada bukti pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori dijalankan oleh Pejabat Tanah. Buku Log bagi 4 buah kenderaan tidak diselenggarakan dengan kemas kini, invois dan penyata pembelian minyak kenderaan tidak difailkan dengan kemas kini dan buku rekod pergerakan kad inden minyak tidak diselenggarakan. Selain itu, Daftar Penggunaan Kad Elektronik bagi pembayaran tol tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan pengiraan baki nilai kad didapati tidak tepat.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset Jabatan adalah tidak memuaskan. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset, mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Pejabat Tanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, Pejabat Tanah masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan terutama dari aspek kawalan pengurusan dan pengurusan aset. Pematuhan terhadap peraturan kewangan dapat membantu Jabatan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan. Tindakan perlu diambil bagi mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan supaya dapat mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan.

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

17. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2006 juga, Jabatan Audit Negara turut memilih Mahkamah Syariah Negeri Melaka (Jabatan) untuk pengauditan pengurusan kewangannya. Jabatan memberi perkhidmatan dalam menguruskan kes mal, jenayah dan faraid mengikut peruntukan di bawah Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Melaka 1985. Fungsi utama adalah menguruskan permohonan pendaftaran dan perbicaraan kes-kes syariah iaitu kes mal, jenayah dan faraid, menguruskan perintah mahkamah serta permohonan dan pengeluaran sijil faraid. Jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi Jabatan tersebut bagi tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi Tahun 2006

Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	0.63	1.48	0.11
Jumlah	0.63	1.48	0.11

Sumber: Rekod Mahkamah Syariah Melaka

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini.

19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan melibatkan pemeriksaan terhadap dokumen dan rekod kewangan Jabatan bagi tahun 2006. Pemeriksaan ini dijalankan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang menyimpan rekod dan dokumen bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah yang lain, manakala lawatan Audit bagi pengesahan aset juga telah dibuat di Mahkamah

Rendah Syariah Jasin. Rekod utama yang diperiksa adalah terdiri daripada dokumen hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset.


20. PENEMUAN AUDIT

20.1 KAWALAN PENGURUSAN

20.1.1 Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik perlu diwujudkan untuk membolehkan pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Kakitangan perlu dibekalkan dengan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu ditubuhkan untuk memantau perjalanan pengurusan kewangan Jabatan.

20.1.2 Jabatan telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan kedudukan hierarki, fungsi dan aktiviti. Carta organisasi Mahkamah Syariah Negeri Melaka adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8
Carta Organisasi Mahkamah Syariah Negeri Melaka



Sumber: Carta Organisasi Mahkamah Syariah Negeri Melaka

Pembahagian tugas ada disediakan mengikut seksyen/unit yang diwujudkan dalam struktur organisasi tersebut dengan tujuan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran harian. **Jadual 52** menunjukkan kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi Jabatan.

Jadual 52
Pematuhan Terhadap Kawalan Pengurusan

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	/	x	/	x	/	/

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat
- g. Setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

20.1.3 Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan dapat mengetahui tugas dan tanggungjawabnya dengan jelas. Jabatan telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi setiap kakitangan. Bagaimanapun, kandungan dokumen berkenaan tidak lengkap dan kemas kini. Antaranya carta organisasi terkini dan senarai borang yang digunakan tidak disertakan. Maklum balas yang diterima menunjukkan usaha sedang dibuat untuk mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tersebut. Semakan Audit juga mendapati Jabatan berkenaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di mana kekerapan mesyuarat Jawatankuasa tersebut telah dibuat mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 iaitu setiap 3 bulan sekali.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan adalah memuaskan di mana Jabatan telah mengambil tindakan untuk mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

20.2 KAWALAN HASIL

20.2.1 Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam pengurusan hasil antaranya bagi memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil yang dikutip oleh Jabatan adalah terdiri dari terimaan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Hasil bukan cukai terdiri daripada bayaran perkhidmatan nikah dan cerai, denda, rampasan Mahkamah Syariah dan lesen penulis surat petisyen. Terimaan bukan hasil terdiri dari Wang Jaminan Diri Mahkamah dan pelarasan gaji. Jumlah hasil yang dipungut pada tahun 2006 oleh Jabatan ialah RM0.71 juta.

20.2.2 Pada umumnya kawalan hasil telah dilaksanakan dengan baik yang mana kawalan dalaman diwujudkan dan diamalkan sepenuhnya seperti kuasa memungut hasil, kaunter kutipan berasingan, notis pemberitahuan awam dipamerkan, peraturan dan kadar kutipan hasil diluluskan, Buku Tunai diselenggara dan disemak serta kebenaran penggunaan resit e-Syariah oleh Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi sepenuhnya. Antaranya kelewatan penyerahan Akaun Tunai ke Perbendaharaan Negeri, keselamatan dan kelewatan kemasukan wang ke bank, Daftar Cek Tidak Laku tidak disediakan, terimaan cek lewat dikeluarkan resit dan Penyata Penyesuaian Hasil lewat disediakan. Semakan Audit mendapati berlakunya kelemahan yang perlu diperbaiki oleh Jabatan bagi memastikan peraturan kawalan hasil dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan pematuhan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Pematuhan Terhadap Kawalan Hasil

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	/	/	/	/	x	/	x	TB

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan*
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit*
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang*
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam*
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera*
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga*
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini*
- h. Kebenaran Khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan*
- i. sendiri semua aktiviti pungutan hasil*

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman pengurusan pungutan hasil adalah baik dan boleh diperbaiki dengan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta menjalankan pemantauan yang berkesan.

20.3 KAWALAN PERBELANJAAN

20.3.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dilakukan mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati masih ada peraturan kewangan terhadap kawalan perbelanjaan yang tidak dipatuhi. Ketidakpatuhan yang berlaku adalah berpunca daripada kurangnya penyeliaan dan

pemantauan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Maklumat lanjut berkaitan dengan pematuhan terhadap aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Pematuhan Terhadap Kawalan Perbelanjaan

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	/	/	x	/	/	/	/

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab*
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia*
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini*
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap*
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan*
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan*

20.3.2 Kedudukan kawalan perbelanjaan di Jabatan selain daripada yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

- a)** Semakan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bagi Jun 2006 mendapati terdapat perbezaan antara baki Laporan Terperinci Perbelanjaan Pejabat Perakaunan dengan baki Buku Vot.
- b)** Jabatan telah lewat mengemukakan Laporan Terperinci Perbelanjaan bulanan dengan Buku Vot kepada Perbendaharaan Negeri antara 2 hingga 51 hari .

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Jabatan adalah baik. Tindakan boleh diambil untuk mempertingkatkannya dengan memastikan penyata penyesuaian perbelanjaan disediakan dengan tepat.

20.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH

20.4.1 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit di Jabatan mendapati Buku Daftar Pinjaman Kenderaan dan Buku Daftar Pembiayaan Komputer telah diselenggara dengan kemas kini. Dokumen berkaitan pinjaman yang diluluskan didapati telah difailkan dengan teratur dalam fail-fail peribadi peminjam yang berkenaan.

20.4.2 Pengurusan Akaun Deposit

Semakan Audit mendapati Akaun Kawalan Deposit dan Akaun Subsidiari bagi mengakaun terimaan, pengeluaran serta baki deposit telah diselenggarakan dengan baik dan kemas kini. Senarai baki individu didapati telah disediakan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun Penyata Penyesuaian Akaun Deposit tidak disediakan dengan betul dan tepat.

Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah/Deposit adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan dengan memastikan Penyata Penyesuaian Akaun Deposit disediakan dengan betul dan tepat. Pemantauan yang berterusan boleh membantu mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.

20.5 PENGURUSAN ASET

20.5.1 Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Daftar aset dan inventori dikehendaki diselenggara dengan lengkap dan kemas kini seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan aset dan inventori adalah memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Pematuhan Terhadap Pengurusan Aset

Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Mahkamah Syariah Negeri Melaka	x	x	/	/	/	/	x	/	/

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a.** Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- b.** Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c.** Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
- d.** Verifikasi Stok dijalankan
- e.** Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
- f.** Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g.** Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- h.** Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i.** Pelupusan aset disegerakan

20.5.2 Pada tahun 2006 Jabatan telah diberi peruntukan sejumlah RM72,731 untuk pembelian harta modal dan inventori dan sejumlah RM41,459 telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati antara kelemahan kawalan pengurusan aset yang berlaku adalah seperti berikut:

a) Pendaftaran Harta Modal/Inventori

Pada tahun 2006 sejumlah RM29,331 aset yang dibeli masih belum direkodkan ke dalam Kad Daftar Harta Modal (Kew. 312) atau Kad Daftar Inventori (Kew. 313). Selain itu, didapati beberapa butiran dalam kad Daftar Harta Modal (Kew. 312) yang disediakan tidak diisi dengan lengkap dan kemas kini.

b) Pemeriksaan Fizikal

Perenggan 238, Tatacara Pengurusan Stor menghendaki pemeriksaan fizikal terhadap aset dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun. Pemeriksaan fizikal didapati tidak dijalankan terhadap beberapa aset yang telah dibeli antaranya pendingin udara, televisyen dan video kaset.

c) Kenderaan Jabatan

Semakan Audit terhadap buku log kenderaan mendapati butiran kenderaan, penyelenggaraan/pembaikan tidak direkodkan sepenuhnya bagi semua kenderaan Jabatan, Nama dan tandatangan pegawai yang menggunakan kenderaan MAW 6060 tidak diisi dan penyelenggaraan yang dibuat bagi tahun 2005 dan 2006 masih belum direkodkan. Kegagalan mengemas kini maklumat penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan boleh menyulitkan kerja pemantauan terhadap kenderaan berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset Jabatan adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi dengan memastikan rekod sentiasa kemas kini, arahan dan pekeliling dipatuhi serta wujudnya sistem kawalan yang berkesan. Pihak pengurusan juga perlu memastikan semua aset Jabatan di urus dengan baik dan teratur bagi menjamin keselamatan dan ketahanan aset.

21. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka masih boleh dipertingkatkan. Jabatan masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan dari aspek kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan pengurusan akaun deposit. Pematuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan dapat membantu Jabatan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya sistem penyeliaan, pemantauan dan susulan terhadap pengurusan kewangan dilaksanakan bagi mewujudkan satu sistem kawalan dalaman yang berkesan.

22. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT

22.1 LATAR BELAKANG

Pada setiap tahun, beberapa Jabatan telah dipilih bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan dan hasil pengauditan ini dilaporkan dalam Laporan Audit Negeri. Pemilihan Jabatan yang diaudit secara kitaran menyebabkan beberapa Jabatan/Pejabat terutamanya di peringkat cawangan/daerah jarang dilawati oleh pihak Audit. Melalui Program Penampilan Audit yang mula dilaksanakan pada tahun 2003, Jabatan/Pejabat cawangan di daerah lebih kerap dilawati dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan. Program ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyediaan rekod kewangan terutama mengenai pengurusan hasil.

22.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Penampilan Audit adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan/Pejabat yang dilawati. Ianya dapat mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Auditi mengenai pentingnya mengurus kewangan dan penyelenggaraan harta benda Kerajaan dengan cermat dan berhemat. Selain itu, pihak Audit dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.

22.3 PELAKSANAAN

22.3.1 Dalam melaksanakan Program Penampilan Audit bagi tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa Jabatan/Pejabat cawangan. Pemilihan ini dibuat mengikut keutamaan dan lebih tertumpu kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawat dan merupakan cawangan yang terletak jauh dari Ibu Pejabat. Tatacara pelaksanaan Penampilan Audit ini dimulakan dengan memaklumkan kepada Jabatan tujuan lawatan bagi Penampilan Audit serta berbincang dengan pihak Auditi mengenai masalah yang dihadapi berhubung dengan pengurusan kewangan Jabatan. Pengauditan dilakukan dengan menilai kawalan dalaman serta menyemak rekod kewangan dan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Fokus utama pengauditan bergantung kepada aktiviti utama Jabatan tersebut sama ada Jabatan merupakan pemungut hasil yang besar, membuat perbelanjaan yang tinggi atau mengurus sejumlah besar aset. Pengauditan ini mengambil masa 1 hingga 3 hari dan akan disusuli dengan surat pemerhatian Audit serta perbincangan bersama pihak Auditi terhadap hasil pemeriksaan. Maklum balas Audit akan diterima semasa perbincangan atau melalui surat susulan dari Jabatan yang terlibat.

22.3.2 Tumpuan pengauditan dilakukan dengan menyemak tugas yang perlu dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan Akta Prosedur Kewangan 1957. Senarai semak mengenainya disediakan bagi memastikan pengauditan yang dijalankan di semua Jabatan seragam.

22.3.3 Sebanyak 11 Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk lawatan Audit sepanjang tahun 2006. Antara Jabatan/Pejabat yang dipilih adalah Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Mufti, Jabatan Perhutanan, Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Jabatan Agama Islam, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin dan Jabatan Kerja Raya. Semua Jabatan yang terlibat telah dilawati setiap 1 kali setahun untuk tujuan pemantauan.

22.4 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pelaksanaan Penampilan Audit terhadap 11 Jabatan/Pejabat yang dipilih menunjukkan masih ada Jabatan/Pejabat yang gagal mematuhi sepenuhnya

peraturan/pekeliling yang ditetapkan. Ringkasan penemuan Audit mengenai kawalan terimaan, perbelanjaan, aset dan inventori adalah seperti di **Jadual 56** hingga **Jadual 58**.

a) Kawalan Terimaan

Jadual 56
Pematuhan Terhadap Kawalan Terimaan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Dilawati	Status Pematuhan Kawalan Terimaan									
			a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
1.	Jabatan Agama Islam Melaka	1	/	x	/	/	/	/	/	/	x	/
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1	/	/	/	/	/	/	/	/	TB	/
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	/	/	/	/	/	/	/	/	TB	/
4.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	1	/	/	/	/	/	x	/	x	TB	/
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	1	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/
6.	Jabatan Pertanian	1	/	/	/	/	/	/	/	x	TB	/
7.	Pejabat Mufti	1	/	/	/	/	x	/	/	x	TB	/
8.	Jabatan Ketua Menteri	1	/	/	/	/	x	/	/	/	x	/
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	1	x	x	/	x	/	/	/	x	x	/
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	1	x	x	/	x	x	x	/	/	/	/
11.	Jabatan Kerja Raya	1	/	/	/	/	TB	TB	/	/	x	/

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

- a.** Daftar borang hasil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- b.** Baki catatan borang hasil yang dikawal sama dengan stok sebenar
- c.** Semua stok borang disimpan dengan selamat
- d.** Borang hasil yang diterima disemak dan diperakui
- e.** Borang hasil dikeluarkan mengikut turutan nombor
- f.** Borang hasil disemak sekurang-kurangnya seminggu sekali
- g.** Buku tunai diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- h.** Buku tunai disemak oleh pegawai bertanggungjawab setiap hari
- i.** Daftar Mel diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- j.** Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan lengkap dan kemas kini

b) Kawalan Perbelanjaan

Jadual 57
Pematuhan Terhadap Kawalan Perbelanjaan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Dilawati	Status Pematuhan Kawalan Perbelanjaan						
			a	b	c	d	e	f	g
1.	Jabatan Agama Islam	1	/	/	/	TB	TB	/	/
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1	/	/	/	TB	TB	/	/
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	/	X	/	TB	TB	/	/
4.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1	/	X	X	TB	TB	/	/
5.	Pejabat Perhutanan Melaka	1	/	/	/	TB	TB	/	X
6.	Jabatan Pertanian	1	/	/	/	TB	TB	/	/
7.	Pejabat Mufti	1	/	X	/	TB	TB	/	/
8.	Jabatan Ketua Menteri	1	/	/	/	X	TB	/	/
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	1	/	X	/	TB	TB	/	/
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	1	X	X	TB	TB	TB	/	/
11.	Jabatan Kerja Raya	1	/	/	/	TB	TB	/	/

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a.** *Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- b.** *Pegawai telah menandatangani dengan ringkas baucar bayaran*
- c.** *Pembatalan catatan di Buku Vot dibuat secara teratur*
- d.** *Daftar Pembayaran diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- e.** *Daftar Bayaran diperiksa sebulan sekali oleh pegawai bertanggungjawab*
- f.** *Pesanan tempatan dikeluarkan*
- g.** *Penyata penyesuaian perbelanjaan lengkap dan kemas kini*

c) Pengurusan Aset Dan Inventori

Jadual 58
Pematuhan Terhadap Kawalan Aset Dan Inventori

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Dilawati	Pengurusan Aset Dan Inventori							
			a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Jabatan Agama Islam	1	/	X	X	/	/	/	/	/
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1	/	X	/	/	X	/	/	/
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	/	X	X	X	X	/	X	/
4.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	1	X	X	X	/	/	/	/	X
5.	Pejabat Perhutanan Melaka	1	/	X	X	X	/	/	/	/
6.	Jabatan Pertanian	1	/	X	X	/	/	X	X	X
7.	Pejabat Mufti	1	/	X	/	/	X	/	/	/
8.	Jabatan Ketua Menteri	1	X	X	X	/	X	X	/	X
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	1	X	X	X	X	/	X	X	X
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	1	X	X	X	X	/	X	X	X
11.	Jabatan Kerja Raya	1	X	X	X	/	/	X	/	/

Nota : / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Penyelenggaraan Harta Modal dicatatkan di Daftar Harta Modal
- d. Harta Modal diberi nombor siri pendaftaran
- e. Daftar Bekalan Pejabat diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- f. Buku Log diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- g. Buku Log disemak oleh Pegawai Penyelia
- h. Kad elektronik inden disimpan oleh Pegawai Pengangkutan

22.5 KAWALAN HASIL

22.5.1 Rekod Kewangan

Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil di semua Jabatan masih boleh dipertingkatkan. Penyata Penyesuaian Hasil lewat dikemukakan ke Pejabat Pembayar bagi Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin dan Jabatan Ketua Menteri. Daftar Borang Hasil Dikawal juga belum diselenggarakan dengan kemas kini di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin dan Pejabat Hutan.

Semakan Audit juga mendapati Daftar Mel belum disediakan dengan kemas kini di Jabatan Agama Islam, Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah dan Jabatan Kerja Raya.

22.5.2 Kehilangan Wang Awam

Pada tahun 2006 telah berlaku kehilangan wang tunai berjumlah RM31,710 melibatkan dua pemungut hasil iaitu di Bahagian Pergeraian, Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM20,850 pada 26 Januari 2006 dan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka berjumlah RM10,860 pada 20 Februari 2006. Wang yang hilang adalah hasil pungutan deposit sewa, baki wang bantuan bulanan yang tidak dapat diagihkan, wang runcit dan wang sumbangan daripada orang awam. Kehilangan berpunca daripada ketiadaan kemudahan peti besi dan kelewatan memasukkan wang ke dalam bank. Kelemahan penyimpanan wang dengan selamat dan kelewatan memasukkan wang ke dalam bank telah dibangkitkan semasa lawatan penampilan Audit pada akhir tahun 2005. Prosedur laporan kehilangan wang awam telah dipatuhi mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

22.6 KAWALAN PERBELANJAAN

Pegawai Pengawal hendaklah mengawal peruntukan supaya tidak terlebih dibelanjakan. Selain itu rekod kewangan hendaklah disemak untuk memastikan ia telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan perbelanjaan kurang memuaskan di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah di mana Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan kelewatan mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan ke Pejabat Pembayar antara 7 hingga 47 hari. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Daerah dan Tanah Jasin lewat mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan antara 15 hingga 121 hari dan Buku Vot serta Daftar Bil tidak diselenggara dengan kemas kini. Manakala di Jabatan Agama Islam Melaka pula di dapati Jabatan tidak menyelenggarakan Daftar Pembayaran bagi pengagihan wang tunai untuk program yang dianjurkan oleh Jabatan. Daftar berkenaan perlu diselenggarakan bagi memastikan jumlah wang tunai yang diagihkan telah diuruskan dengan sempurna dan baki wang yang tidak dapat diagihkan dikembalikan mengikut tempoh ditetapkan.

22.7 PENGURUSAN ASET

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991, aset hendaklah direkodkan di Daftar Harta Modal dan Inventori. Pemeriksaan Audit menunjukkan 6 Jabatan tidak menyelenggarakan Daftar Harta Modal dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok bagi kesemua Jabatan masih belum dijalankan terhadap harta modal dan inventori. Selain itu, Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan kemas kini oleh pegawai bertanggungjawab.

22.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Adalah didapati tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan di Jabatan dan Pejabat yang dilawati adalah kurang memuaskan. Pegawai Pengawal perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan Jabatannya. Penyeliaan dan pemantauan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi secara berterusan di Jabatan/Pejabat berkenaan. Kursus dan latihan berkaitan pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada pegawai dan kakitangan supaya mereka dapat menambah kemahiran dan kefahaman mengenai penyimpanan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Selain itu pegawai tertentu perlu ditugaskan untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kawalan aset supaya pengurusannya dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

23. PROGRAM ANAK ANGKAT

23.1 PENDAHULUAN

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan masih berlaku sungguhpun telah sering kali ditegur oleh pihak Audit. Sehubungan dengan itu, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan program Anak Angkat. Melalui program Anak Angkat beberapa Jabatan/Agensi bermasalah dalam pengurusan kewangan dipilih untuk diberi bimbingan dan nasihat bagi memantapkan pengurusan kewangannya.

23.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri dalam meningkatkan tahap pengurusan kewangannya terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

23.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN

Pemilihan Anak Angkat dibuat berdasarkan Jabatan/Agensi yang mempunyai kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan dan cadangan daripada Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan Jabatannya. Pada tahun 2006, sebanyak 2 Jabatan/Agensi telah dipilih untuk dijadikan Anak Angkat iaitu Pejabat Tanah Dan Galian Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.

23.4 TATACARA PELAKSANAAN

Jabatan/Agensi yang dipilih dalam Program Anak Angkat dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan *entrance conference* diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Pihak Audit juga akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi berkenaan mengenai aspek penambahbaikan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang dipilih untuk mengenal pasti dan mencadangkan langkah pembetulan/pembaikan Pegawai dan kakitangan juga diberi bimbingan melaksanakan tugas pengurusan kewangan yang baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan langkah pembetulan dan pembetulan diambil secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi dibuat paling kurang setiap 3 bulan sekali.

23.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Hasil lawatan Audit ke Jabatan/Agensi di bawah program Anak Angkat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) Carta Organisasi bagi keseluruhan Jabatan telah disediakan tapi belum di paparkan.
- b) Fail Meja telah disediakan tetapi tidak dilengkapi dengan kandungan yang ditetapkan.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak diadakan mengikut pekeliling.
- d) Pengesahan dan Penyesuaian Hasil lewat disediakan.
- e) Daftar Mel dan Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- f) Kad Daftar Harta Modal masih tidak lengkap dan kemas kini.
- g) Daftar Pergerakan Harta Modal yang belum dilupuskan tidak dikemas kini.
- h) Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan ke atas harta modal.
- i) Daftar Baucar dan Daftar Simpanan Tetap tidak diselenggarakan mengikut format.
- j) Buku Log kenderaan tidak diisi dengan betul.
- k) Kad inden tidak dikawal oleh Pegawai Pengangkutan tetapi disimpan oleh pemandu sendiri dan penggunaan kad inden minyak tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.
- l) Penggunaan kad *Touch N Go* tidak direkodkan dengan kemas kini dalam daftar dan pembelian bekalan alat pejabat masih belum direkodkan dalam daftar.

23.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI

Secara keseluruhannya Jabatan/Agensi menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi antaranya adalah seperti berikut:

23.6.1 Pejabat Tanah Dan Galian Melaka telah bersetuju untuk mengambil tindakan susulan bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.

23.6.2 Bagi Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka Daftar Mel, Daftar Harta Modal, Daftar Pergerakan Harta Modal, Daftar Baucar dan Daftar Simpanan Tetap telah dikemas kini dan butirannya telah ditambah.

23.7 PENCAPAIAN

Pada akhir tahun 2006, Jabatan Audit telah menamatkan program anak angkat di Pejabat Tanah Dan Galian Melaka. Bagaimanapun Jabatan tidak banyak menunjukkan peningkatan

dalam pengurusan kewangan semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2005 iaitu selama dua tahun. Manakala Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka telah mencapai tahap yang memuaskan dan telah dianugerahkan sijil anak angkat pada 5 Disember 2006. Program ini akan diteruskan di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Perbadanan Stadium Melaka pada tahun 2007. **Jabatan/Agensi telah banyak memperbaiki pengurusan kewangan mereka semenjak program ini diperkenalkan.**

24. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan di bawah program Anak Angkat masih boleh dipertingkatkan. Bagi Jabatan yang telah ditamatkan program ini, Jabatan berkenaan memberi jaminan akan lebih komited dalam menangani kelemahan pengurusan kewangan. Bagi Jabatan yang telah berjaya mempertingkatkan pengurusan kewangannya melalui program Anak Angkat adalah diharapkan Jabatan tersebut mengekalkan prestasinya.

BAHAGIAN V

**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK
BERKUASA TEMPATAN DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM**

BAHAGIAN V
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM

25. PENDAHULUAN

Seksyen 5 Akta Audit 1957 (Pindaan 1978) menerangkan tentang jenis akaun yang perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Antara akaun Agensi yang perlu diaudit meliputi Akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan pengauditan aktiviti Agensi bagi menentukan pengurusan kewangan Agensi mematuhi peraturan kewangan dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.

26. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga akhir bulan Jun 2007, Kerajaan Negeri mempunyai 16 Agensi yang terdiri daripada 12 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Majlis Agama Islam. Bagi mempercepatkan pengauditan penyata kewangan, Jabatan Audit Negara telah melantik firma audit swasta untuk mengaudit 12 Badan Berkanun Negeri dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Firma audit swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara bermula daripada penyediaan Memorandum Perancangan Audit sehinggalah selesai pengauditan dan laporan terperinci dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Agensi yang baru ditubuhkan pada tahun 2004 dan 2005 iaitu Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka dan Perbadanan Hang Tuah Jaya telah menyediakan penyata kewangan pertama bagi tahun berakhir 31 Disember 2005. Lembaga Perumahan Melaka yang telah ditubuhkan pada tahun 2002 masih belum menyediakan penyata kewangan sehingga kini. Ini adalah kerana pengurusan kewangan

Agensi ini masih di bawah pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua transaksi telah diperakaunkan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri.

27. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi sehingga akhir bulan Jun 2007 adalah memuaskan. Kesemua 15 Agensi telah menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 manakala 7 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 untuk diaudit. Tujuh Agensi belum menyerahkan penyata kewangan tahun 2006. Jabatan Ketua Menteri Melaka, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Audit Negara dan Agensi berkenaan telah bekerjasama dan mengambil langkah tertentu supaya semua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 dapat diserahkan untuk diaudit pada tahun 2006. Kedudukan terperinci mengenai penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 30 Jun 2007 adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan
Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 30 Jun 2007

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan		
		Disahkan Tahun	Sedang Diaudit Tahun	Belum Serah Tahun
	A) Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2005	2006	-
2.	Yayasan Melaka	2005	2006	-
3.	Perbadanan Air Melaka	2005	-	2006
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2005	2006	-
5.	Perbadanan Muzim Melaka	2005	-	2006
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2006	-	-
7.	Majlis Sukan Negeri	2005	-	2006
8.	Perbadanan Stadium Melaka	2005	-	2006
9.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2005	-	2006
10.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2005	2006	-
11.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	2006	-	-
	B) Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	2005	-	2006
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2005	2006	-
3.	Majlis Perbandaran Jasin	2005	2006	-
	C) Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Melaka	2005	-	2006

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

28. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2006, sebanyak 15 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 telah diterima untuk diaudit. Sebanyak 14 Sijil Audit telah dikeluarkan pada tahun 2006 bagi 13 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 dan 1 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 yang diterima pada penghujung tahun 2005. Kedudukan persijilan penyata kewangan bagi tahun 2005 dan 2004 yang dikeluarkan pada tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri
Bagi Tahun 2004 Dan 2005

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan	Jenis Sijil Audit
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	2004	Sijil Berteguran
2.	Yayasan Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Muzium Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
7.	Majlis Sukan Negeri	2005	Sijil Tanpa Teguran
8.	Perbadanan Stadium Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
10.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
11.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	2005	Sijil Tanpa Teguran
12.	Majlis Agama Islam Melaka	2005	Sijil Tanpa Teguran
13.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2005	Sijil Tanpa Teguran
14.	Majlis Perbandaran Jasin	2005	Sijil Tanpa Teguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Sijil Berteguran telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan dan penyediaan jadual sokongan yang tidak memuaskan antaranya seperti berikut:

- a) Tatacara perakaunan harta tanah dan bangunan tidak selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.
- b) Jadual sokongan yang lengkap dan tepat bagi penghutang sewa dan cukai taksiran belum terima tidak disediakan bagi tujuan mengesahkan angka di Lembaran Imbangan.

29. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Sehingga akhir bulan Jun 2007, sebanyak 4

daripada 13 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2005 yang telah disahkan belum dibentangkan manakala 2 tidak perlu dibentangkan. Penyata kewangan yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Penyata Kewangan Yang Belum Dibentangkan
Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 30 Jun 2007

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Disahkan	Tarikh Sijil
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2005	19.10.2006
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2005	07.11.2006
3.	Perbadanan Stadium Melaka	2005	15.11.2006
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2005	27.11.2006

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

30. PRESTASI KEWANGAN

30.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

30.1.1 BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

Analisis terhadap Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 menunjukkan sebanyak 8 Agensi telah memperolehi *surplus* manakala 4 Agensi mengalami *defisit* iaitu Yayasan Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka dan Perbadanan Stadium Melaka. Selain itu, 3 Agensi mengalami tanggungan semasa melebihi aset semasanya. Agensi yang terlibat adalah Perbadanan Air Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka dan Perbadanan Stadium Melaka. Agensi berkenaan berkemungkinan akan menghadapi kesukaran menjelaskan tanggungan semasa, apabila sampai tempoh masa bayarannya. Oleh yang demikian, Agensi berkenaan memerlukan pengurusan modal kerja yang lebih baik. Kedudukan prestasi kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2005			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2005		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Perbadanan Air Melaka	114.54	113.86	0.68	45.99	105.46	(59.47)
2.	Yayasan Melaka	32.80	32.83	(0.03)	67.68	53.84	13.84
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	27.02	14.41	12.61	271.89	114.40	157.49
4.	Majlis Agama Islam Melaka	21.44	17.80	3.44	16.16	3.85	12.31
5.	Perbadanan Muzium Melaka	4.72	4.45	0.27	0.61	0.32	0.29
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	4.90	5.56	(0.66)	14.30	44.28	(29.98)
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	3.88	3.96	(0.08)	0.66	0.10	0.56
8.	Majlis Sukan Negeri Melaka	5.77	3.73	2.04	2.31	0.11	2.20
9.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	3.52	2.52	1.00	2.55	0.46	2.09
10.	Perbadanan Stadium Melaka	0.27	1.47	(1.20)	0.14	0.40	(0.26)
11.	Perbadanan Hang Tuah Jaya Melaka	0.29	0.08	0.21	0.13	-	0.13
12.	Perbadanan Sungai Dan Pantai Melaka	0.82	0.46	0.36	0.16	0.12	0.04

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Negeri Melaka

30.1.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Analisis terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 menunjukkan ketiga-tiga Majlis telah memperolehi *surplus*. Analisis terhadap aset semasa pula menunjukkan Majlis Perbandaran Jasin mengalami tanggungan semasa melebihi aset semasanya. Kedudukan prestasi kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 63**.

Jadual 63
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2005			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2005		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	113.86	106.41	7.45	62.52	31.14	31.38
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	21.23	20.17	1.06	13.39	8.35	5.04
3.	Majlis Perbandaran Jasin	13.79	13.71	0.08	4.56	7.09	(2.53)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Negeri Melaka

30.2 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Tunggakan cukai taksiran bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat berbanding tahun 2004. Peningkatan tersebut adalah berjumlah RM6 juta daripada RM37.19 juta pada akhir tahun 2004 menjadi RM43.19 juta pada akhir tahun 2005. Sungguhpun terdapat pengurangan tunggakan cukai taksiran bagi 1 Pihak Berkuasa Tempatan, jumlah peningkatan tunggakan cukai taksiran bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan adalah lebih tinggi. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh kurang penerimaan di samping pertambahan bilangan premis kosong yang sukar dikesan pemiliknya. Butiran terperinci mengenai tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2005 berbanding 2 tahun sebelumnya adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	27.76	29.34	35.93
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	4.75	5.60	4.93
3.	Majlis Perbandaran Jasin	2.02	2.25	2.33
Jumlah		34.53	37.19	43.19

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

BAHAGIAN VI
PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA

31. LATARBELAKANG

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (Perbadanan) telah ditubuhkan pada 14 Mei 1991 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991. Peranan utama Perbadanan adalah membangunkan sektor hartanah sama ada memajukan sendiri, secara usaha sama atau penswastaaan selaras dengan matlamat menjadikannya sebagai sebuah agensi terunggul dalam pembangunan Tanah Adat Melaka. Aktiviti utama penubuhannya adalah membangun dan mengusahakan pembangunan Tanah Adat Melaka di dalam sektor perumahan, perusahaan, perdagangan, pertanian dan bidang lain yang bersesuaian. Bagi melaksanakan projek pembangunannya, Perbadanan dibantu oleh 3 syarikat subsidiari milik penuhnya iaitu PERTAM Construction Sdn. Bhd., PERTAM Properties Sdn. Bhd. dan PERTAM Trading Sdn. Bhd. Perbadanan diterajui oleh Ketua Menteri selaku Pengerusi dengan dianggotai oleh 12 orang Ahli Lembaga Pengarah yang antaranya terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

32. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Perbadanan adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

33. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, pinjaman, pelaburan, wang amanah dan deposit serta pengurusan aset dan inventori. Pengauditan

dijalankan terhadap rekod kewangan dan dokumen bagi tahun 2005 dan 2006. Selain itu, perbincangan dengan pegawai terlibat juga diadakan untuk mendapat ulasan dan penerangan lanjut.

34. PENEMUAN AUDIT


34.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan yang mantap adalah penting bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pembahagian tugas, penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 merupakan elemen penting bagi meningkatkan prestasi Perbadanan.

a) Struktur Organisasi Dan Sumber Guna Tenaga

Pentadbiran Perbadanan dianggotai seramai 15 kakitangan bertaraf kontrak yang diketuai oleh seorang Pengurus Besar Gred N48 dan dibantu oleh 3 orang Pengurus Gred N41. Dua jawatan iaitu Pengurus Pembangunan dan Pembantu Am Rendah masih belum diisi sejak tahun 2002. Bagi menaik taraf jawatan kakitangan kontraknya kepada bertaraf tetap, Perbadanan telah berusaha sejak tahun 2003 lagi untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui permohonan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Melaka. Kerajaan Negeri yang menerima banyak permohonan penyusunan semula organisasi daripada agensi yang terletak di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah memaklumkan bahawa keutamaan diberi berdasarkan kepada kajian serta keutamaan agensi sebelum permohonan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi tahun 2007 sebanyak 4 Agensi termasuk Perbadanan telah dipilih bagi kajian penyusunan semula organisasi. Semakan Audit mendapati carta organisasi Perbadanan telah disediakan dengan baik, dikemas kini dan dipamerkan di lokasi yang strategik. Carta organisasi Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka adalah seperti di **Carta 9**.

Carta 9
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka



Sumber: Rekod Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

b) Lembaga Pengarah Perbadanan

Perbadanan telah mengambil tindakan sewajarnya bagi melantik 12 orang Ahli Lembaga Pengarah berdasarkan peruntukan Enakmen Perbadanan. Kesemua ahli lembaga telah dilantik secara bertulis dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Tempoh perkhidmatan ahli yang ditetapkan juga telah dipatuhi sepenuhnya. Bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah tidak mengadakan mesyuaratnya mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Seksyen 4A (1) Enakmen berkenaan. Seksyen tersebut menyatakan bahawa Perbadanan hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan berbanding hanya 3 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2005 dan 2006.

c) Manual Prosedur Kerja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 menetapkan bahawa Manual Prosedur Kerja perlu disediakan sebagai panduan kerja kepada kakitangan. Manual ini menjelaskan dengan terperinci proses kerja serta senarai borang yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti bagi melancarkan kerja. Semakan Audit mendapati pihak Perbadanan telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dengan memuaskan. Maklumat penting yang perlu ditunjukkan oleh Perbadanan dalam manual tersebut telah dinyatakan dengan jelas seperti di berikut:

- i) Pernyataan harapan serta matlamat Perbadanan
- ii) Penetapan arah tuju
- iii) Penentuan fungsi bahagian
- iv) Carta Aliran Kerja
- v) Pembahagian aktiviti/tugas antara bahagian/unit
- vi) Prosedur kerja bagi setiap aktiviti
- vii) Tanggungjawab serta peranan kakitangan

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati penyediaan manual prosedur kerja masih tidak kemas kini kerana tiada carta organisasi Perbadanan yang baru.

d) Fail Meja

Fail Meja merupakan dokumen rujukan yang perlu disediakan kepada setiap kakitangan selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Fail Meja hendaklah mengandungi antaranya carta organisasi, senarai tugas, undang-undang dan peraturan berkaitan tugas. Kandungan fail ini perlu dikemaskinikan khususnya apabila berlaku perubahan. Semakan Audit mendapati kesemua 14 kakitangan Perbadanan telah menyediakan Fail Meja bagi menjalankan tugas. Bagaimanapun, Fail Meja didapati tidak dilengkapi dengan maklumat yang ditetapkan dalam pekeling.

e) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menetapkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan dan bermesyuarat setiap 3 bulan sekali untuk membantu agensi menguruskan kewangannya dengan teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menubuhkan jawatankuasa yang dimaksudkan pada April 2004 bagi membincangkan antaranya kedudukan kewangan semasa, laporan projek, prestasi kutipan hasil dan perbelanjaan

serta pelaburan. Pada tahun 2005 Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali dan 4 kali pada tahun 2006.

f) Latihan Kakitangan

Kursus dan latihan yang berterusan adalah penting sebagai langkah mempertingkatkan kemahiran serta pengetahuan kerja setiap kakitangan. Pemeriksaan Audit terhadap 14 buku rekod perkhidmatan kakitangan mendapati Perbadanan telah mengambil inisiatif menghantar kakitangannya mengikuti program latihan atau kursus berkaitan bidang tugas yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan INTAN.

g) Penurunan Kuasa

Penurunan kuasa perlu dilakukan secara bertulis kepada setiap kakitangan yang terlibat dengan menandatangani cek, baucar, penerimaan wang, penulisan resit, kemasukan wang ke dalam bank bagi membenarkan urusan kewangan dilakukan oleh kakitangan Perbadanan. Semakan Audit terhadap penurunan kuasa mendapati semua urusan telah dilakukan dengan kuasa yang diberi secara bertulis.

h) Pusingan Kerja

Selain daripada memberi latihan dan menghadiri kursus, sesebuah Agensi boleh meningkatkan kecekapan dan pengetahuan kakitangannya melalui pusingan kerja. Kaedah ini boleh dilakukan dengan menukarkan kakitangan antara bahagian di dalam sesebuah Agensi. Selain untuk menambah kecekapan kakitangan, tindakan ini juga boleh mencegah berlakunya penyelewengan. Semakan Audit mendapati Perbadanan masih belum menetapkan tempoh pusingan kerja di kalangan kakitangannya.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Perbadanan adalah memuaskan. Bagaimanapun tindakan perlu diambil terhadap perkara yang dibangkitkan untuk memperkemaskan pengurusan kewangan Perbadanan.

34.2 KAWALAN HASIL

Perbadanan bertanggung jawab mengakaunkan semua hasil yang dipungut dan memastikan rekod kewangan disediakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun 2006, pendapatan yang diperoleh berjumlah RM4.18 juta berbanding RM4.90 juta pada tahun 2005. Hasil utama yang diperoleh terdiri daripada keuntungan jualan tanah serta perumahan dan sewaan

bangunan miliknya. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Daftar Mel

Arahan Perbendaharaan 71 menghendaki Daftar Mel diselenggarakan untuk merekod kiriman wang, dokumen dan barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Daftar berkenaan hendaklah mengandungi maklumat seperti tarikh terimaan, nama pengirim, nombor pendaftaran bungkusan, amaun dan perihal barang, tarikh dan nombor resit. Semakan Audit mendapati Daftar Mel ada diselenggara dan hanya dikemaskinikan sehingga bulan Oktober 2006. Pegawai penyelia didapati tidak menyemak daftar berkenaan dengan Buku Tunai pada setiap hari dan tidak menurunkan tanda tangan ringkas.

b) Pemeriksaan Mengejut

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan bahawa Ketua Jabatan hendaklah mengaturkan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, wang tunai, setem dan panjar wang runcit secara berkala sekurang-kurangnya 6 bulan sekali dan hasil pemeriksaan direkodkan ke Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati pemeriksaan terakhir hanya dijalankan pada 11 Januari 2005. Sepanjang tahun 2006 pihak pengurusan tidak mengaturkan pemeriksaan mengejut sebagai kawalan dalaman bagi memastikan wang tunai, cek dan panjar wang runcit diuruskan dengan teratur oleh kakitangan yang bertanggungjawab.

c) Buku Tunai

Arahan Perbendaharaan 80(b) menghendaki setiap pemungut menyelenggara Buku Tunai dengan teratur dan kemas kini serta diperiksa oleh pegawai bertanggung jawab bagi menentukan semua kutipan hasil telah diakaunkan dengan betul. Sistem Perakaunan Aplus telah dibeli untuk membantu Perbadanan mempercepatkan dalam penyediaan rekod perakaunannya. Laporan yang dikeluarkan oleh sistem bagi kutipan hasil dan perbelanjaan termasuk Akaun Lejer Am yang berfungsi sebagai Buku Tunai dan Laporan Penyesuaian Bank. Resit secara manual dan resit yang dijana oleh sistem perakaunan berkomputer berkenaan telah digunakan apabila hasil diterima. Semakan Audit terhadap Buku Tunai mendapati beberapa perkara seperti berikut:

- i) Pengeluaran resit yang dijana oleh sistem perakaunan berkomputer belum mempunyai kawalan hasil yang baik kerana resit asal boleh dicetak tanpa had. Resit berkenaan

boleh dicetak dan dikemukakan kepada pembayar apabila pungutan hasil diterima tanpa mengakaunkannya dalam Buku Tunai dengan membatalkannya dalam sistem.

- ii) Sepanjang tahun 2005 hingga 2006 sebanyak 27 resit berkomputer berjumlah RM0.93 juta telah digunakan untuk penerimaan sewaan bangunan, faedah akaun semasa, pengeluaran simpanan tetap dan keuntungan daripada simpanan tetap. Pengeluaran kesemua resit berkomputer berkenaan tidak dicetak dan difailkan dengan teratur bagi memudahkan semakan. Resit bagi bulan September 2005 dan bulan Jun 2006 juga didapati tidak digunakan mengikut turutan.
- iii) Semakan harian terhadap Buku Tunai tidak dijalankan oleh pegawai penyelia bagi memastikan kemasukan data adalah betul dan terkawal.

d) Penyata Penyesuaian Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan pada setiap bulan dan sebarang perbezaan antara buku tunai dan penyata bank disesuaikan. Semakan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank mendapati:

- i) Laporan Penyata Penyesuaian Bank yang dijana oleh sistem perakaunan berkomputer hanya dapat mengenal pasti cek yang belum ditunaikan dan hasil yang telah dimasukkan ke dalam bank tetapi belum dikreditkan oleh bank. Buku Tunai akan dikemaskinikan semula setelah penyata bank diterima bagi memastikan kesemua transaksi di penyata bank diambil kira dalam Buku Tunai. Semakan Audit mendapati penyediaan penyata penyesuaian bank tidak mempunyai kawalan bagi mengesan perbezaan sebenar antara rekod Perbadanan dan bank untuk mengelak sebarang penyelewengan.
- ii) Penyata Penyesuaian Bank telah disemak dan disahkan betul oleh pegawai penyelia pada setiap bulan walaupun terdapat Buku Tunai belum dikemaskinikan bagi bulan Februari, April, Jun dan November 2006.

e) Penyerahan Kutipan Ke Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 80(e), pegawai penyelia hendaklah membuat semakan pada slip bayar masuk bank selepas kutipan dimasukkan ke dalam bank bagi memastikan jumlah pungutan yang dimasukkan ke dalam bank adalah bersamaan dengan rekod penyerahan wang. Semakan hendaklah merangkumi catatan berkomputer pada slip bayar masuk bank mengenai nombor akaun, jumlah kutipan dan tarikh kutipan dimasukkan ke dalam bank. Semakan Audit mendapati semakan terhadap slip bank tidak dijalankan oleh pegawai penyelia selepas pungutan dimasukkan ke dalam bank.

f) Tunggakan Hasil

Tunggakan hasil pada tahun 2005 berjumlah RM9.10 juta berbanding tahun 2006 berjumlah RM6.79 juta. Tunggakan ini adalah dari projek usaha sama dengan syarikat, projek penswastan rumah awam kos rendah, sewaan bangunan miliknya di Menara PERTAM dan rumah kedai serta penjualan rumah kediaman. Semakan Audit terhadap tunggakan hasil bagi tahun 2006 mendapati:

- i) Lima pemaju projek penswastan rumah awam kos rendah belum menjelaskan bayaran pampasan tanah tambahan dan faedah kelewatan menjelaskan pampasan tanah berjumlah RM1.02 juta sejak tahun 2000. Perjanjian antara Perbadanan dan pemaju telah ditandatangani antara tahun 2000 hingga 2002 dan pemaju dikehendaki menjelaskan segala kos pampasan tanah kepada pemilik tanah. PERTAM Construction Sdn. Bhd. bertindak sebagai syarikat yang mengawal selia projek yang dilaksanakan oleh pemaju. Mengikut pemaju, bayaran pampasan tambahan tidak dapat dijelaskan berikutan masalah yang dihadapi dari segi penjualan unit kediaman untuk kuota bumiputera. Faedah 8% setahun akan terus meningkat selagi bayaran pampasan tanah tidak dijelaskan kepada pemilik tanah.
- ii) Lima pemaju yang menjalankan projek usaha sama bagi membangunkan hartanah belum menjelaskan tunggakan yang sepatutnya diterima oleh Perbadanan sejumlah RM5.58 juta. Perjanjian dengan pemaju telah ditandatangani sejak tahun 1996. Laporan mengenai tunggakan projek usaha sama ini telah dibincangkan dan dibuat pemantauan yang berterusan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.
- iii) Hasil sewaan bangunan Menara PERTAM dan sewaan dua rumah kedai berjumlah RM0.19 juta masih belum dijelaskan oleh 6 penyewa antara 1 hingga 3 bulan. Daftar sewa bangunan yang diselenggara tidak dikemaskinikan di mana terdapat nombor resit bagi penerimaan sewa tidak direkodkan. Surat peringatan telah dikeluarkan oleh Perbadanan dalam usahanya untuk mendapatkan tunggakan sewaan.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap hasil adalah kurang memuaskan di mana rekod perakaunan belum dapat diselenggara dengan kemas kini, peraturan kewangan belum dipatuhi sepenuhnya dan penyeliaan berterusan belum dilaksanakan dengan berkesan.

34.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Kawalan perbelanjaan yang cekap merupakan aspek penting bagi menjamin perbelanjaan diuruskan secara berekonomi dan mengelakkan pembaziran. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2005 berjumlah RM4.75 juta manakala bagi tahun 2006 berjumlah RM4.13 juta. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara berikut:

a) Buku Vot

Buku Vot merupakan rekod kewangan utama yang perlu diselenggara bagi memastikan perbelanjaan yang dilakukan tidak melebihi peruntukan. Keperluan merekod, mengemas kini serta menyemak Buku Vot pada setiap bulan dan ditandatangani ringkas oleh pegawai penyelia dinyatakan dengan jelas dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1987. Semakan Audit mendapati Buku Vot telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, tiada bukti Buku Vot telah diperiksa oleh pegawai penyelia.

b) Daftar Bil

Arahan Perbendaharaan 103 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2002, Daftar Bil hendaklah diselenggara untuk merekodkan semua bil yang diterima bagi mengelak berlakunya kelewatan pembayaran. Dalam menentukan bil dijelaskan dalam tempoh sebulan, daftar berkenaan hendaklah diperiksa tidak kurang daripada sekali sebulan dan ditandatangani ringkas oleh pegawai bertanggung jawab. Semakan Audit mendapati walaupun Daftar Bil telah diselenggara dengan memuaskan, daftar ini tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab.

c) Kawalan Perolehan

Arahan Perbendaharaan 197.2(a), menetapkan agensi yang terlibat dengan perolehan hendaklah menubuhkan 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemilihan Tender/Sebut harga serta Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut harga bagi menilai sesuatu perolehan. Sepanjang tahun 2005 hanya satu sebut harga/tender dikeluarkan manakala tiada sebut harga/tender dikeluarkan bagi tahun 2006. Semakan Audit mendapati kawalan perolehan Perbadanan telah diuruskan dengan memuaskan berdasarkan kepada perkara berikut:

- i) Jawatankuasa Pemilihan Tender/Sebut harga serta Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut harga telah dilantik dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.
- ii) Tiada berlakunya pertindihan keanggotaan antara Jawatankuasa yang dilantik.

Bagaimanapun, fail tender/sebut harga didapati tidak diuruskan dengan teratur dan menyukarkan pemeriksaan. Segala keputusan serta minit berkaitan perolehan telah difailkan dalam fail projek. Bagi memperkemas serta memudahkan semakan, fail projek dan fail tender/sebut harga perlu diasingkan.

d) Penyelesaian Cek Batal

Arahan Perbendaharaan 118, menetapkan peraturan bahawa cek yang tidak ditunaikan oleh bank selepas tamat tempoh lakunya hendaklah disifatkan sebagai terbatal. Daftar Cek Terbatal hendaklah diselenggara bagi mengawal cek batal dan pengeluaran cek gantian. Baki akaun ini pada akhir tahun 2006 berjumlah RM20,369. Semakan Audit mendapati Daftar Cek Terbatal masih belum diselenggarakan untuk mengawal pembatalan dan gantian cek dengan teratur.

e) Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Perbadanan telah menubuhkan 3 syarikat subsidiari milik penuhnya iaitu PERTAM Constructions Sdn. Bhd., PERTAM Trading Sdn. Bhd. dan PERTAM Properties Sdn. Bhd. dengan kegiatan utamanya untuk pembangunan hartanah dan pembinaan, membekal bahan binaan serta mengurus kuota bumiputera di negeri Melaka. Perbadanan telah memberi pendahuluan kewangan berdasarkan 21 permohonan yang dikemukakan oleh syarikat subsidiari sepanjang tahun 2006. Pada akhir tahun 2006 baki pendahuluan bagi ketiga syarikat subsidiari berkenaan berjumlah RM0.51 juta berbanding RM0.45 juta pada akhir tahun 2005. Semakan Audit terhadap pendahuluan yang diberi pada tahun 2006 mendapati:

- i) Pendahuluan berjumlah RM0.16 juta telah diberi pada tahun 2006 dalam usaha membantu syarikat subsidiari menyelesaikan masalah kewangannya. Pendahuluan yang diberi antaranya adalah bagi menyelesaikan kes saman, pembayaran gaji dan bonus kakitangan, kerja penyenggaraan Menara PERTAM dan bayaran bil elektrik, air serta telefon. Seksyen 13(2)(b) Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991 menghendaki persetujuan bertulis diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri sekiranya ingin memberi bantuan kewangan kepada syarikat. Daripada 21

pendahuluan hanya 1 mendapat kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah manakala 20 lagi diluluskan oleh Pengurus Besar Perbadanan.

- ii) Mengikut Penyata Kewangan syarikat sehingga tahun 2005, ketiga-tiga syarikat berkenaan mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM6 juta. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Kerugian Terkumpul Bagi Tiga Syarikat Subsidiari
Pada 31 Disember 2005

Bil.	Syarikat Subsidiari	Kerugian Terkumpul Pada 1.1.2005 (RM Juta)	Keuntungan/ (Kerugian) Tahun Semasa (RM Juta)	Kerugian Terkumpul Pada 31.12.2005 (RM Juta)
1.	PERTAM Construction Sdn. Bhd.	(5.01)	(0.02)	(5.03)
2.	PERTAM Properties Sdn. Bhd.	(0.38)	0.06	(0.32)
3.	PERTAM Trading Sdn. Bhd.	(0.54)	(0.11)	(0.65)
Jumlah		(5.93)	(0.07)	(6.00)

Sumber: Rekod Perbadanan

- iii) Perbadanan masih belum menyediakan kaedah bayaran balik pendahuluan yang berkesan dalam usaha memastikan syarikat subsidiari dapat menyelesaikan baki pendahuluan yang terus meningkat.
- iv) Perjanjian pinjaman berjumlah RM25,000 antara Perbadanan dan PERTAM Properties Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 17 Oktober 2005 bagi membiayai sebahagian daripada kos pembelian kenderaan rasmi syarikat. Tempoh pinjaman adalah selama 4 tahun dan ansuran bayaran balik bermula mulai 1 Julai 2005 hingga 1 Jun 2009. Pinjaman tidak dijelaskan mengikut ansuran bayaran yang ditetapkan kerana sehingga akhir tahun 2006 syarikat mempunyai tunggakan ansuran bayaran berjumlah RM3,646 selama 7 bulan. Surat peringatan tidak dikeluarkan bagi menentukan syarikat menjelaskan ansuran mengikut jadual yang ditetapkan. Bayaran balik ansuran oleh syarikat tidak direkodkan pada jadual bayaran pinjaman yang ditetapkan bagi mengesan tunggakan ansuran yang belum dijelaskan oleh syarikat. Selain itu surat perjanjian pinjaman sejumlah RM20,000 untuk membiayai tuntutan kes saman masih belum ditandatangani antara Perbadanan dan PERTAM Trading Sdn. Bhd.. Pinjaman tersebut telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 2 April 2006 tertakluk kepada surat perjanjian ditandatangani dengan mematuhi syarat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan adalah memuaskan.

34.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada tahun 2006 pelaburan Perbadanan berjumlah RM6.35 juta yang terdiri daripada simpanan tetap, saham dan pelaburan dalam syarikat bersekutu serta syarikat subsidiari. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati perkara berikut:

- a) Sehingga akhir tahun 2006 Jawatankuasa Pelaburan belum ditubuhkan bagi membincang dan membuat keputusan mengenai pelaburan. Persetujuan dalam pembelian dan penjualan saham serta hal berkaitan pelaburan hanya diputuskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pelaburan hanya dilantik mulai 1 Januari 2007 dengan 7 orang ahli dan dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka.
- b) Garis panduan Pelaburan masih belum disediakan bagi menetapkan dengan jelas tatacara dan prosedur yang perlu dipatuhi dalam membuat pelaburan.
- c) Sehingga akhir tahun 2006, simpanan tetap berjumlah RM3.88 juta telah dilaburkan dalam 3 institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan. Daftar Simpanan Tetap belum diselenggarakan dengan kemas kini berdasarkan simpanan tetap berjumlah RM50,000 tidak direkodkan manakala masih terdapat nombor resit dan keuntungan simpanan tetap belum dikemaskinikan. Pada Disember 2006 simpanan tetap sejumlah RM0.40 juta telah dikeluarkan sebelum tempoh matang bagi membolehkan Perbadanan menjelaskan ansuran hutang pinjamannya dengan Kerajaan Negeri.
- d) Pelaburan saham yang dimiliki Perbadanan pada akhir tahun 2006 adalah berjumlah RM2.48 juta dalam bentuk saham tersiar harga serta saham amanah dan saham tak tersiar harga di 2 syarikat bersekutu serta 3 syarikat subsidiari. Semakan Audit mendapati Daftar Pelaburan belum diselenggarakan bagi merekod maklumat mengenai saham, penerimaan dividen, saham bonus, *right issues* dan sebagainya. Sijil saham telah disimpan dengan selamat dan penyata akaun saham diperolehi daripada *Malaysia Central Depository System* untuk pengesahan. Kos pasaran bagi saham tersiar harga miliknya sehingga akhir tahun 2006 berjumlah RM0.26 juta berbanding harga kos berjumlah RM0.50 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah kurang memuaskan di mana rekod perakaunan pelaburan belum diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

34.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Selain daripada pelaburan, Seksyen 10 (1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991 juga membenarkan Perbadanan untuk membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri atau mana-mana badan. Perbadanan telah mendapatkan kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah bagi membolehkan pinjaman diperoleh daripada Kerajaan Negeri dan agensi yang lain. Kedudukan baki pinjaman Perbadanan sehingga 31 Disember 2006 berjumlah RM40.96 juta berbanding pinjaman yang diterima sejumlah RM35.91 juta seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66
Kedudukan Baki Pinjaman Perbadanan Sehingga 31 Disember 2006

Sumber Pinjaman	Tarikh Perjanjian	Tujuan Pinjaman/Tempoh Bayaran Balik	Pinjaman Diterima (RM Juta)	Baki Pinjaman Pada 31.12. 2006 (RM Juta)
Kerajaan Negeri	30.12.2002	i. Bayaran ganti rugi kepada Syarikat Yun Tad Sdn. Bhd. (30.12.2004 - 30.12.2006)	1.97	1.97
	30.3.2003	ii. Membiayai sebahagian kos pembinaan Menara PERTAM (29.11.2004 -28.8.2008)	4.80	3.7
	23.6.2004	iii. Membiayai bayaran balik pinjaman kepada Affin Bank Berhad (Sekali gus mulai Januari 2005)	5.00	4.15
Jumlah			11.77	*9.86
Bank Rakyat	28.1.2000	Membiayai sebahagian kos pembinaan Menara PERTAM (2000 - 2017)	18.45	24.42
Jumlah			18.45	24.42
Yayasan Melaka	1.10.2004	i. Menyelesaikan pendahuluan Yayasan Melaka terhadap penubuhan Konsortium YKIP	0.37	*0.37
	15.9.2003	ii. Membiayai sebahagian kos pembinaan Menara PERTAM (1.6.2003 - 31.5.2008)	5.32	6.31
Jumlah			5.69	6.68
Jumlah Keseluruhan			35.91	40.96

Sumber: Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

Nota : * Baki Pinjaman Pokok

Semakan Audit terhadap pinjaman Perbadanan mendapati Daftar Pinjaman masih belum diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Perbadanan bergantung kepada pengesahan baki pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri, Bank Rakyat dan Yayasan Melaka

pada akhir tahun 2006. Selain itu, Perbadanan tidak dapat menjelaskan bayaran ansuran pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian bagi pinjaman seperti berikut:

a) Pinjaman Daripada Bank Rakyat

Pinjaman sejumlah RM18.45 juta diperoleh oleh Perbadanan melalui perjanjian yang ditandatangani pada 28 Januari 2000. Tujuan pinjaman adalah untuk membiayai sebahagian daripada kos pembinaan Menara PERTAM yang berjumlah RM25.17 juta yang terletak di Batu Berendam, Daerah Melaka Tengah. Tempoh bayaran balik adalah selama 17 tahun termasuk 2 tahun *grace period* dengan kadar faedah dikenakan sebanyak 11.5% setahun. Ansuran bulanan sebanyak RM0.22 juta dikehendaki dijelaskan mulai Ogos 2002. Sehingga Disember 2006 Perbadanan hanya berkeupayaan menjelaskan satu bayaran ansuran berjumlah RM0.22 juta dengan keseluruhan pinjaman yang tertunggak telah mencapai RM24.42 juta. Sekiranya Perbadanan mampu menjelaskan ansuran bayaran balik mengikut jadual, sejumlah RM11.42 juta sepatutnya telah dijelaskan antara Ogos 2002 sehingga Disember 2006 atau bersamaan dengan 53 kali ansuran bayaran. Pihak Perbadanan telah berusaha untuk menjelaskan ansuran yang ditetapkan melalui penyewaan ruang pejabat. Bagaimanapun pungutan sewaan bangunan yang diterima berjumlah RM0.23 juta sebulan tidak mampu untuk menampung bayaran ansuran kepada Bank Rakyat jika mengambil kira kos penyelenggaraan bulanan yang dianggarkan berjumlah RM85,000. Dalam usaha mengatasi kemelut ini, Perbadanan telah melakukan pelbagai usaha seperti cadangan tawaran penjualan dan pajakan semula Menara PERTAM kepada Amanah Raya Berhad, tawaran penjualan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk dijadikan Kolej Komuniti serta tawaran kepada syarikat yang berminat untuk membelinya. Bagaimanapun, kesemua usaha Perbadanan tidak mendatangkan hasil yang diharapkan. Lanjutan daripada tindakan Bank Rakyat memulakan tindakan Mahkamah pada tahun 2003, satu siasatan untuk memfailkan Perintah Jualan (Lelongan Awam) Seksyen 260 Kanun Tanah Negara telah dijalankan oleh Pentadbir Tanah Melaka pada Julai 2006. Bagaimanapun, siasatan telah ditangguhkan selama setahun hingga 25 Julai 2007 dengan persetujuan bersama antara Perbadanan dengan Bank Rakyat. Sekiranya Perbadanan masih gagal menjelaskan tuntutan kepada pihak Bank Rakyat dalam tempoh tersebut, siasatan serta tindakan bagi melelong Menara PERTAM akan diteruskan. Menjelang tempoh tersebut Perbadanan terus berusaha untuk menyelesaikan masalah ini dan satu tawaran penjualan kepada Bank Rakyat telah dikemukakan pada 14 Disember 2006. Sehingga tarikh pengauditan

dijalankan, tiada maklum balas diterima daripada Bank Rakyat mengenai tawaran penjualan. Bangunan Menara PERTAM yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 1**.

Foto 1
Bangunan Menara PERTAM



*Sumber: Foto Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
Lokasi: Bangunan Menara PERTAM, Batu Berendam*

b) Pinjaman Daripada Kerajaan Negeri

Sehingga Disember 2006 baki pinjaman Perbadanan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM9.86 juta yang terdiri daripada 3 pinjaman yang telah diperolehi antara tahun 2002 hingga 2004. Semakan Audit mendapati pinjaman berjumlah RM1.97 juta yang diperolehi pada 2002 sepatutnya telah diselesaikan pada Disember 2006 tetapi bayaran ansuran tidak pernah dijelaskan sehingga pinjaman pokok termasuk faedah terkumpul berjumlah RM2.13 juta. Selain itu, pinjaman sejumlah RM4.80 juta yang diperolehi pada tahun 2003 bagi membiayai sebahagian kos pembinaan Menara PERTAM masih berbaki RM3.74 juta pada Disember 2006. Walaupun Perbadanan telah menjelaskan sejumlah RM0.55 juta pada tahun 2005 dan RM0.70 juta pada tahun 2006, tunggakan bayaran balik sehingga Disember 2006 didapati masih tinggi. Perbadanan juga memperoleh sejumlah RM5 juta pinjaman daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2004 bagi menyelesaikan tuntutan

daripada Affin Bank Berhad terhadap pinjaman yang diperoleh pada tahun 1996. Sehingga Disember 2006 tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM4.15 juta.

c) Pinjaman Daripada Yayasan Melaka

Baki pinjaman Perbadanan kepada Yayasan Melaka sehingga Disember 2006 berjumlah RM6.68 juta di mana sejumlah RM6.31 juta digunakan bagi membiayai sebahagian kos pembinaan Menara PERTAM manakala sejumlah RM0.38 juta bagi pendahuluan modal berbayar oleh Yayasan Melaka ke atas penubuhan Konsortium YKIP. Pinjaman asal yang berjumlah RM5.70 juta telah meningkat kepada RM6.68 juta setelah mengambil kira faedah sejumlah RM0.99 juta. Sepanjang tahun 2005 hingga 2006 Perbadanan telah membuat bayaran ansuran sejumlah RM0.10 juta kepada Yayasan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Perbadanan adalah tidak memuaskan dari segi penyelenggaraan Daftar Pinjaman dan bayaran balik ansuran pinjaman. Tindakan Perbadanan mengambil pinjaman sebanyak RM18.45 juta daripada Bank Rakyat untuk pembinaan Menara PERTAM telah memberi risiko kewangan kepada Perbadanan.

34.6 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

Perbadanan tidak mengendalikan sebarang akaun amanah sebaliknya ada mengendalikan 3 akaun deposit yang mempunyai baki berjumlah RM751,052 pada tahun berakhir 2006. Deposit diterima bagi penyewaan bangunan Menara PERTAM dan rumah kedai di Taman Seri PERTAM Fasa II serta dari syarikat subsidiari yang menjalankan kerja penyelenggaraan bangunan Menara PERTAM. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun deposit mendapati Akaun Subsidiari bagi setiap pendeposit masih belum diselenggarakan bagi merekod penerimaan dan pengeluaran deposit. Akaun ini antaranya hendaklah mengandungi maklumat seperti nama pendeposit, tarikh dan jumlah resit apabila deposit diterima serta tarikh dan jumlah baucar bagi pengeluaran deposit. Semakan terhadap akaun deposit hanya dapat dijalankan berpanduan kepada lejer am dan senarai baki deposit individu pada akhir tahun tidak dapat disediakan.

Pihak Audit berpendapat pengurusan akaun deposit dan penyelenggaraan rekod adalah kurang memuaskan.

34.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Pengurusan aset serta inventori yang baik merupakan antara faktor yang mampu mengawal pembaziran perbelanjaan. Kegagalan merekod, menyelenggara serta mengawal penggunaan aset adalah antara punca banyak aset milik Kerajaan didapati hilang, terbiar dan mengalami kerosakan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991 menetapkan dengan khusus bagi mempertingkatkan kawalan terhadap penggunaan harta modal dan inventori. Penggunaan Daftar Harta Modal Dan Inventori yang ditetapkan sekiranya dilaksanakan dengan baik, mampu membendung kerugian kepada sesebuah agensi. Pada tahun 2005 dan 2006 sejumlah RM0.18 juta dan RM1,960 masing-masing telah dibelanjakan untuk pembelian harta modal dan inventori. Perbelanjaan yang dibuat antaranya adalah bagi pembelian kenderaan, peralatan komputer, perabot dan kelengkapan pejabat. Semakan Audit mendapati pengurusan aset dan inventori masih belum memuaskan berdasarkan perkara berikut:

a) Nombor Pendaftaran

Setiap harta modal dan inventori yang diperoleh sama ada melalui pembelian atau sumbangan perlu didaftar di kad dan dicatat pada aset berkenaan. Pendaftaran ini perlu dilakukan bagi membantu Perbadanan mengesan sesuatu harta modal terutama apabila hendak dilakukan pemeriksaan fizikal. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak merekod nombor pendaftaran harta modal terhadap semua harta modal yang digunakan.

b) Daftar Stok Bekalan Pejabat

Bekalan pejabat adalah semua barang luak dan termasuk alat tulis serta kelengkapan pejabat tidak luak yang rendah nilainya. Semakan Audit mendapati pembelian bekalan pejabat tahun 2005 dan 2006 masih belum di rekod sepenuhnya dalam buku daftar. Selain daripada itu, semakan oleh pegawai yang bertanggungjawab hanya dibuat sekali pada 3 Januari 2005 manakala tiada semakan dibuat pada tahun 2006.

c) Pemeriksaan Fizikal Harta Modal

Pemeriksaan fizikal terhadap harta modal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun perlu dilakukan bagi memastikan kewujudan aset. Semakan Audit terhadap Daftar Harta Modal mendapati Perbadanan ada melakukan pemeriksaan fizikal pada tahun 2006.

d) Penggunaan Kenderaan Jabatan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1980 menggariskan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan Kerajaan melalui penggunaan Buku Log. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyediakan Buku Log bagi setiap kenderaan yang dimilikinya. Bagaimanapun, ia tidak kemas kini dengan maklumat seperti berikut:

- i) Nama dan tandatangan pegawai yang menggunakan.
- ii) Nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa.
- iii) Maklumat pembelian minyak belum di rekod sepenuhnya.
- iv) Cerakinan penggunaan bahan api bagi setiap bulan.
- v) Semakan dan tandatangan pegawai yang bertanggungjawab.

e) Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan

Penyelenggaraan kenderaan perlu diberi perhatian yang wajar oleh Perbadanan. Bagi memastikan kenderaan Perbadanan sentiasa selamat dan ekonomi untuk digunakan, maklumat mengenai penyelenggaraan dan kosnya perlu direkodkan. Kos penyelenggaraan yang tinggi dan kekerapan dibaiki bagi kenderaan menunjukkan ianya tidak lagi ekonomi untuk digunakan. Ia jelas boleh membantu Perbadanan untuk membuat cadangan pelupusan. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak merekodkan maklumat mengenai penyelenggaraan kenderaannya ke dalam daftar yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori masih kurang memuaskan dan pihak pengurusan perlu meningkatkan pengurusannya selaras dengan kehendak peraturan yang ditetapkan.

35. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Perbadanan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan masih berlaku berhubung kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod perakaunan. Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan mempertingkatkan sistem penyeliaan, pemantauan dan susulan bagi mewujudkan sistem kawalan dalaman serta pengurusan kewangan yang berkesan.

BAHAGIAN VII
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
KERAJAAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN VII

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGANSI NEGERI

36. PENDAHULUAN

36.1 Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan. Pada 29 Januari 2004, Yang di-Pertuan Agong telah mengeluarkan perintah kepada Ketua Audit Negara supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

36.2 Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2006 Kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM38.58 juta dalam 11 syarikat. Objektif pelaburan Kerajaan Negeri adalah untuk mendapatkan pulangan munasabah, mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Jabatan Audit Negara telah menjalankan analisis untuk menilai prestasi kewangan syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti lebih daripada 50% secara menyeluruh di samping menjalankan pengurusan kewangan Syarikat Kumpulan Melaka Berhad.

KUMPULAN MELAKA BERHAD

37. LATAR BELAKANG

Kumpulan Melaka Berhad (KMB) ditubuhkan pada 25 Februari 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia adalah milik penuh Perbadanan Ketua Menteri Melaka sebagai syarikat pelaburan Kerajaan Negeri dengan komitmennya dalam bidang Pembangunan Hartanah, Pembinaan/Kontrak dan Pelaburan serta memegang portfolio perniagaan strategik. Pegangan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM16 juta iaitu keseluruhan modal berbayar syarikat. Objektif penubuhan syarikat adalah seperti berikut:

- a) Memberi khidmat pengurusan yang cekap dan berkesan terutamanya dalam melaksanakan kesemua projek-projek pembangunan hartanah dan projek-projek pembinaan/kontrak untuk mencapai keuntungan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian atau seperti mana kelulusan Ahli Lembaga Pengarah KMB tidak kurang daripada 10% sasaran keuntungan asal.
- b) Mengusahakan bidang pelaburan pilihan dalam pelbagai aktiviti perniagaan yang berdaya maju untuk mengukuhkan kewangan syarikat dengan sasaran keuntungan meningkat 10% atau lebih setiap tahun.

38. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan KMB telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemah serta selaras dengan penubuhannya.

39. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan meneliti memorandum penubuhan syarikat, peraturan kewangan, minit mesyuarat dan menyemak rekod dan dokumen kewangan berkaitan dengan pengurusan KMB. Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek seperti berikut:

- a) Pengurusan aktiviti Syarikat bagi tahun 2005 dan 2006 dengan tujuan menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

- b) Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan syarikat pada tahun 2004 dan 2005 yang telah diaudit. Kaedah yang digunakan adalah secara perbandingan nilai antara angka, nisbah sebenar dan trend.

40. PENEMUAN AUDIT

40.1 TADBIR URUS KORPORAT

40.1.1 Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi dalam organisasi Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Tataurusan Syarikat (*Memorandum And Articles Of Association*) dan Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya kepada pemegang saham di samping diberi kuasa untuk membuat dan melaksanakan dasar korporat serta memantau pengurusan Syarikat dari segi pentadbiran dan operasi Syarikat. Seksyen 122 Akta syarikat 1965 menetapkan keahlian Lembaga Pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada 2 orang. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2006 KMB mempunyai 8 orang ahli Lembaga Pengarah seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Bil.	Nama	Jawatan/Profesion	Jawatan
1.	YAB. Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam	Ketua Menteri Melaka	Pengerusi
2.	YB. Datuk Wira Ismail bin Saleh	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	Timbalan Pengerusi
3.	YB. Dato' Ilani binti Ibrahim	Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka	Pengarah
4.	YB. Datuk Kamarul Zaman bin Md. Isa	Pegawai Kewangan Negeri Melaka	Pengarah
5.	Tuan Haji Baharom bin Majid	Pengurus Besar PKNM	Pengarah
6.	Y.Bhg. Datuk Ramly bin Ahmad	Ahli Perniagaan	Pengarah
7.	Encik Aziz bin Hamid	Ahli Perniagaan	Pengarah
8.	Encik Karim bin Yaacob	Ahli Perniagaan	Pengarah

Sumber : Rekod Kumpulan Melaka Berhad

Pada tahun 2004, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2005, sebanyak 3 kali dan pada tahun 2006 sebanyak 3 kali. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- a) Pengesahan minit mesyuarat yang terdahulu
- b) Laporan kewangan Syarikat
- c) Laporan prestasi Syarikat
- d) Cadangan penambahbaikan prestasi Syarikat
- e) Projek/aktiviti yang sedang dan akan dijalankan
- f) Isu semasa yang berkaitan

Daripada penelitian terhadap minit mesyuarat, pihak Audit mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah dilaksanakan dengan berkesan. Ini dapat dilihat melalui agenda yang dibincangkan dan kesinambungan perkara yang dibangkitkan serta tindakan susulan yang diambil. Semua perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kepentingan dan objektif penubuhan Syarikat.

40.1.2 Setiausaha Syarikat

Selaras dengan kehendak Seksyen 139(1), 139A dan 139B, Akta Syarikat 1965 menetapkan setiap Syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu Setiausaha yang terdiri daripada ahli badan profesional yang berlesen dan perlu dinamakan dalam memorandum atau artikel syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat telah melantik Puan Mashitah bte Datuk Wira Salleh yang juga merupakan pegawai Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. sebagai Setiausaha Syarikat sejak Julai 2002. Beliau adalah pemegang Ijazah Pentadbiran Korporat dari Universiti Teknologi Mara dan merupakan setiausaha berlesen. Antara tugas beliau meliputi aspek menguruskan mesyuarat Lembaga Pengarah, memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah dan berurusan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia berkaitan dengan kesetiausahaan.

Pada pendapat audit, Setiausaha Syarikat mempunyai kelayakan selaras dengan kehendak Seksyen 139A, Akta Syarikat.

40.2 PERANCANGAN STRATEGIK

Sistem dan prosedur yang menyeluruh, lengkap dan jelas dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah agensi. Ini memudahkan dan menyegerakan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan di samping dapat membantu agensi mencapai fungsi dan objektifnya. Sehubungan ini KMB telah mengeluarkan Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti ke

arah pengiktirafan ISO 9001 berkuat kuasa pada 1 Jun 2006. Bagi mencapai objektif penubuhan syarikat telah menetapkan perancangan strategik seperti berikut:

- a) Visi Syarikat menjadi sebuah syarikat pelaburan Kerajaan Negeri pilihan di dalam bidang Pembangunan Hartanah, Pembinaan/Kontrak dan Pelaburan.
- b) Misi Syarikat merancang dan membuat pelaburan di pelbagai sektor perniagaan yang memberikan pulangan yang menguntungkan dan berdaya maju serta menjadi syarikat korporat yang bertanggungjawab terhadap sosial dan masyarakat.

40.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pihak pengurusan Syarikat mengamalkan konsep pentadbiran yang beranggapan anggota Syarikat merupakan aset utama dalam menentukan kejayaan sesuatu organisasi. Tanggungjawab utamanya ialah memastikan keperluan anggota untuk menjalankan tugas-tugas yang boleh memberi kesan terhadap kualiti produk mestilah cekap berdasarkan pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman.

40.3.1 Pengurusan Kakitangan

Sehingga bulan Januari 2007, KMB mempunyai seramai 17 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Ketua Pegawai Operasi, seorang pengurus operasi, 3 orang Pengurus Bahagian dan seramai 12 orang pegawai eksekutif dan pegawai sokongan seperti di **Jadual 68**.

Jadual 68
Kedudukan Jawatan Yang Diluluskan/Diisi Mengikut
Perjawatan Sehingga Bulan Januari 2007

Kumpulan	Bilangan Jawatan		Kekosongan Jawatan
	Dilulus	Diisi	Bilangan
Jawatan Utama	2	2	-
Bahagian Pentadbiran	9	8	1
Bahagian Kewangan Dan Korporat	2	2	-
Bahagian Pembangunan Perniagaan & Teknikal	5	5	-
Jumlah	18	17	1

Sumber : Rekod Kumpulan Melaka Berhad

40.3.2 Perjawatan Kakitangan

Sehingga Januari 2007, KMB telah mewujudkan 18 jawatan dengan pengisian seramai 17 kakitangan. Pegawai Kewangan Negeri merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah juga telah menjalankan tugas sebagai Ketua Pegawai Operasi dibantu oleh 12 kakitangan tetap dan 4 kakitangan kontrak. Kakitangan kontrak yang dilantik adalah berdasarkan kepada kontrak secara tahunan. Satu kekosongan yang terdapat di Bahagian Pentadbiran adalah bagi jawatan Penyambut Tetamu. Semasa pengauditan dijalankan, KMB sedang mengadakan temu duga bagi jawatan tersebut.

40.3.3 Kelayakan Akademik

Penempatan kakitangan di setiap Bahagian/Unit adalah berdasarkan kepada kelayakan, kepakaran dan pengalaman. Analisis Audit terhadap setiap kakitangan di KMB mendapati kesemua 17 jawatan yang diisi terdiri daripada mereka yang berkelayakan. Tahap kelayakan akademik yang dimiliki oleh kakitangan KMB sehingga Januari 2007 adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Kelayakan Akademik Yang Dimiliki
Oleh Kakitangan KMB Sehingga Januari 2007

Kelayakan Akademik	Bilangan Kakitangan
Jurutera Profesional	1
Sarjana	2
Sarjana Muda	4
Diploma	3
SPM	4
SRP/PMR	2
Darjah 6	1
Jumlah	17

Sumber: Rekod Kumpulan Melaka Berhad

40.3.4 Kecekapan Kesedaran Dan Latihan

Keperluan latihan setiap staf dikenal pasti oleh Pengurus Jabatan melalui Penilaian Prestasi Tahunan. Maklumat ini dijadikan input dalam perangkaan Pelan Latihan Tahunan. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2006 Syarikat telah menghantar 11 orang anggotanya menghadiri 9 modul kursus/seminar. Rekod berkaitan kursus/seminar juga diselenggarakan dengan baik dan teratur. Bagaimanapun kakitangan bawahan tidak dihantar untuk berkursus. Syarikat perlu memastikan semua pegawainya sentiasa diberi

peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan supaya seiring dengan perkembangan semasa dan skop kerja.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi dan fungsi yang jelas serta sumber manusia yang berkelayakan dan berpengalaman, KMB berupaya melaksana dan mencapai objektif penubuhannya dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pengurusan organisasi KMB pada keseluruhannya adalah memuaskan. Namun pihak pengurusan KMB masih boleh meningkatkan lagi amalan terbaik tadbir urus korporatnya dengan mengambil langkah pembaikan sewajarnya.

40.4 PENGURUSAN OPERASI

40.4.1 Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan Syarikat dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Syarikat dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi kawalan bajet, hasil, perbelanjaan, aset dan pelaburan.

a) Kawalan Bajet

Bajet merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk mengenal pasti dan mengagih peruntukan yang diterima serta mengawal perbelanjaan organisasi di bawah kawalannya. Penyediaan bajet bertujuan memastikan program atau aktiviti yang dirancang sepanjang tahun dapat dilaksanakan dengan cekap dan berhemah berlandaskan misi, matlamat serta objektif yang ditetapkan. Pengurus Kewangan dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan menentukan jumlah peruntukan kewangan tahunan yang dikeluarkan tidak melebihi jumlah bajet yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Adalah didapati perbelanjaan sebenar Syarikat pada tahun 2004 berjumlah RM2.43 juta iaitu melebihi 30.6% berbanding anggaran bajet yang diluluskan berjumlah RM1.86 juta. Pada tahun 2005 pula didapati perbelanjaan sebenar Syarikat berjumlah RM2.68 juta berbanding dengan anggaran bajet yang diluluskan berjumlah RM3.13 juta. Ini menunjukkan perbelanjaan sebenar adalah kurang dari anggaran bajet sebanyak 14.4%. **Perbelanjaan melebihi bajet perlu dielakkan bagi mempertingkatkan prestasi syarikat melalui amalan pengurusan perbelanjaan berhemat.**

b) Kawalan Hasil

i) Pendapatan Projek

Pada tahun 2005, KMB telah mengutip hasil berjumlah RM12.92 juta iaitu merosot sejumlah RM6.18 juta atau 32.4% berbanding hasil pada tahun 2004 yang berjumlah RM19.1 juta. Penyumbang utama pendapatan syarikat ialah pendapatan projek sebagai kontraktor utama kepada projek penswastaaan Kerajaan Negeri dan sebagai pemaju perumahan secara usaha sama. **Semakan Audit terhadap 3 fail projek yang dilaksanakan mendapati syarikat masih belum memperoleh balasan keuntungan dari satu projek usaha sama yang bernilai RM9 juta daripada RM10 juta yang telah dipersetujui dalam surat perjanjian yang ditandatangani pada 9 Mei 1996.** Sehingga Disember 2006 projek usaha sama ini telah disiapkan sehingga Fasa 2 dan KMB hanya menerima 3 unit rumah bernilai RM0.42 juta daripada baki jaminan keuntungan yang dijanjikan.

ii) Pengeluaran Resit

Semakan Audit terhadap 22 terimaan projek berjumlah RM10.09 juta tidak dikeluarkan resit. Sebaliknya hanya surat *acknowledgement* yang dilampirkan bersama surat menyurat terimaan hasil dari projek-projek. Selain itu resit syarikat juga telah digunakan untuk akuan terima pendapatan Kelab Sukan Kakitangan Syarikat. Pada pendapat Audit satu garis panduan penggunaan resit rasmi Syarikat perlu diwujudkan bagi tujuan mengawal semua kutipan yang diterima telah diperakaunkan dengan sewajarnya.

c) Kawalan Perbelanjaan

Bagi tujuan kawalan perbelanjaan KMB telah menyediakan prosedur perolehan bagi memastikan aktiviti perolehan dilakukan secara teratur, tepat dan disahkan mengikut keperluan Syarikat. Ianya melibatkan perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat serta penyenggaraan kenderaan untuk kegunaan pejabat bermula dari penyediaan pesanan sehingga penerimaan. Kaedah pembayaran pula disediakan meliputi kelulusan bayaran berdasarkan nilai bayaran, kuasa menandatangani cek mengikut had nilai, peraturan pembelian secara tunai, rundingan terus dan mewujudkan jawatankuasa sebut harga. Semua perjanjian perniagaan atau kontrak Syarikat dengan pihak luar ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi setelah disemak oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan Teknikal. Semakan terhadap baucar bayaran guaman

berjumlah RM0.48 juta didapati mematuhi peraturan yang ditetapkan. Baucar tersebut mempunyai dokumen sokongan yang lengkap dan disimpan secara sistematik.

d) Kawalan Pelaburan

Pada akhir tahun 2005, nilai pelaburan KMB berjumlah RM3.78 juta berbanding RM4.53 juta pada tahun 2004. Pelaburan ini terdiri dari pelaburan dalam syarikat bersekutu berjumlah RM2.94 juta, syarikat subsidiari berjumlah RM0.10 juta dan lain-lain saham tidak tersiar berjumlah RM0.32 juta dan simpanan tetap berjumlah RM0.42 juta. Bagaimana pun pelaburan ini tidak menjana pendapatan bagi menambahkan dana bagi aktiviti utamanya. Adalah didapati satu daripada 4 syarikat subsidiari juga tidak aktif menyebabkan perbelanjaan tahunan audit dan setiausaha ditanggung oleh KMB walaupun ianya sebagai pendahuluan. Sebagai langkah kawalan pengurusan pelaburan KMB telah menyediakan Manual Prosedur Pelaburan.

e) Pengurusan Aset

Aset Syarikat terdiri daripada tanah pembangunan dan pajakan, peralatan pejabat, kelengkapan dan kenderaan. Sehingga Disember 2005, aset Syarikat berjumlah RM6.14 juta. Adalah didapati daftar aset yang disediakan secara berkomputer mengandungi maklumat perolehan aset dan susut nilai. Bagaimanapun satu sistem maklumat yang sempurna perlu diwujudkan mengenai penyelenggaraan aset tetap dan stok, pemindahan atau pergerakan aset, pelupusan dan kehilangan aset dapat direkodkan dan pemeriksaan berkala dapat dijalankan bagi mengesahkan kewujudan aset tersebut.

40.4.2 Pentadbiran

Bagi tujuan kawalan pentadbiran Syarikat telah mewujudkan sistem dan prosedur yang menyeluruh, lengkap dan jelas bagi menyeragamkan urusan dan operasi harian Syarikat. Ini memudahkan dan menyegerakan syarikat membuat keputusan dan mengambil tindakan di samping dapat membantu Syarikat mencapai fungsi dan objektifnya. Sehubungan ini KMB telah mengeluarkan Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti ke arah pengiktirafan MS ISO 9001 berkuat kuasa awal Jun 2006. KMB juga telah mengeluarkan garis panduan dalam bentuk *Staf Hand Book* antaranya mengandungi peraturan pejabat, cuti, kemudahan elaun tugas rasmi, peraturan baru berhubung kakitangan dan pejabat yang diputuskan dalam mesyuarat pengurusan dan lain-lain lagi. Prosedur disiplin kakitangan KMB pula ditetapkan dalam peraturan pejabat yang diedarkan melalui pekeliling Syarikat.

40.5 PENGURUSAN RISIKO


Pengurusan risiko merupakan aspek yang penting dalam operasi perniagaan KMB kerana selaku kontraktor utama terhadap projek usaha sama sering terdedah kepada risiko perundangan yang tinggi. Bagaimanapun KMB telah menyediakan pelan pengurusan risiko melalui surat-surat perjanjian dan khidmat guaman mengikut setiap projek. Kawalan dalaman yang berkaitan dengan tugas semua peringkat kakitangan di samping mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan diwujudkan melalui Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti.

40.6 ANALISIS KEWANGAN

40.6.1 Analisis Penyata Kewangan

Pada akhir tahun 2005, KMB mempunyai aset berjumlah RM19.29 juta berbanding liabiliti berjumlah RM1.46 juta. Nisbah kecairan KMB adalah 7.02 kali ganda yang mana Aset Semasa berjumlah RM9.78 juta berbanding Liabiliti semasa berjumlah RM1.39 juta. Kumpulan Wang Terkumpul KMB telah meningkat sejak tahun 2001 hingga 2005 iaitu sejumlah RM1.84 juta kepada RM17.82 juta seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 10**. Peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul adalah disebabkan lebih pendapatan ke atas perbelanjaan yang diperoleh oleh KMB.

Carta 10
Kumpulan Wang Terkumpul Pada Tahun 2002 Hingga 2005



Sumber: Rekod Penyata Kewangan KMB

a) Lembaran Imbangan

Analisis terhadap item yang mengalami perubahan ketara dalam Lembaran Imbangan adalah seperti di **Jadual 70**. Pada pandangan Audit, butiran yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan Tahun 2005 bertambah baik berbanding tahun sebelumnya. Kerugian terkumpul dapat dikurangkan daripada RM0.82 juta pada tahun 2004 menjadi RM0.79 juta pada tahun 2005. Walaupun aset semasa bersih KMB menurun daripada RM10.90 juta pada tahun 2004 menjadi RM8.39 juta pada tahun 2005, KMB masih mampu untuk membayar semula hutang jangka pendek dan jangka panjang. Selain itu, Tanah Untuk Pembangunan juga meningkat sejumlah RM2.48 juta atau 70.5% menjadi RM5.99 juta pada tahun 2005 berbanding RM3.52 juta pada tahun 2004. Tanah Untuk Pembangunan adalah termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan.

Jadual 70
Perbandingan Aset Semasa Dan Liabiliti Semasa Pada Tahun 2004 Dan 2005

Butiran	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan)	
			(RM Juta)	(%)
Aset Semasa				
Penghutang Perniagaan	0.00	0.35	0.35	100.0
Pelbagai Penghutang, Deposit Dan Prabayar	10.02	7.00	(3.01)	(30.0)
Baki Tunai Dan Bank	2.76	2.43	(0.33)	(11.9)
Jumlah Aset Semasa	12.78	9.78	(3.00)	(23.5)
Tanggungan Semasa				
Pemiutang Perniagaan	0.88	0.37	(0.51)	(57.9)
Pelbagai Pemiutang Dan Akuan	1.01	0.93	(0.04)	(3.9)
Pemiutang Sewa Beli	0.00	0.02	0.02	0.0
Peruntukan Cukai	0.00	0.07	0.07	0.0
Jumlah Tanggungan Semasa	1.89	1.39	(0.50)	(26.5)
Aset Semasa Bersih	10.89	8.39	(2.50)	(45.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

40.6.2 Analisis Trend

a) Lebihan/(Kurangan) Pendapatan

Analisis terhadap Penyata Kewangan pada tahun 2005 mendapati KMB mencatatkan lebihan pendapatan berjumlah RM0.63 juta berbanding RM0.64 juta pada tahun 2004. Lebihan pendapatan berkurangan sejumlah RM0.01 juta atau 1.6% berpunca daripada penurunan pendapatan projek pembangunan. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71
Pendapatan Dan Perbelanjaan Pada Tahun 2004 Dan 2005

Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan)	
			(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	20.88	13.01	(7.87)	(37.7)
Jumlah Perbelanjaan	20.24	12.38	(7.86)	(38.8)
Lebih Pendapatan	0.64	0.63	(0.01)	(1.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

b) Pendapatan

Pendapatan Syarikat pada keseluruhannya menurun sejumlah RM7.87 juta atau 37.7% daripada RM20.88 juta pada tahun 2004 menjadi RM13.01 juta pada tahun 2005. Penurunan ini berlaku disebabkan pengurangan yang diterima daripada hasil projek kerana salah satu projek telah disiapkan pada tahun 2004 sebaliknya projek baru pula sedang dalam peringkat permulaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 72**.

Jadual 72
Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun 2004 Dan 2005

Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan)	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Projek	19.10	12.92	(6.18)	(32.4)
Faedah	0.05	0.04	(0.01)	(20.0)
Lain-lain Pendapatan	1.73	0.05	(1.68)	(97.1)
Jumlah	20.88	13.01	(7.87)	(37.7)

Sumber : Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

c) Perbelanjaan

Perbelanjaan Syarikat pada keseluruhannya telah menurun sejumlah RM7.86 juta atau 38.8% iaitu daripada sejumlah RM20.24 juta pada tahun 2004 menjadi sejumlah RM12.38 juta pada tahun 2005. Kos perbelanjaan projek telah menurun sejumlah RM8.11 juta atau 45.5% berbanding tahun 2004. Perubahan terperinci terhadap perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Perbelanjaan Bagi Tahun 2004 Dan 2005

Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan)	
			(RM Juta)	(%)
Kos Projek	17.81	9.70	(8.11)	(45.5)
Kos Kakitangan	0.82	0.85	0.03	3.6
Kos Belanja Pejabat	0.44	0.35	(0.09)	(20.45)
Yuran Profesional	0.18	0.10	(0.08)	(44.4)
Derma/Sumbangan	0.94	1.26	0.32	34.0
Kos Susut Nilai	0.04	0.04	0.00	0.0
Lain-lain	0.01	0.08	0.07	700.0
Jumlah	20.24	12.38	(7.86)	(38.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

d) Keuntungan Tahunan

Kadar keuntungan tahunan KMB menunjukkan penurunan pada tahun 2005 iaitu berjumlah RM0.63 juta berbanding RM0.64 juta pada tahun 2004. Penurunan ini disebabkan pengurangan bagi pendapatan projek kerana semua projek dalam pelaksanaan kerja berperingkat berbanding tahun 2004 terdapat satu projek telah siap pada tahun yang sama. **Jadual 74** menunjukkan keuntungan tahunan Syarikat bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005.

Jadual 74
Keuntungan Tahunan Pada Tahun 2002 Hingga 2005

Tahun	Keuntungan Tahunan (RM Juta)
2002	0.82
2003	1.12
2004	0.64
2005	0.63

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

40.6.3 Analisis Aliran Tunai

- a) Penyata Aliran Tunai menunjukkan sumber dan penggunaan tunai pada tahun 2005. Sumber tunai adalah terdiri daripada terimaan daripada pelanggan, terimaan dari pelupusan harta, terimaan pinjaman dan lain-lain pendapatan. Penggunaan sumber pula adalah untuk membiayai perbelanjaan operasi, pentadbiran, modal, pembangunan, pembelian pelaburan dan bayaran balik pinjaman. Sumber tunai pada tahun 2005 berjumlah RM12.79 juta merosot sejumlah RM18.75 juta berbanding RM31.54 juta pada

tahun 2004. Sejumlah RM13.12 juta telah digunakan untuk pembayaran kepada pembekal, tanah pembangunan, loji dan peralatan, pentadbiran, faedah dan pemiutang. Pada akhir tahun 2005, baki wang tunai merosot sejumlah RM0.33 juta atau 11.9% kepada RM2.43 juta berbanding RM2.76 juta pada tahun 2004. Butiran Aliran Masuk Tunai seperti di **Jadual 75**.

Jadual 75
Aliran Masuk Tunai Kumpulan Melaka Berhad
Pada Tahun 2005 Berbanding Tahun 2004

Bil.	Terimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Terimaan Dari Pelanggan	22.60	12.58	(10.02)	(44.3)
2.	Pelupusan Tanah Untuk Pembangunan	7.16	0.00	(7.16)	(100.0)
3.	Lain-lain Pendapatan	1.78	0.21	(1.57)	(88.2)
Jumlah		31.54	12.79	(18.75)	(59.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

- b) Aliran keluar tunai pada tahun 2005 juga menurun sejumlah RM16.40 juta atau 55.6% menjadi RM13.12 juta berbanding RM29.52 juta pada tahun 2004. Aliran keluar tertinggi adalah bayaran kepada pembekal RM10.21 juta atau 77.8% daripada keseluruhan aliran keluar wang tunai berjumlah RM13.12 juta berbanding RM16.93 juta pada tahun 2004. Butiran aliran keluar tunai seperti di **Jadual 76**

Jadual 76
Aliran Keluar Tunai Kumpulan Melaka Berhad
Tahun 2005 Berbanding Tahun 2004

Bil.	Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bayaran Kepada Pembekal	16.93	10.21	(6.72)	(39.7)
2.	Tanah Pembangunan	0.00	3.00	3.00	0.0
3.	Perbelanjaan Kepada Pekerja Dan Pentadbiran	12.29	(0.44)	(12.73)	(103.6)
4.	Lain-lain Bayaran	0.30	0.35	0.05	16.7
Jumlah		29.52	13.12	(16.40)	(55.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kumpulan Melaka Berhad

41. RUMUSAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya Syarikat telah melaksanakan pengurusannya dengan memuaskan. Komitmen Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan semua anggota Syarikat mewujudkan satu rangkaian sistem pengurusan yang cekap dan memastikan objektif penubuhan Syarikat tercapai. Bagaimanapun, Syarikat hendaklah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan dengan mengambil inisiatif yang positif untuk mengatasinya agar dapat meningkatkan kecekapan pengurusan. Adalah disyorkan pihak syarikat mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Syarikat perlu berusaha lebih gigih untuk meningkatkan pendapatan Syarikat seterusnya mampu memberi pulangan ke atas dana pemegang sahamnya.
- b)** Kawalan dalaman yang diwujudkan juga hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan.
- c)** Syarikat perlu memantau aktiviti yang tidak termasuk dalam skop Audit. Langkah ini penting bagi menentukan peraturan pengurusan khususnya peraturan kewangan sentiasa dipatuhi.

BAHAGIAN VIII

**KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005
DAN PERKARA YANG BELUM SELESAI**

BAHAGIAN VIII
KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005
DAN PERKARA YANG BELUM SELESAI

42. PENDAHULUAN

Semakan semula telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun lepas dan yang masih belum selesai untuk menentukan sama ada tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Selain itu, bahagian ini juga turut melaporkan mengenai pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

43. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

43.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI

Pada tahun 2005, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin dan Perbadanan Muzium Negeri Melaka. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja belum disediakan dan tidak kemas kini.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun tidak diadakan seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling.
- c) Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- d) Penyata Penyesuaian Hasil, Akaun Tunai dan Daftar Borang Hasil tidak disediakan dengan kemas kini dan lewat disediakan.
- e) Daftar Mel tidak kemas kini dan tarikh serta nombor resit tidak dicatatkan.
- f) Buku Vot tidak disemak dan ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.
- g) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan Daftar Bil juga tidak disediakan dengan kemas kini.
- h) Dokumen kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi pelantikan ahli Lembaga Pengarah belum diperolehi.

- i) Perjawatan belum diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Negeri.
- j) Carta Organisasi tidak lengkap dan tidak dipamerkan.
- k) Aspek kawalan peruntukan, keselamatan terhadap wang tunai dan borang hasil adalah lemah.
- l) Penyelenggaraan Panjar Wang Runcit tidak memuaskan.
- m) Pengurusan perolehan tidak mematuhi peraturan.
- n) Pelaburan tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- o) Semakan harian tidak dibuat antara Buku Tunai dan resit.
- p) Pengurusan Harta Modal dan inventori belum diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta tidak dijalankan pemeriksaan fizikal.
- q) Sehingga April 2005, tunggakan hasil sewa tanah oleh 32 pengusaha berjumlah RM0.20 juta bagi Taman Buah-buahan Tropika Selandar telah tertunggak sejak tahun 1999. Jabatan tidak menyediakan dan mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil kepada Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara.
- r) Perjanjian belum ditandatangani antara Jabatan Pertanian dan syarikat bagi membenarkan syarikat yang telah menguruskan Pusat Latihan Sungai Udang mulai tahun 2004.
- s) Daripada RM2.30 juta perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004, sebanyak 28.5% atau RM0.65 juta merupakan perbelanjaan yang dibuat pada akhir tahun dan dibayar melalui Akaun Kena Bayar.
- t) Penyimpanan stok bagi input pertanian tidak teratur dan menyukarkan pemeriksaan fizikal. Sebahagian pembelian baja dan racun serangga sejak tahun 1995 masih belum digunakan, rosak dan telah luput tempoh berpunca daripada stok yang dipesan melebihi keperluan sebenar.
- u) Pengeluaran bekalan bahan pertanian ke daerah sukar ditentukan dan Daftar Bekalan Stok belum diselenggara dengan kemas kini .
- v) Pemverifikasi stok tidak dilantik bagi menjalankan pemeriksaan fizikal, merancang pembelian dan melupuskan stok.

43.2 Kedudukan Masa Kini

Tindakan telah diambil untuk mengatasi sebahagian daripada kelemahan yang dibangkitkan. Bagi Perbadanan Muzium Negeri Melaka tindakan telah dan sedang diambil untuk menyelenggarakan, mengemas kini dan memperbaiki semua rekod kewangan dengan lebih

berkesan. Aspek kelemahan berhubung pengurusan kewangan serta langkah pembetulan telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di peringkat Jabatan dan Agensi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan antaranya maklumat seperti butiran aset, pemeriksaan fizikal, verifikasi stok serta buku log masih belum dikemas kini, kelulusan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan jawatan kontrak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri, perbelanjaan di luar kawalan dan pelaburan tidak mendapat kelulusan. Jabatan Pertanian pula sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar bagi pelupusan stok pertanian yang telah rosak dan luput tempoh kegunaannya. Perjanjian antara Jabatan Pertanian dan syarikat masih belum ditandatangani manakala tunggakan hasil sewa tanah berjumlah RM0.13 juta bagi Taman Buah-buahan Tropika Selandar sejak tahun 1999 masih berlaku. Sebanyak 74 baucar perbelanjaan pembangunan berjumlah RM0.90 juta masih dikenakan di bawah Akaun Kena Bayar. Di Pejabat Tanah antara kelemahan yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan ialah harta modal dan inventori tidak didaftarkan, Daftar harta modal dan inventori serta buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, nombor siri pendaftaran tidak dilekatkan pada aset, pemeriksaan fizikal tidak dijalankan, Daftar Borang Hasil belum disediakan, baucar bayaran lewat disediakan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima dan bayaran balik pinjaman bagi kakitangan kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan tidak dituntut.

44. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan semula terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas menunjukkan tiada perkara berbangkit yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi yang diaudit.

BAHAGIAN IX

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

BAHAGIAN IX
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

45. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2005 telah dibentangkan pada **16 Oktober 2006**.

BAHAGIAN X

**KEDUDUKAN KEMAJUAN
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN X
KEDUDUKAN KEMAJUAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI

46. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2006, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam telah bersidang 3 kali untuk membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 dan 2005. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenai Laporan Audit Negara tahun 2004 dan 2005 telah dibentangkan seperti dikehendaki dalam Dewan Undangan Negeri yang diadakan pada bulan Oktober 2005. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sebelum laporan Jawatankuasa mengenainya dibentangkan adalah seperti di **Jadual 77**.

Jadual 77
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri
Pada Tahun 2006

Tarikh	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Perkara
17.01. 2006	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin dan Majlis Perbandaran Alor Gajah	1. Peningkatan tunggakan kutipan cukai taksiran. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004)
20.06.2006	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	1. Membincangkan wang proses permohonan tanah yang tidak dipungut dan kesilapan memungut bayaran proses. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004)
		2. Membincangkan kelewatan permohonan pengambilan balik tanah. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004)
11.12. 2006		1. Membincangkan pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 untuk meminta penjelasan Ketua Jabatan.

PENUTUP

PENUTUP

Perkara berkaitan kelemahan pengurusan kewangan yang dilaporkan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak terlibat. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai serta peruntukan kewangannya, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

13 Julai 2007

LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2006 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2006.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

13 JULAI 2007

Lampiran II

Lembaran Imbangan seperti pada 31 Disember 2006

Penyata	Nota	2006 RM	2005 RM
WANG AWAM			
A WANGTUNAI	1	51,421,600.55	42,425,373.97
B PELABURAN	2	<u>156,790,600.19</u>	<u>160,308,138.14</u>
		<u>208,212,200.74</u>	<u>202,733,512.11</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULANWANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	3	20,610,894.35	20,430,147.72
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	4	174,815.26	174,815.26
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	5	<u>187,426,491.13</u>	<u>182,128,549.13</u>
		<u>208,212,200.74</u>	<u>202,733,512.11</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


(DATUK KAMARUL ZAMAN BIN MD. ISA)
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI MELAKA


(KAMAL BAHRI BIN HJ. RAMLI)
BENDAHARI NEGERI
MELAKA

Lampiran III

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai seperti pada 31 Disember 2006

TERIMAAN		RM	RM
Hasil	Penyata C		
Hasil Cukai		67,131,001.47	
Hasil Bukai Cukai		103,785,798.56	
Terimaan Bukan Hasil		<u>84,508,581.37</u>	255,425,381.40
Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		35,972,601.60	
Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>	35,972,601.60
Terimaan Bukan Modal	Penyata E1a		
Terimaan Balik Pinjaman		54,152,190.35	
Jualan Aset Modal		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		0.00	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	54,152,190.35
Terimaan Lain	Penyata E/E1	71,339,534.23	71,339,534.23
Jumlah Terimaan			<u>416,889,707.58</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	Penyata C		
Emolumen		48,946,687.26	
Perkhidmatan dan Bekalan		81,303,076.57	
Aset		6,689,953.69	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		116,618,129.95	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		<u>1,686,787.30</u>	255,244,634.77
Perbelanjaan Pembangunan	Penyata E1a		
Langsung		62,334,120.74	
Pinjaman		<u>21,516,582.20</u>	83,850,702.94
Perbelanjaan Modal	Penyata B/E1		
Pembelian Instrumen Kewangan		3,517,537.95	3,517,537.95
Bayaran Balik Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		36,327,735.80	
Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>	36,327,735.80
Lain-lain Bayaran	Penyata E/E1		
Bayaran Amanah			<u>0.00</u>
Jumlah Bayaran			<u>378,940,611.46</u>
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai			37,949,096.12
Wangtunai pada 1 Januari 2006	Penyata A		42,425,373.97
WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2006			<u>51,421,600.55</u>

Lampiran IV

Penyata Akaun Memorandum seperti pada 31 Disember 2006

Penyata	Nota RM	2006 RM	2005
F ASET			
I PINJAMAN BOLEH TUNTUT		843,054,347.88	847,923,063.12
II. PELABURAN		25,986,239.75	25,737,411.82
III. TUNGGAKAN HASIL		71,113,098.88	60,364,861.84
G TANGGUNGAN			
I. HUTANG AWAM		1,054,855,353.95	1,030,332,622.32

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


(DATUK KAMARUL ZAMAN BIN MD. ISA)
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI MELAKA


(KAMAL BAHRI BIN H.J. RAMLI)
BENDAHARI NEGERI
MELAKA

**Nota Kepada Penyata Akaun Awam
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2006**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

A. DASAR PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI

1. Kerajaan Negeri Sebagai Entiti Perakaunan.

Sebagai sebuah entiti perakaunan Kerajaan Negeri adalah termasuk semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan.

2. Persembahan Penyata Kewangan.

Penyata-penyata Akaun Awam yang disediakan adalah mengikut kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 16(1) seperti berikut :

- a) Akaun Hasil Disatukan
- b) Akaun Pinjaman Disatukan
- c) Akaun Amanah Disatukan
- d) Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan tanggungan.

3. Dasar Perakaunan.

Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

4. Asas Perakaunan.

Penyata Kewangan disediakan berasaskan tunai ubahsuai yang membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan atau perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada tahun itu.

5. Kaedah Perakaunan.

Kaedah perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan 2 konsep seperti di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (a) Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca daripada keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau

diterima kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam seumpamanya dimasukkan serta menjadi satu Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri itu (Fasal 97(2)).

- (b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).

6. Tahun Kewangan.

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 3 adalah suatu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

B. LEMBARAN IMBANGAN

1. Wangtunai – Penyata A

- (a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wangtunai Dalam Perjalanan dan Wangtunai Dalam Bank.

- (b) Baki Wangtunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah membuat penyesuaian perbezaan baki antara buku tunai dan baki bank sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank sehingga 31 Disember 2006.

2. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Disatukan.

3. Akaun Hasil – Penyata C

- (a) Akaun Hasil– Penyata C1

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

Kutipan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Prestasi kutipan hasil berbanding dengan bajet ditunjukkan dalam bentuk peratusan.

(b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti berikut:

- (i) Emolumen, barang-barang dan perkhidmatan;
- (ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan.

4. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan Negeri termasuk bayaran balik pinjaman.

5. Akaun Amanah Disatukan – Penyata E

(a) Kumpulanwang Pembangunan penyata E1a.

Terimaan bagi Kumpulanwang ini adalah terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan.

(b) Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c.

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 10 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumbangan kewangan Kumpulanwang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Pada tahun ini sebanyak 18 akaun sejumlah RM193.01 juta telah dipindahkan dari Kumpulanwang Amanah Awam ke Kumpulanwang ini bagi mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957 penubuhan Kumpulanwang Amanah dibawah Seksyen 10 .

(i) Kumpulan Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain.

Baki Kumpulanwang kepada Badan Berkanun tidak termasuk bayaran balik pinjaman secara kontra oleh agensi bagi projek tahun 2002 berjumlah RM7,514,292.61 manakala 2003 berjumlah RM1,227,303.00 dan sehingga tahun 2006 berjumlah RM2,611,819.89.

(c) Kumpulanwang Amanah Awam - Penyata E2.

Kumpulanwang Amanah Awam adalah terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Akta yang

**Nota Kepada Penyata Akaun Awam
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2006**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

berkaitan dan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 9 dan Seksyen 10. Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan tertentu.

Sejumlah RM193.01 juta dari Kumpulanwang ini telah dipindahkan ke Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957 yang sepatutnya dibawah Seksyen 10.

(d) Akaun Deposit – Penyata E3

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian.

C. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI.

Penyata ini menunjukkan semua terimaan terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, terimaan modal dan lain-lain terimaan. Bayaran wang tunai pula terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran.

D. PENYATA AKAUN MEMORANDUM.

Penyata ini menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh dilunaskan pada masa hadapan yang tidak ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan.

1. Akaun Memorandum Aset – Penyata F.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut – Penyata F1

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan

Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan Sumber Negeri dan Sumber Persekutuan. Penyata ini juga menunjukkan jumlah baki perseorangan pinjaman kenderaan, komputer dan perumahan.

(i) Sejumlah RM8,914,250.84 bagi tahun 2005 manakala RM13,364,526.00 di tahun 2006 adalah bayaran pinjaman secara kontra yang telah diambilkira dalam Penyata F1(b) tetapi belum diambilkira dalam Kumpulanwang Disatukan.

(b) Pelaburan – Penyata F2

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum.

(c) Tunggakan Hasil – Penyata F3

Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir Tahun Kewangan 2006.

2. Akaun Memorandum Tanggungan – Penyata G.

(a) Hutang Awam – Penyata G1

Penyata hutang ini menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan balik kepada Penguasa-Penguasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan projek Perumahan Awam Kos Rendah. Baki belum selesai pada tahun 2005 ialah RM1,054,855,353.95.